

**KAJIAN URUS TADBIR YANG BAIK BAGI  
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR**

**HAKMILIK MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

**2023**

**Oleh:**

**Ketua Penyelidik**

Dr.Noor Dzuhaidah Osman<sup>1</sup>

**Ahli-ahli Penyelidik:**

Datuk Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain<sup>2</sup>

Prof.Madya Dr.Syahirah Abdul Shukor<sup>3</sup>

Dr.Norman Zakiyy<sup>4</sup>

Prof.Madya Dr.Ahmad Syukran Badaruddin<sup>5</sup>

Puan Syuhailah Abd.Latif<sup>6</sup>

**Enumerator:**

Izza Madihah Binti Hamdan<sup>7</sup>

<sup>1,3,4,5,7</sup> Fakulti Syariah Dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai

71800 Nilai, Negeri Sembilan

<sup>2</sup>International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM)

Kuala Lumpur dan

Fakulti Pengurusan Industri

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

<sup>6</sup>Peguambela Dan Peguamcara

Mahkamah Tinggi Malaya

Peguam Syarie Selangor

## **PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

### **TAJUK PENYELIDIKAN: KAJIAN URUS TADBIR YANG BAIK BAGI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR**

Saya, Ketua Penyelidik, Dr.Noor Dzuhaidah Osman,dengan ini mengaku bahawa hasil kerja yang bertajuk Kajian Urus Tadbir Yang Baik Bagi Majlis Agama Islam Negeri Selangor adalah asli dan bukan plagiat. Saya telah menggunakan kaedah rujukan yang betul dan menghormati hakcipta sumber-sumber yang saya gunakan dalam hasil kerja ini. Saya juga menyerahkan hakcipta hasil kerja ini kepada Majlis Agama Islam Negeri Selangor dan membenarkan penggunaan hasil kerja ini untuk tujuan akademik atau penyelidikan. Saya memahami bahawa jika saya melanggar perakuan ini, saya boleh dikenakan tindakan.



Tandatangan Ketua Penyelidik:

**DR.NOOR DZUHAIDAH BINTI OSMAN**  
Senior lecturer  
Faculty of Syariah and Law  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Jawatan: PENSYARAH KANAN

Tarikh: 08/12/2023

## **PENGHARGAAN**

Ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak yang berikut kerana membantu dalam menjayakan kajian geran MAIS ini:

- 1) Pertamanya kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang memberi kepercayaan kepada kumpulan penyelidikan kami untuk menjalankan kajian bagi geran ini. Juga untuk memberikan kami maklumat dan kerjasama yang terbaik untuk kami memenuhi keperluan objektif-objektif kajian.
- 2) Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) , juga Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang dengan rela hati dan terbuka menerima kunjungan kami bagi tujuan menemuramah pengurusan tertinggi bagi membandingkan amalan pentadbiran MAIS, MAINS dan MAIWP bagi tujuan urusan penambahbaikan urus tadbir Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).
- 3) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terutamanya ahli-ahli penyelidik, Dekan dan staf pentadbiran juga, pembantu penyelidik dari Fakulti Syariah dan Undang-undang, Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (PPPI), USIM bagi tujuan kelulusan penyelidikan dan segala aktiviti dan dokumen yang berkaitan.

Setiap bantuan dan sokongan dari pihak-pihak ini telah memainkan peranan penting dalam menjayakan geran ini. Juga kepada mana-mana pihak yang secara langsung dan tidak langsung menyumbang kepada urusan kelancaran penyelidikan ini. Semoga kerjasama yang baik ini berterusan untuk manfaat bersama dan diberkati Allah s.w.t demi kemajuan umat Islam di Selangor khususnya. Terima kasih sekali lagi atas sumbangan yang amat berharga.

## SINOPSIS

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji elemen urus tadbir terbaik yang perlu diamalkan dan diperbaiki oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam peranannya yang besar sebagai penasihat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor (DYMM Sultan) dalam semua perkara yang berkaitan dengan pentadbiran agama Islam di Selangor. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji permasalahan yang timbul dalam bidang kuasa MAIS, termasuk isu sumber, pengasingan, pengagihan, perwakilan atau pemberian kuasa. Kajian ini menganalisa dua (2) Jawatankuasa yang diuruskan di bawah Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS), iaitu Jawatankuasa Fatwa dan Jawatankuasa Falak. Proses penubuhan Jawatankuasa, pelantikan ahli Jawatankuasa, penamatan ahli Jawatankuasa, tuntutan elaun mesyuarat, pengurusan mesyuarat Jawatankuasa, dan perkara-perkara lain berkaitan masih tertakluk kepada arahan dan ketetapan yang dibuat oleh MAIS. Kajian ini mengenal pasti kesesuaian amalan MAIS dengan peruntukan undang-undang iaitu Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor (UTKS) 1959, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (EPAINS) 2003, serta keselarasan dengan peruntukan Perlembagaan Malaysia sebagai undang-undang tertinggi negara.

Kajian ini bermula secara doktrinal untuk menentukan keabsahan kedudukan MAIS dari segi perundangan. Ini dilakukan melalui kajian perpustakaan, temubual yang dibuat secara semi-struktur dengan ahli pengurusan tertinggi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) iaitu MAIS, MAIWP dan MAINS. Sampel kajian temubual terdiri tujuh pegawai atasan daripada pihak pengurusan tertinggi yang mengetahui selok belok perjalanan operasi MAIN dan berupaya membuat keputusan bagi MAIN.

Temubual dilaksanakan bertujuan untuk mengukur kebolehpercayaan soal selidik. Walau bagaimanapun hasil kajian menunjukkan bahawa pengasingan, pengagihan, perwakilan atau pemberian kuasa dalam MAIS, JMNS, dan JAKESS masih menjadi persoalan dan proses semak dan imbang nampaknya tidak berlaku di peringkat tertentu. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan pemahaman yang mendalam tentang kedudukan MAIS dari segi perundangan serta menghasilkan dasar atau polisi bagi penambahbaikan dan pematuhan urus tadbir yang lebih baik. Hasil kajian ini amat berfaedah kepada penggubal undang-undang bagi membuat pertimbangan untuk membentuk garis panduan dan urus tadbir Majlis Agama Islam Negeri Selangor. Akhir kalam, adalah diharap agar kajian dapat menyingkap segala permasalahan yang telah, sedang dan akan timbul, seperti kuasa memanggil mesyuarat, dan sebagainya bagi memungkinkan lebih keberkesanan dalam pemantauan dan pengawasan oleh MAIS.

## SENARAI KANDUNGAN

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 RINGKASAN LAPORAN .....	1
1.2 PENDAHULUAN .....	2
1.3 LATAR BELAKANG .....	5
1.4 PERNYATAAN MASALAH.....	7
1.5 PERSOALAN KAJIAN.....	8
1.6 OBJEKTIF KAJIAN.....	8
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN.....	9
1.8 KEPENTINGAN URUS TADBIR YANG BAIK .....	9
1.9 HALANGAN-HALANGAN .....	10
1.10 KESAN JIKA KAJIAN INI TIDAK DIJALANKAN.....	11
1.11 KESIMPULAN.....	12

### **BAB 2 SOROTAN KAJIAN .....**

<b>2.1 PENGENALAN.....</b>	<b>14</b>
2.2 KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG BAGI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI ..	14
2.3 MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR .....	16
2.3.1 Fungsi dan Tanggungjawab MAIS, JAKESS dan JMNS .....	16
2.3.2 Fungsi dan Tanggungjawab MAIS .....	16
2.3.3 Fungsi dan Tanggungjawab JAKESS .....	18
2.3.4 Fungsi dan Tanggungjawab Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) .....	21
2.4 MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP).....	24
2.5 MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS) .....	26
2.6 URUS TADBIR YANG BAIK.....	27
2.6.1 Maksud Urus Tadbir Secara Am.....	31
2.6.2 Maksud Urus Tadbir dalam Islam.....	31
2.6.3 Elemen Penting Urus Tadbir.....	34
2.7 PENGASINGAN ATAU PENGAGIHAN KUASA .....	35
2.8 PEMUSATAN KUASA JAWATANKUASA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI ..	37
2.9 SUMBER KUASA .....	41
2.10 KESIMPULAN.....	42

### **BAB 3 METODOLOGI.....**

<b>3.1 PERMASALAHAN KAJIAN .....</b>	<b>44</b>
3.2 OBJEKTIF KAJIAN.....	45
3.3 REKA BENTUK PENYELIDIKAN .....	46
3.4 METODE DOKTRINAL.....	48
3.5 METODE TEMU BUAL SEPARA STRUKTUR .....	50
3.6 LOKASI KAJIAN .....	51
3.7 PEMILIHAN INFORMAN .....	52
3.8 ANALISIS DATA .....	52
3.9 STRATEGI DALAM MENENTUKAN KEBOLEHPERCAYAAN HASIL KAJIAN	53
3.10 RISIKO DAN PELAN MITIGASI.....	58
3.11 BAGAIMANA PERSOALAN MERUJUK KEPADA METODE .....	60
3.12 SKOP PENYELIDIKAN.....	63

3.13 PERANCANGAN PENYELIDIKAN.....	64
3.14 MILESTONE PENYELIDIKAN .....	65
3.15 CARTA ALIR PENYELIDIKAN .....	65
3.16 GAMBAR-GAMBAR PENYELIDIKAN.....	66
3.17 KESIMPULAN.....	66
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN .....</b>	<b>68</b>
4.1 PENGENALAN.....	68
4.2 LATAR BELAKANG KAJIAN.....	68
4.2.1 Kedudukan Islam di Perlembagaan Persekutuan.....	70
4.2.2 Berdasarkan Undang-Undang Tubuh Negeri.....	70
4.3 JUSTIFIKASI MAIWP DAN MAINS DIJADIKAN KAJIAN KES .....	70
4.4 PERSOALAN-PERSOALAN KAJIAN.....	71
4.4.1 Kedudukan MAIS, JAKESS dan JMNS.....	71
4.4.2 Fungsi MAIS.....	72
4.4.3 Isu Pemusatan Kuasa dan Konflik Berkepentingan.....	78
4.4.4 Perbandingan Enakmen dan Undang-Undang .....	92
4.5 PERBANDINGAN URUS TADBIR TERBAIK JUGA AMALAN MAIN.....	93
4.6 URUS TADBIR YANG BAIK MAIS.....	100
4.7 KESIMPULAN.....	106
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>107</b>
5.1 PENDAHULUAN .....	107
5.1.1 Sumber Kuasa MAIS, JMNS dan JAKESS.....	108
5.1.2 Struktur MAIS Sedia Ada.....	109
5.1.3 Peranan Eksekutif MAIS, JMNS dan JAKESS .....	110
5.1.4 Tadbir Urus MAIS secara Umum .....	112
5.1.5 Cadangan Penambahbaikan Tadbir Urus MAIS.....	113
5.2 PENUTUP.....	114
<b>LAMPIRAN 1.....</b>	<b>120</b>
<b>LAMPIRAN 2.....</b>	<b>121</b>
<b>LAMPIRAN 3.....</b>	<b>122</b>
<b>LAMPIRAN 4.....</b>	<b>123</b>
<b>LAMPIRAN 5.....</b>	<b>125</b>
<b>LAMPIRAN 6.....</b>	<b>128</b>
<b>LAMPIRAN 7.....</b>	<b>138</b>
<b>LAMPIRAN 8.....</b>	<b>152</b>
<b>LAMPIRAN 9.....</b>	<b>160</b>
<b>LAMPIRAN 10.....</b>	<b>175</b>
<b>LAMPIRAN 11.....</b>	<b>190</b>
<b>LAMPIRAN A.....</b>	<b>157</b>
<b>LAMPIRAN B.....</b>	<b>158</b>
<b>LAMPIRAN C.....</b>	<b>159</b>
<b>LAMPIRAN D.....</b>	<b>180</b>
<b>LAMPIRAN E.....</b>	<b>186</b>
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>195</b>

## **SENARAI SIMBOL, KEPENDEKAN**

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor (DYMM Sultan)

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (EPAINS) 2003

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor (UTKS) 1959

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran 1:Kajian Perbandingan Jawatankuasa Dan Bahagian Kesetiausahaan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri

Lampiran 2: Jawatankuasa Fatwa Di Bawah Jabatan Mufti

Lampiran 3: Contoh Kaedah Pemberian Kuasa Yang Diamalkan Maiwp Dan Mains Terhadap Jabatan Mufti Dan Jabatan Kehakiman Syariah

Lampiran 4: Rumusan Dapatan Kajian

Lampiran 5: Sumatif Cadangan Kajian

Lampiran 6: Foto-Foto

Lampiran 7: Dasar Memperkasakan Urus Tadbir Antara Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) , Dan Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS)

Lampiran 8: Dasar/Polisi Penyusunan Semula Struktur Organisasi Pentadbiran Hal Ehwal Islam Selaras Dengan Peruntukan Perkara 48 UTKS 1959

Lampiran 9: Dasar/Polisi Kaedah Penubuhan Jawatankuasa Dan Peletakan Fungsi Kuasa Di Bawah JAKESS Dan JMNS

Lampiran 10: Dasar/Polisi Kod Etika MAIS

Lampiran 11: Dasar/Polisi Data Asnaf Yang Sama Untuk MAIS,MAINS Dan MAIWP

Lampiran A: Cadangan Carta Organisasi Institusi Pentadbiran Islam Negeri Selangor

Lampiran B: Cadangan Struktur Badan Eksekutif

Lampiran C: Cadangan Struktur Organisasi Pejabat MAIS Dicartakan

Lampiran D: Insight: The Conceptual Framework For Building The World Class Good Governance Ethics

Lampiran E: United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP) on Good Governance

## **BAB 1 PENGENALAN**

### **1.1 RINGKASAN LAPORAN**

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mengkaji serta menganalisis elemen-elemen urus tadbir terbaik yang perlu diterapkan dan ditingkatkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). MAIS adalah pihak berkuasa utama selepas DYMM Sultan dalam melaksanakan tugas pentingnya, iaitu memberikan nasihat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor (DYMM Sultan) dalam semua aspek yang berkaitan dengan agama Islam, dan juga dalam mentadbir dan mengurus hal ehwal Islam di negeri Selangor.

Terdapat pelbagai isu yang dibangkitkan mengenai urus tadbir MAIS, namun secara asasnya kajian ini cuba menghuraikan urus tadbir MAIS secara umum juga secara spesifik merujuk kepada isu-isu utama yang dibangkitkan. Laporan kajian ini dibahagikan kepada 5 Bab seperti di bawah:

Bab 1-Pengenalan

Bab 2-Sorotan Kajian

Bab 3-Metodologi

Bab 4-Dapatan Kajian

Bab 5- Perbincangan, Kesimpulan Dan Cadangan

Bab I Pengenalan akan cuba menghuraikan persoalan kajian secara umum, dengan mengambil kira latar belakang peristiwa yang berlaku yang membawa kepada keperluan kajian ini. Sedikit pengenalan undang-undang berkaitan MAIS, JAKESS dan JMNS dan hubungkait dengan urus tadbir yang baik akan dihuraikan bagi memberikan gambaran keseluruhan perbincangan untuk mencapai matlamat kajian. Bab 2 Sorotan Kajian akan menghuraikan kajian lepas yang ada

berkaitan MAIS, kedudukan MAIS dari perundangan dan urus tadbir. Kajian Sorotan bagi Bab 2 ini terbahagi dua bahagian. Bahagian Pertama merangkumi analisis mengenai kedudukan undang-undang bagi Majlis Agama Islam Negeri. Manakala, Bahagian Kedua menghuraikan amalan terbaik dalam tadbir urus, dengan fokus utama terhadap Majlis Agama Islam. Bab 3 Metodologi menghuraikan kaedah kajian yang dilakukan melalui kajian perpustakaan juga temubual yang dibuat secara semi-struktur dengan ahli pengurusan tertinggi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) iaitu MAIS, MAIWP dan MAINS. Bab 4 Dapatan Kajian menghuraikan dapatan hasil dari kajian doktrinal juga temuramah pengurusan tertinggi MAIS, MAIWP dan MAINS hasil daripada pengumpulan data dan bahan yang diperolehi oleh para penyelidik sepanjang penyelidikan yang bermula pada September 2022. Bab 5 menghuraikan Perbincangan, Kesimpulan Dan Cadangan sebagai hasil dari kajian ini. Bab ini juga melampirkan cadangan dasar/polisi untuk MAIS perhalusi bagi memantapkan urus tadbir yang baik.

## **1.2 PENDAHULUAN**

Sumber kuasa bagi institusi Majlis Agama Islam secara amnya adalah seperti peruntukkan di bawah Perkara 3(5) Perlembagaan Persekutuan yang berhubungan dengan agama Islam. Fungsi Majlis Agama Islam adalah untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong bagi memastikan perkara-perkara berhubungan dengan agama Islam selaras dengan sebarang peruntukan Parlimen. Oleh sebab hal ehwal agama Islam merupakan urusan Majlis Agama Islam, adalah menjadi tanggungjawab Majlis untuk mentadbir urus dengan urus tadbir yang terbaik.

Kajian ini adalah signifikan dalam proses mengenal pasti sama ada elemen urus tadbir yang baik diamalkan oleh MAIS dan juga jabatan-jabatan utama dalam MAIS seperti Hukum Syarak di bawah Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) dan pentadbiran keadilan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS).

Pengenalpastian elemen tadbir urus yang baik adalah signifikan dalam usaha mencapai kecemerlangan, kecekapan, ketelusan, keupayaan membuat keputusan dan akauntabiliti dalam tadbir urus organisasi.

Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (EPAINS 2003) adalah sumber undang-undang utama yang dirujuk secara kajian doktrinal pada awal kajian. Sumber kuasa yang jelas dan dipatuhi merupakan tunggak kepada kedaulatan undang-undang, yang merupakan salah satu elemen urus tadbir yang baik. Jika sumber kuasa yang jelas tetapi cara pentadbiran dan amalan dilihat berlainan atau bercanggah dengan kehendak undang-undang tersebut maka akan timbul permasalahan kepada institusi tersebut kelak.

Jika Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (EPAINS) disoroti semula, didapati bahawa tajuk panjang dan mukadimah EPAINS menyatakan ia adalah suatu Enakmen peruntukan baru tentang pentadbiran Agama Islam; penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah, penubuhan dan fungsi MAIS, dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Seksyen 4 EPAINS 2003, secara dasarnya menyatakan bahawa Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berperanan untuk membantu dan menasihati DYMM Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan atau berkaitan dengan agama Islam.

Seksyen 6 Enakmen tersebut pula menyatakan bahawa fungsi MAIS adalah untuk membantu dan menasihati DYMM Sultan bagi semua perkara berhubungan agama Islam di Negeri Selangor, kecuali Hukum Syarak (di bawah Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS)) dan pentadbiran Keadilan) di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)).

Berdasarkan Seksyen 6 EPAINS tersebut jelas menunjukkan terdapat elemen urus tadbir yang baik yang mana terdapat aplikasi doktrin pengasingan kuasa sepertimana yang terdapat dalam pentadbiran kerajaan di peringkat persekutuan mahupun di peringkat negeri yang secara dasarnya merujuk kepada kuasa Legislatif, kuasa Eksekutif dan kuasa Kehakiman.

Bahagian II EPAINS 2003 menyatakan tentang kuasa eksekutif Majlis Agama Islam Selangor. Bahagian III memerihalkan kuasa eksekutif dalam isu pelantikan mufti, kuasa dalam hal ehwal agama, jawatankuasa fatwa dan fatwa yang berhubungan dengan kepentingan nasional. Bahagian IV pula menyatakan kuasa kehakiman Mahkamah Syariah, manakala Bahagian V menyatakan kuasa pendakwaan dan perwakilan pula.

Namun sejauh mana keberkesanan dalam pelaksanaan urus tadbir sedia ada bagi mencapai matlamatnya akan dikaji dalam kajian ini. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk menganalisis peruntukan Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, EPAINS 2003 dan Perlembagaan Persekutuan, dengan berpaksikan urus tadbir yang baik. Selain itu kajian secara kualitatif dilakukan dengan menemuramah Majlis Agama Islam negeri lain seperti Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan bagi melihat amalan pentadbiran mereka. Ini bertujuan untuk penambahbaikan sistem urus tadbir yang sedia ada dari segi pelaksanaan juga dalam menjalankan peranan yang lebih berkesan oleh jabatan-jabatan yang terlibat pada masa sekarang dan akan datang. Kajian ini juga bertujuan mencari jalan penyelesaian kepada masalah keberkesanan pentadbiran, pertikaian perundangan, jika ada pada masa akan datang.

Secara dasarnya diharap agar kajian ini akan menambah keberkesanan MAIS dalam hal ehwal penasihat kepada DYMM Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam, juga JMNS dan JAKESS dalam menjalankan peranan masing-masing.

### **1.3 LATAR BELAKANG**

Pada 19 Januari 2021 telah berlangsung mesyuarat MAIS bil.1/2021.Pada 3 Ogos 2021 pula berlangsung Mesyuarat Khas MAIS bil. 2/2021 yang telah meluluskan penubuhan 19 Jawatankuasa MAIS yang diurusetikan oleh pihak MAIS dan JAIS.Terdapat 5 Jawatankuasa di bawah seliaan JMNS dan JAKESS.Terdapat dua (2) Jawatankuasa yang diuruskan di bawah seliaan JMNS iaitu Jawatankuasa Fatwa dan Jawatankuasa Falak.

Walau bagaimanapun, urusan penubuhan Jawatankuasa, pelantikan anggota Jawatankuasa, penamatan anggota Jawatankuasa, tuntutan elaun mesyuarat, pengurusan mesyuarat Jawatankuasa dan lain-lain perkara berkaitan masih lagi tertakluk kepada arahan dan ketetapan yang dibuat oleh pihak MAIS.

Oleh ini kajian dijalankan bagi mengenal pasti sama ada amalan selama ini dijalankan mengikut lunas undang-undang iaitu Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (EPAINS) 2003 juga selari dengan peruntukan Perlembagaan Malaysia sebagai undang-undang tertinggi di Malaysia.Selain itu diharap agar kajian dapat menyingkap segala permasalahan yang telah, sedang dan akan timbul, seperti kuasa memanggil mesyuarat, dan sebagainya bagi memungkinkan lebih keberkesanan dalam pemantauan dan pengawasan oleh MAIS selain isu yang timbul berkaitan kuasa.Selain itu jika peruntukan undang-undang pentadbiran agama Islam Negeri, sudah menyatakan dengan jelas akan bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri, dari segi pengagihan atau pengasingan kuasa, maka jika amalan memanggil mesyuarat juga hal-hal teknikal seperti lantikan Ahli Majlis, dan sebagainya masih mengikut lunas undang-undang atau Enakmen yang lebih kurang sama, maka secara hipotesisnya ialah kini bukan permasalahan undang-undang dari segi dasarnya tetapi lebih ke arah amalan pentadbiran majlis Agama Islam negeri-negeri.Secara dasarnya struktur organisasi MAIS terkini adalah seperti di bawah.

# Carta Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Selangor



Rajah 1: Carta Organisasi MAIS (Sumber: <https://www.mais.gov.my/carta-pentadbiran/>)

#### **1.4 PERNYATAAN MASALAH**

Urus tadbir yang baik juga adalah bersumberkan ajaran Islam yang mementingkan keadilan, kesaksamaan dan seperti yang terdapat di dalam punca kuasa Syariah yang tertinggi iaitu Al Quran dan Hadis. Elemen-elemen tadbir urus yang baik adalah seperti akauntabiliti, ketelusan, responsif, pematuhan undang-undang, kesaksamaan, kebersamaan, efektif, efisien, boleh dicapai dengan sumber kuasa yang jelas diamalkan dan dipraktikkan secara pemberian kuasa, perwakilan kuasa atau pengasingan kuasa. Doktrin pengasingan kuasa adalah penting sebagai salah satu elemen utama urus tadbir yang baik.

Namun sejauh mana pelaksanaan pentadbiran sebagai satu cara semak dan imbang di dalam MAIS, JMNS dan JAKESS dilihat masih menjadi satu persoalan. Proses semak dan imbang dikatakan tidak berlaku di peringkat MAIS dan lain-lain Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor (JHEIS) terutamanya yang melibatkan bidang kuasa JMNS dan JAKESS.

Proses urus tadbir yang baik tidak berlaku sepenuhnya bagi membezakan kuasa, fungsi dan tanggungjawab antara MAIS, JMNS dan JAKESS bagi menjamin kecekapan, kebebasan, keadilan dan ketelusan dalam melaksanakan amanah sebagai penasihat kepada DYMM Sultan dalam konteks pentadbiran agama Islam di Negeri Selangor.

Keperluan kajian ini adalah berdasarkan kepada matlamat agar tiada pertindanan kuasa, salah guna kuasa antara MAIS, JAKESS dan JMNS. Ini adalah langkah perlu agar tiada kekeliruan antara ketiga-tiga agensi utama tersebut juga dalam menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan. Selain itu keperluan kepada pengawasan dan pemantauan adalah isu penting rentetan dari isu tadbir urus yang baik.



## **1.5 PERSOALAN KAJIAN**

1. Apakah bidang kuasa sebenar MAIS, JAKESS dan JMNS menurut EPAINS 2003 juga Perlembagaan Persekutuan juga Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959?
2. Apakah punca kepada isu sebenar dalam hal pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan dan urus tadbir yang perlu diperkemaskan dalam hubungan antara MAIS, JAKESS dan JMNS?
3. Bagaimanakah cara urus tadbir terbaik dalam mentadbir MAIS, JAKESS dan JMNS ?

## **1.6 OBJEKTIF KAJIAN**

- 1) Mengkaji kedudukan MAIS, JAKESS dan JMNS di sisi Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, EPAINS 2003 dan undang-undang yang sedia ada.
- 2) Meneliti isu yang ada seperti isu pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan dan urus tadbir yang perlu diperkemaskan dalam hubungan antara MAIS, JAKESS dan JMNS.
- 3) Membandingkan Enakmen dan undang-undang yang sedia juga selaras dengan urus tadbir terbaik juga amalan Majlis Agama Islam Negeri yang lain.
- 4) Mencadangkan urus tadbir yang baik kepada MAIS untuk menguruskan isu yang ada bagi pemantauan, pengawasan juga pengurusan selaras dengan kehendak undang-undang.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini perlu untuk meletakkan pentadbiran Majlis Agama Islam selaras dengan Perlembagaan Persekutuan , Perlembagaan Negeri dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam masing-masing dari segi tadbir urus yang baik.

Keperluan untuk melihat semula struktur Pentadbiran Majlis Agama Islam bertujuan untuk memperkasa MAIS selaras dengan kehendak Resolusi Keenam Kongres Majlis Agama Islam Negeri-Negeri Seluruh Malaysia 2011.

Diharap agar kajian ini dapat menganalisis sama ada peruntukan undang-undang dan kaedah perjalanan pengurusan seperti Mesyuarat Jawatankuasa MAIS sebagai contoh yang diuruskan di bawah seliaan JMNS iaitu Jawatankuasa Fatwa dan Jawatankuasa Falak selaras dengan perlembagaan, enakmen dan undang-undang yang sedia ada.

Dengan ini urus tadbir yang lebih baik, teratur dan mengikut lunas undang-undang akan memberi manfaat besar kepada MAIS juga kepada Islam dan rakyat Selangor pada amnya dalam menjalankan segala fungsi-fungsi yang telah ditetapkan.

## **1.8 KEPENTINGAN URUS TADBIR YANG BAIK**

Tadbir urus yang baik mampu membantu sesebuah negara itu untuk menghasilkan pertumbuhan yang positif dan kuat. Kestabilan dalam menjalankan tanggungjawab secara amanah dan berhemat dari aspek membuat keputusan dan menyampaikan hasil menepati maksud urus tadbir yang baik. Penekanan terhadap nilai dan kelakuan pentadbiran untuk menolak sebarang tindakan yang tidak beretika atau menimbulkan persoalan adalah elemen penting dalam tadbir urus yang baik (Aziz et al., 2019). Kualiti seseorang pemimpin yang proaktif menjadi penanda

aras keberkesanan dalam kepimpinan organisasi untuk memimpin ahli organisasinya berdaya maju (Mohd Zin & Mohammad, n.d.).

Urus tadbir yang baik dapat menjamin keteguhan dan perkembangan institusi Majlis Agama Islam dalam mengurus perkara-perkara berhubung dengan agama Islam. Urus tadbir Majlis Agama di Malaysia dapat diperkukuhkan dari segi pandangan peruntukan undang-undang, pengurusan dan pentadbiran. Urus tadbir Majlis Agama akan perlahan-lahan ranap dan celaru jika tiada kekuatan pada tiga aspek penting tersebut yang mana akan memberi pengaruh kepada kredibiliti sesebuah institusi Majlis Agama. Demi menjaga kepentingan hal ehwal agama Islam, Majlis Agama di Malaysia mempunyai keperluan kepada suatu urus tadbir yang sistematik.

## **1.9 HALANGAN-HALANGAN**

Negara-negara Islam sangat kaya kerana mengamalkan prinsip Islam yang sebenar dalam pentadbirannya. Tapi malangnya, kekangan disebabkan tidak menggunakan kekayaan yang ada dengan cara yang betul, sesebuah negara akan hilang peluang untuk berkembang sebagai sebuah negara yang maju. Tanpa adanya garis panduan yang jelas, tadbir urus Majlis Agama Islam tidak dapat diperkembangkan untuk beroperasi secara efektif. Adalah satu keperluan bagi Majlis Agama Islam sebagai satu badan perkhidmatan awam untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dengan melalui pelaksanaan pentadbiran yang tersusun.

Anggota organisasi yang mempunyai sifat cemburu, syak wasangka akan menghasilkan percanggahan dan kekeliruan yang mungkin melumpuhkan sistem pengurusan. Lantaran itu, pengurusan akan sering gagal membuat keputusan dengan cepat di saat-saat genting disebabkan kakitangannya yang tidak percaya antara satu sama lain. Kakitangan organisasi perlu diberi latihan yang bersesuaian untuk membina individu yang berintegriti. Para pentadbir mesti

proaktif dan berfikiran terbuka untuk menjalankan bertanggungjawab sebagai pentadbir terutamanya untuk meningkatkan prestasi ahli organisasi.

Selain itu, golongan yang mempunyai kuasa untuk mengendalikan tadbir urus hendaklah prihatin dengan perkembangan semasa yang memerlukan pindaan pada peruntukan undang-undang. Semakin bertambahnya masyarakat di Malaysia, pindaan kepada undang-undang diperlukan untuk memastikan peranan pada institusi khususnya Majlis Agama dapat dilaksanakan dengan teratur. Tanpa peruntukan yang jelas oleh Parlimen dan Kerajaan Negeri maka akan mengakibatkan struktur dan peranan urus tadbir institusi Majlis Agama Islam tidak dapat dikendalikan secara baik yang hanya akan menambahkan kerenah birokrasi. Pengagihan kuasa melalui pematuhan undang-undang memberi ruang kepada amalan semak dan seimbang institusi Majlis Agama.

#### **1.10 KESAN JIKA KAJIAN INI TIDAK DIJALANKAN**

Terdapat beberapa kesan jika kajian ini tidak dijalankan:

- 1) Akan berterusan tiada kejelasan pada isu bidang kuasa, peranan, tanggungjawab dan cara amalan pentadbiran tiga badan utama iaitu MAIS, Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) dan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Jabatan Mufti dan JAKESS mungkin akan saling sentiasa terpaksa merujuk kepada MAIS dalam isu jawatankuasa, pentadbiran, bidang kerja dan sebagainya.
- 2) Ini dilihat bersalahan dengan peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003 (EPAINS 2003) yang jelas merujuk ketiga-tiga badan ini berasingan tanggungjawabnya dan secara implikasinya cara pentadbirannya sepatutnya berasingan dan berbeza. Apabila urusan jawatankuasa ketiga-tiga badan ini disekalikan di bawah MAIS maka JAKESS dan Jabatan Mufti akan sentiasa harus merujuk kepada MAIS untuk urusan teknikal selain

daripada perkara dasar dan polisi .Kejelasan bidang kuasa ini memudahkan isu urus tadbir ketiga-tiga badan ini.

- 3) Tugas dan tanggungjawab terutamanya bidang kesetiausahaan MAIS akan bertambah apatah lagi tiada tatacara yang jelas tentang cara pelaksanaan pelantikan dan pembayaran jawatan-jawatankuasa berkaitan hukum syarak dan kehakiman juga diletakkan di bawah MAIS.Apabila dilihat kepada sebab-sebab mengapa hal ini terjadi walaupun terdapat Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1959 dan Enakmen Pentadbiran negeri Selangor 2003 (EPAINS 2003) yang hampir-hampir sama, namun cara amalan dan pelaksanaan di negeri Selangor dilihat berbeza dengan Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan.Ini menimbulkan persoalan samada adakah amalan pentadbiran di Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan salah atau adakah negeri Selangor yang salah tatacara amalan pentadbirannya?Di masa depan jika terdapat pelbagai lagi jawatankuasa dibentuk, maka ia akan mengakibatkan kurang efisien dan efektif bahagian kesetiausahaan ini yang sepatutnya diberikan pada Jabatan Mufti juga Jabatan Kehakiman Syariah untuk mengendalikan urusan jawatankuasanya sendiri.Maka jika ianya menjadi kurang efisien dan perlahan akibat kerenah birokrasi maka ianya akan bersalahan dengan salah satu prinsip urus tadbir yang baik.

### **1.11 KESIMPULAN**

Maka diharapkan kajian ini selain dari mengaplikasi dari segi teori urus tadbir yang baik dan segala elemen-elemen kesaksamaan undang-undang, diharap dari segi praktis juga mampu mengadaptasinya dalam pentadbiran agama Islam negeri.

Di dalam negara kita Malaysia mungkin terdapat pelbagai isu perlembagaan , perundangan, pentadbiran dan bidangkuasa syariah dan sivil. Namun di luar sana, di peringkat antarabangsa

Malaysia dipandang sebagai contoh oleh negara Turki yang terdiri dari kelompok negara Eropah dan negara maju yang majoriti rakyatnya beragama Islam (Osman, 2022).

Malaysia mungkin perlu belajar dari Singapura di mana Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah ditohmah dalam rencana yang mempersoalkan proses pengurusan kewangan dan tadbir urusnya menerusi satu kenyataan. Sehubungan dengan itu MUIS telah menepis tohmahan tersebut. MUIS membuat kenyataan mengambil berat tadbir urus dan akauntabiliti, dan menghargai maklum balas untuk terus memperbaiki perkhidmatan dan amanah kepada masyarakat (Berita Harian Singapura, 2021).

Oleh itu Malaysia seharusnya bangkit dalam memperkasakan sistem pentadbiran dan perundangan Islam sejajar dengan hasrat rakyat, kerajaan dan Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai ketua agama Islam.

Bab 2 seterusnya akan menghuraikan sorotan kajian tentang kedudukan MAIS, JMNS dan JAKESS, bagi memberi kefahaman yang jelas tentang kedudukan Majlis dan Jabatan dari segi peruntukan undang-undang yang sedia ada. Bab 2 juga menjelaskan erti urus tadbir yang baik.

## **BAB 2       SOROTAN KAJIAN**

### **2.1    PENGENALAN**

Sorotan Kajian bagi Bab 2 ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian Pertama mengandungi ulasan tentang kedudukan undang-undang bagi Majlis Agama Islam Negeri dari segi Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Bahagian Kedua pula mengandungi sorotan kajian tentang amalan tadbir urus yang baik terutamanya bagi Majlis Agama Islam.

### **2.2    KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG BAGI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI**

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan pembahagian kuasa antara kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Bidangkuasa Kerajaan Negeri termasuk kuasa untuk mentadbir urus perkara berkaitan hukum syarak dan hal-ehwal orang Islam.

Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Hal Perkara undang-undang persekutuan dan Negeri. Ini dinyatakan seperti berikut:

*“(1) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama (iaitu Senarai Pertama atau Ketiga yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan).”*

Jadual Kesembilan [Perkara 74, 77] Senarai Perundangan:

*“Senarai II—Senarai Negeri 1. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah,*

*pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.”*

Perkara 121(1A) Mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah. Ini bermakna pindaan yang dilakukan ke atas Perlembagaan Persekutuan, Perkara 121(1A) telah memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar kes-kes yang berada di bawah bidang kuasanya tanpa sebarang campur tangan daripada Mahkamah Sivil.

Antara perkara-perkara penting dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah berkaitan dengan pengurusan masjid, zakat, waqf, dan kewangan Islam. Perlembagaan Persekutuan juga menjelaskan kewujudan tiga senarai dalam Perlembagaan. 'Senarai Persekutuan' mengandungi senarai perkara-perkara yang terletak di bawah kuasa Parlimen manakala 'Senarai Negeri' pula mengandungi perkara-perkara yang terletak di bawah kuasa Dewan Undangan Negeri (DUN).



'Senarai Bersama' mengandungi perkara-perkara di mana Parlimen dan DUN diberi kuasa untuk menggubal undang-undang.

## **2.3 MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR**

### **2.3.1 Fungsi Dan Tanggungjawab MAIS, JAKESS dan JMNS**

Di Negeri Selangor, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (“EPAINS 2003”) merupakan salah satu enakmen yang diluluskan oleh DUN Selangor, pada 28 April 2003. Kepentingan EPAINS 2003 dapat dilihat dari segi urus tadbir berpaksikan agama Islam dan mementingkan maslahat umat Islam di Selangor.

EPAINS 2003 telah digubal dengan memberi kuasa dan tanggungjawab kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam memelihara dan menjaga agama Islam serta seluruh umat Islam di Negeri Selangor. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Pindaan Terkini mengandungi En. A5.

### **2.3.2 Fungsi Dan Tanggungjawab MAIS**

Perkara XLVIII (48) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 menyatakan bahawa DYMM Sultan hendaklah menjadi Ketua Agama Negeri dan boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama Islam dan menubuhkan MAIS untuk membantu dan menasihati DYMM Sultan dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

Menurut sejarah awal penubuhannya, fungsi MAIS adalah untuk menasihati DYMM Sultan sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952) yang menyatakan seperti berikut:

*“Majlis bagi pihaknya dengan kuasa dikurniakan oleh DYMM Sultan bagi sifatnya menjadi Ketua Agama Negeri ini hendaklah menolong dan menasihatkan kepada DYMM Sultan di atas segala perkara yang berkaitan dengan Agama Negeri dan Adat Istiadat Melayu, dan hendaklah di dalam segala perkara-perkara itu menjadi kuasa yang tertinggi sekali di dalam negeri ini melainkan yang ada berlawanan dengan perkara yang tersebut di dalam Undang-undang ini.”*

Walau bagaimanapun, fungsi asal MAIS yang disebutkan di atas telah dimansuhkan pada tahun 2003 dan digantikan dengan Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan berikut:

*“Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.”*

Di samping itu, DYMM Sultan juga disebut sebagai pihak berkuasa utama dalam urusan berkaitan hal ehwal agama Islam (Seksyen 6 EPAINS 2003). DYMM Sultan dibantu oleh MAIS dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) melalui agensi-agensi Kerajaan Negeri iaitu Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Mufti Selangor (JMS) dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS). Perkara L, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 memperuntukkan kuasa eksekutif di peringkat negeri Selangor adalah terletak pada DYMM Sultan.


Kuasa eksekutif DYMM Sultan boleh diperturunkan kepada MMKN, ahli MMKN, mana-mana orang atau pihak berkuasa lain melalui undang-undang. Penggubalan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 adalah pelaksanaan kuasa eksekutif DYMM Sultan

sebagai Ketua Agama Islam oleh pihak MAIS yang diberikan melalui undang-undang, Namun pelaksanaan kuasa-kuasa oleh MAIS tidak membatasi hak-hak dan kuasa-kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam di dalam Negeri Selangor sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959.

DYMM Sultan juga mempunyai peranan yang penting dalam pentadbiran agama Islam, antaranya berhubung pelantikan dan pentauliahan ahli-ahli Majlis Agama Islam Negeri dan Pengarah Jabatan Agama Islam mestilah dengan perkenan DYMM Sultan. Begitu juga pelantikan penjawat-penjawat agama yang lain seperti Mufti, Ketua Hakim Syarie, Hakim-hakim Mahkamah Syariah dan Ketua Pendakwa Syarie mestilah melalui kuasa DYMM Sultan yang mendapat nasihat daripada MAIS (lihat Seksyen 56, 57 dan 58 EPAINS 2003). MAIS mempunyai kuasa dalam melantik anggota Jawatankuasa Fatwa yang mempunyai kuasa untuk menyediakan fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi berhubung dengan Hukum Syarak seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 47 EPAINS 2003.

Ini bermakna peruntukan perundangan sedia ada menunjukkan MAIS merupakan pihak berkuasa utama selepas DYMM Sultan dalam urus tadbir perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islam di Negeri Selangor Darul Ehsan kecuali perkara-perkara yang berkenaan dengan Hukum Syarak dan pentadbiran keadilan sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 6 EPAINS 2003. Carta organisasi MAIS boleh dilihat seperti di Rajah 1 sebelum ini.

### 2.3.3 Fungsi Dan Tanggungjawab Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS)



Rajah 2: Carta Organisasi JAKESS (Sumber:

<https://www.jakess.gov.my/index.php/ms/infojabatan/maklumat-korporat/carta-organisasi>)

Seksyen 6 EPAINS 2003 menyatakan Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Justeru, peruntukan Seksyen 6 ini tidak mencakupi hal urusan Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan. Bahagian IV EPAINS 2003 memperihalkan tentang Mahkamah Syariah dan Bahagian V mengenai Pendakwaan Dan Perwakilan. Ini boleh disenaraikan seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

*Bahagian IV EPAINS 2003 memperihalkan tentang Mahkamah Syariah dan Bahagian V mengenai Pendakwaan Dan Perwakilan*

<b>Bahagian</b>	<b>Peruntukan</b>	<b>Kandungan</b>
Bahagian IV	Seksyen 55.	Penubuhan Mahkamah Syariah.
	Seksyen 56.	Pelantikan Ketua Hakim Syarie.
	Seksyen 57.	Pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.
	Seksyen 58.	Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.
	Seksyen 59.	Pelantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah.
	Seksyen 60.	Pendaftar-Pendaftar.
	Seksyen 61.	Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.
	Seksyen 62.	Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah.
	Seksyen 63.	Rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah.
	Seksyen 64.	Permohonan untuk mendapatkan kebenaran merayu.
	Seksyen 65.	Perakuan pewarisan.
	Seksyen 66.	Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi syariah.
	Seksyen 67.	Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah.
	Seksyen 68.	Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah.
	Seksyen 69.	Keanggotaan Mahkamah Rayuan Syariah.
	Seksyen 70.	Keputusan ikut majoriti.
	Seksyen 71.	Penerusan prosiding Mahkamah Rayuan Syariah walaupun Hakim tiada.
	Seksyen 72.	Mahkamah terbuka.
	Seksyen 73.	Bahasa.
	Seksyen 74.	Bidang kuasa tidak meliputi orang bukan Islam.
Seksyen 75.	Tindakan bersaling.	
Seksyen 76.	Pelindungan Hakim, Pegawai Mahkamah, dll.	
Seksyen 77.	Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah.	
Bahagian V	Seksyen 78.	Ketua Pendakwa dan Pendakwa Syarie.
	Seksyen 79.	Pegawai Penguatkuasa Agama
	Seksyen 80.	Peguam Syarie

JAKESS juga dalam proses penubuhannya mengalami pelbagai proses pindaan enakmen juga perbezaan struktur organisasi. Akhirnya yang membawa pada tahun 2003 nama Mahkamah Syariah Selangor telah ditukar kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) selaras dengan perkembangan dan peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Penubuhan Mahkamah Syariah di Negeri Selangor adalah di bawah peruntukan Seksyen 55(1), 55(2), 55(3) dan 55(4) dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Visi JAKESS ialah untuk menjadi Institusi Kehakiman Syariah terunggul di Malaysia dengan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, adil dan efisien. Misi JAKESS pula ialah untuk melaksanakan pengadilan dan pengurusan Mahkamah Syariah secara berkesan dan sistematik berasaskan peruntukan Undang-Undang.


#### **2.3.4 Fungsi dan Tanggungjawab Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS)**

JMNS juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Sebelum tahun 1985, hanya terdapat dua orang kakitangan sahaja yang berkhidmat di Bahagian Fatwa iaitu Mufti dan seorang pemandu. Segala urusan pentadbiran dan kewangan adalah di bawah pengurusan Jabatan Agama Islam Selangor. Jawatan Timbalan Mufti hanya diwujudkan pada tahun 1991. Jawatan ini diwujudkan bagi membantu Mufti dalam menjalankan tugas mengenai Hal Ehwal Islam sesuai dengan perkembangan semasa.

Pada tahun 1996, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling mengenai pengasingan Bahagian Fatwa daripada Jabatan Agama Islam negeri-negeri di Malaysia. Dari pengasingan ini, berlaku perkembangan struktur organisasi dan fungsi Jabatan Mufti Negeri Selangor. Pada zahirnya, Jabatan Mufti telah berasingan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Walau bagaimanapun, Jabatan Mufti masih berhubung rapat dan bekerjasama dengan

Bahagian Penyelidikan, JAIS dalam menangani perkara-perkara yang berkaitan dengan ajaran salah (menyeleweng).

### CARTA ORGANISASI JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR



Rajah 3:Carta Organisasi Jabatan Mufti Negeri Selangor  
 (Sumber:<https://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/cartaorg/16122022>  
 CARTA\_ORGANISASI\_JMNS\_2022.pdf)

Objektif JMNS disenaraikan seperti yang berikut:

- i. Memberi nasihat dan panduan kepada Sultan, Kerajaan Negeri dan masyarakat berkaitan hukum-hukum Islam dan permasalahan umat Islam yang menyentuh soal Fatwa, terutamanya yang melibatkan isu semasa.
- ii. Bekerjasama dengan pihak JAKIM dan Jabatan Mufti Negeri-Negeri lain dalam penyelarasan Fatwa.
- iii. Bekerjasama dengan JAIS berkaitan kegiatan dakwah, khutbah Jumaat, pencerapan hilal dan lain-lain.

Manakala fungsi JMNS dinyatakan seperti yang berikut:

- i. Membantu dan menasihati DYMM Sultan dan Kerajaan Negeri dalam perkara yang berkaitan hal ehwal hukum syarak.
- ii. Menjalankan kajian dan penyelidikan terhadap sesuatu isu baharu yang memerlukan keputusan.
- iii. Mengeluarkan fatwa terhadap isu yang memerlukan penjelasan hukum syarak.
- iv. Menjelaskan dan menjalankan pendidikan fatwa kepada masyarakat dengan berhikmah.
- v. Menentukan dan mengesahkan arah kiblat, cerapan hilal, takwim jadual waktu solat dan menjalankan penyelidikan dan pendidikan falak.
- vi. Memberi khidmat nasihat dan perkhidmatan dalam hal-hal berkaitan Aqidah, Syari'ah dan Akhlak Islamiyyah.
- vii. Menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan pembangunan ilmu falak.
- viii. Menjalankan khidmat nasihat Hukum Syara' dan Aqidah.



- ix. Membangun, mengurus dan memajukan sumber maklumat dan hal ehwal hukum syara’.
- x. Mengurus dan mentadbir semua perkara yang berkaitan dengan pentadbiran, perkhidmatan, kewangan, pembangunan modal insan dan teknologi maklumat.
- xi. Mengurus dan membangun sumber manusia.

Sumber kuasa Mufti dapat dilihat pada Bahagian III, Seksyen 44 hingga 54 dalam hal Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Fatwa Dan Fatwa Yang Berhubungan Dengan Kepentingan Nasional seperti di bawah:

Jadual 2

*Bahagian III dalam hal Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Fatwa Dan Fatwa Yang Berhubungan Dengan Kepentingan Nasional*


<b>Bahagian</b>	<b>Peruntukan</b>	<b>Kandungan</b>
Bahagian III	Seksyen 44.	Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti
	Seksyen 45.	Fungsi Mufti
	Seksyen 46.	Jawatankuasa Fatwa
	Seksyen 47.	Kuasa Jawatankuasa fatwa untuk menyediakan fatwa
	Seksyen 48.	Tatacara pembuatan fatwa
	Seksyen 49.	Fatwa yang disiarkan dalam Warta adalah mengikat
	Seksyen 50.	Pindaan, ubahsuaian atau pembatalan fatwa
	Seksyen 51.	Fatwa yang ada hubungan dengan kepentingan nasional
	Seksyen 52.	Menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan
	Seksyen 53.	Meminta pendapat daripada Jawatankuasa Fatwa
	Seksyen 54.	Qaul muktamad yang hendaklah diikuti

## 2.4 MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)

Sebagaimana kuasa pada MAIS di bawah Kerajaan Selangor, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang ditubuhkan pada 1 Februari 1974 berperanan untuk menjaga hal-ehwal Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga di Labuan dan Putrajaya. Penubuhan MAIWP dinyatakan dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah). (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Perkara 3 (5) Perlembagaan Persekutuan antara lainnya memperuntukkan bahawa "*Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan menubuhkan sebuah Majlis untuk menasihati Dewan Rakyat mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan Islam.*" Seksyen 4 (1), Akta 505 selanjutnya menyatakan: - "*Hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai "Majlis Agama Wilayah Persekutuan", untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan Islam.*"

Bidang kuasa MAIWP dijelaskan melalui Seksyen 31, Akta 505 yang memperuntukkan tanggungjawabnya untuk membantu dan menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam hal ehwal Islam di semua Wilayah Persekutuan, kecuali Hukum Syarak serta mentadbir keadilan, dan dalam semua perkara yang sama menjadi parti pemerintah utama dalam semua Undang-Undang Persekutuan sebelum Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Akta tersebut.



*Rajah 4:* Carta Organisasi MAIWP (Sumber: <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/mengenai-kami/carta-organisasi>)


Menurut aturan carta organisasi Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan adalah bawah Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Kehakiman Syariah Wilayah Persekutuan adalah satu Agensi Persekutuan.

## 2.5 MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS)

Di Negeri Sembilan pula, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan ) 2003 (Enakmen No. 10 2003) diberi tanggungjawab untuk mengawal hal ehwal agama Islam di Negeri Sembilan. Di samping itu, MAINS juga diberi tanggungjawab untuk “*menolong dan menasihati DYMM Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus selaku Ketua Agama dalam semua perkara berkenaan dengan agama Islam di Negeri Sembilan* (Laman Sesawang Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, <https://www.mains.gov.my/v2/korporat/sejarah-mains>).



**CARTA ORGANISASI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN**



Rajah 5: Carta Organisasi MAINS

Menurut urutan organisasi Jabatan Mufti Negeri Sembilan di bawah Kerajaan Negeri Sembilan dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan adalah di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

**2.6 URUS TADBIR YANG BAIK**

Dari segi urus tadbir yang baik, kajian sedia ada mengenainya atau governan di dalam negara Malaysia lebih menekankan lain-lain aspek dalam pentadbiran Islam seperti pengurusan masjid, zakat, waqf, dan kewangan Islam. Manakala isu tadbir urus di dalam Islam dikaji secara umum sahaja.

Pada tahun 2017 dikatakan Malaysia mempelopori tadbir urus syariah pertama di dunia. Inisiatif baharu kerajaan memperkenalkan Kompleks Islam Putrajaya (KIP) dan dokumen Garis Panduan Umum Tadbir Urus Berteraskan Syariah (GTUs) menunjukkan komitmen jitu memastikan agenda memartabatkan Islam bergerak secara progresif. KIP dan GTUs yang juga dikatakan cetusan aspirasi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, adalah

kesinambungan daripada pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia (ISM) yang berfungsi untuk mengukur sejauh mana institusi, dasar dan polisi kerajaan benar-benar memenuhi tuntutan syarak. KIP dan GTUs ini dikatakan memberi nilai tambah kepada pengurusan mengikut prinsip syariah sekali gus mewujudkan budaya kerja bersifat harmonis selari kehendak Islam (Arifin, 2021). Selain itu JAKIM yang merupakan satu badan di bawah Persekutuan dikatakan menjadi tempat rujuk tadbir urus berasaskan Maqasid Syariah (Tuan MA, 2022).

Menurut sorotan literatur, didapati kurang kajian menyeluruh tentang pelaksanaan tadbir urus yang baik Majlis Agama Islam Negeri samada secara teori atau praktiknya. Ini menyebabkan isu tahap urus tadbir yang baik setiap negeri berada di dalam kesamaran. Terdapat satu kajian mengenai persepsi masyarakat terhadap MAIS yang memberi respon bahawa tahap pandangan masyarakat kepada MAIS pada tahun 2014 ialah sederhana. Manakala 86% berpendapat MAIS menjalankan tugasnya dengan baik (Abdul Hamid, 2014).

Ditambah lagi dengan kes-kes yang dibawa ke mahkamah sivil hingga ke tahap Mahkamah Persekutuan yang mencabar bidang kuasa agama Islam negeri seperti kes Indra Gandhi (Wan Husain, 2021) dan seumpamanya, ini mencetuskan perbagai polemik. Antaranya ialah jika pelaksanaan Islam dari segi eksekutif juga kehakiman atau legislatif berada dalam tahap yang terbaik, mengapakah ianya menyebabkan implikasi yang besar sehingga kuasa kehakiman Syariah dicabar juga jabatan Islam yang lain pula turut menerima tempiasnya. Sebagai contoh apa kurangnya sistem sosial juga kekeluargaan Islam, zakat dan sebagainya yang tidak berupaya menyelesaikan segala pertikaian masyarakat terutamanya jika membabitkan ada pihak yang bukan beragama Islam. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk menganalisis tahap tadbir urus MAIS, JAKESS juga JMNS.

Governan atau tadbir urus adalah penting dalam kedua-dua sektor awam dan swasta. Sektor awam memainkan peranan penting dalam masyarakat. Sebagai implikasinya keputusan yang lebih efektif boleh dicapai dengan urus tadbir yang baik dalam pentadbiran awam. Governan yang lebih berkesan boleh dicapai dengan pemantauan yang lebih rapi yang juga secara tidak langsung akan memberi tekanan yang perlu bagi mengurangkan masalah penyalahgunaan kuasa.

Urus tadbir yang baik akan meningkatkan keberkesanan, juga akan membawa kepada pelaksanaan, memperbaiki sistem penyampaian dan akhirnya memperelokkan keputusan pentadbiran. Natiujahnya kehidupan masyarakat akan menjadi lebih baik dari sebelumnya.

Governan merujuk kepada sistem tentang cara bagaimana ianya beroperasi, dikawal dan juga mekanisme tanggungjawab pentadbirnya. Governan juga mempunyai elemen-elemen yang penting seperti etika, pengurusan risiko, pematuhan dan pentadbiran. Walaupun terdapat pelbagai maksud governan atau tadbir urus yang berbeza-beza, definisi oleh United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP) agak luas, menarik dan perlu diambil kira. Menurut UNESCAP elemen-elemen tadbir urus yang baik adalah seperti berikut: akauntabiliti, ketelusan, responsif, pematuhan undang-undang, kesaksamaan, kebersamaan, efektif, efisien, penyertaan ramai dan juga reformasi kehakiman. Kesaksamaan undang-undang pula ialah salah satu elemen penting urus tadbir yang baik, yang boleh disimpulkan secara ringkas seperti berikut: kesahan undang-undang, kebebasan kehakiman, keadilan, kehakiman dengan alasan, mudah akses, *audi alteram partem* (mendengar kedua-dua pihak) dan pendengaran secara terbuka (Osman et al., 2021).

Manakala doktrin pengasingan kuasa pula merupakan salah satu perkara penting dalam mencapai elemen-elemen urus tadbir yang baik. Sebagai contoh antaranya untuk mencapai akauntabiliti, ketelusan, kesaksamaan, kebersamaan, efektif, efisien dan juga reformasi

kehakiman. Jika pentadbir mahukan akauntabiliti maka kuasanya perlu jelas dan berasingan agar tiada pertindanan kuasa. Kelak jika terdapat mana-mana isu yang dibangkitkan maka jelaslah jabatan mana yang harus dipertanggungjawabkan. Akibatnya jabatan itu seharusnya bertanggungjawab dan rentetan itu perlu penambahbaikan atas sistem penyampaian.

Ketelusan juga merupakan suatu isu penting yang mana bila jabatan memang telah jelas kuasanya, tanggungjawab, tatacara dan gerak kerjanya, maka segala ketidakpuashatian atas segala keputusan, ketirisan dalam pelbagai isu mudah diatasi dengan segera. Ketelusan juga penting bagi mengelakkan fitnah penyalahgunaan kuasa dan konflik berkepentingan atas dasar apa pun.

Kesaksamaan juga berperanan mengimbangi kekurangan dan kelebihan bidang kuasa, atau bidang kerja sesuatu jabatan. Kebersamaan adalah penting untuk melibatkan semua pihak yang patut dalam sesuatu urusan. Jika keputusan hanya diambil oleh sesetengah pihak yang berkepentingan sahaja, selain fitnah dan salah guna kuasa, ada pihak yang akan terasa disisihkan. Ini menyebabkan ketirisan maklumat, kekurangan motivasi untuk bekerja, ketidakpuashatian kepada pengurusan dan sebagainya. Selain itu pengasingan kuasa yang jelas dan komprehensif memungkinkan hasil kerja yang lebih efektif dan efisien.

Manakala reformasi kehakiman pula dilihat sebagai salah satu medium kehakiman bergerak selari dengan keperluan masyarakat dan peredaran teknologi zaman itu. Reformasi kehakiman adalah perlu seiring dengan masa samada dalam negara atau selari dengan perkembangan di luar negara.

Kesaksamaan undang-undang seperti yang dinyatakan di atas boleh dicapai dengan merujuk kepada perkara-perkara berikut:

a) kesahan undang-undang

- b) kebebasan kehakiman
- c) keadilan
- d) kehakiman dengan alasan
- e) mudah akses
- f) *audi alteram partem* (mendengar kedua-dua pihak) dan
- g) pendengaran secara terbuka

Oleh itu kajian ini berhasrat untuk meneliti samada setiap jabatan samada MAIS, JAKESS dan JMNS mempunyai bidangkuasa seperti di peruntukan undang-undang yang sah. Selain itu setiap jabatan selain bebas dalam membuat keputusan perlu ada saluran yang betul untuk kes-kes ketidakpuashatian. Perkara ini penting dalam menjamin keadilan bagi setiap orang yang berurusan dengan setiap jabatan. Setiap keputusan pula seharusnya tidak secara semberono, berdasarkan alasan eksekutif atau menurut lunas undang-undang dan peraturan. Selain itu setiap jabatan haruslah mudah diakses oleh orang awam dan pihak berkepentingan. Segala permasalahan atau keputusan jabatan perlulah tidak berat sebelah dan memerlukan pendengaran kedua-dua pihak juga secara terbuka (atau tertutup menurut keperluan).

### **2.6.1 MAKSUD URUS TADBIR SECARA AM**

Urus tadbir secara amnya bermaksud urusan mengurus atau melaksanakan sesuatu pentadbiran (kerajaan dan lain-lain), yang bertanggungjawab mengurus perihal memerintah (Muhammad Tajuddin Engku Ali & Aznan Hasan, n.d.). Ini bermakna, urus tadbir ialah pengelolaan yang memerlukan kepada sesuatu jabatan untuk mentadbir pelbagai perkara yang perlu diberi perhatian. Perkara yang memerlukan pentadbiran adalah penting bagi memastikan sesuatu pemerintahan dapat mencapai objektifnya melalui cara yang teratur. Suatu kumpulan yang



mempunyai kuasa berhak untuk melaksanakan tadbir urus mengikut peringkat pengurusan yang ditetapkan untuk mencapai kecemerlangan dan kecekapan dalam urus tadbir secara telus.

Pengurusan dianggap seni untuk mengurus sumber yang ada pada organisasi sama ada tenaga, wang, modal dan sebagainya bagi memastikan penggunaan yang optimum untuk mencapai matlamat organisasi (Abdul & Azmi, 2001). Urus tadbir yang baik bergantung kepada matlamat sesuatu pejabat untuk memastikan objektif dapat dicapai tanpa unsur-unsur salah guna terhadap sumber yang diperoleh. Oleh itu, urus tadbir yang diatur dengan baik akan menghasilkan pentadbiran yang berjalan lancar mengikut perancangan.

## 2.6.2 MAKSUD URUS TADBIR DALAM ISLAM

Definisi urus tadbir dalam Islam membawa maksud sesebuah organisasi yang mempunyai perancangan dari segi kaedah, peraturan, tanggungjawab dan tugas dalam menjalankan operasi yang menitikberatkan hubungan manusia dengan Allah SWT (Syahir Abu Bakar et al., n.d.). Di dalam Islam pula, urus tadbir yang baik merupakan asas kepada pentadbiran diri, keluarga, masyarakat dan negara. Secara asasnya manusia adalah khalifah Allah di muka bumi ini seharusnya bertanggungjawab pada ahli keluarganya, masyarakat, sebagai contoh tempat di mana dia diberi tanggungjawab seperti di tempat kerja, juga negara.

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Ertinya: "Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi". Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan

*menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui"."* (Surah Al Baqarah: 30)

Ini memberi gambaran jelas kepada urus tadbir Islam yang bersifat menyeluruh untuk menjamin kebaikan kepada umat manusia dari segi luaran dan dalaman termasuklah kebaikan di dunia dan akhirat. Nabi Muhammad SAW menjadi model kepimpinan yang paling sempurna sepanjang zaman kerana akhlak Baginda yang mulia bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Qalam 68:4 iaitu:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

*"dan Bahawa Sesungguhnya Engkau mempunyai akhlak amat mulia".*

(al-Qalam 68:4)

Walau terdapat banyak definisi tentang urus tadbir yang baik di dalam Islam, di dalam individu diri junjungan besar yang mulia, Nabi Muhammad s.a.w. terdapat semua ciri-ciri urus tadbir, khalifah, yang baik yang boleh disimpulkan di sini seperti berikut: beriman kepada Allah, amar makruf nahi mungkar, mengelakkan perseteruan, akauntabiliti dan kesetiaan. Selain itu secara kolektif pula prinsip urus tadbir yang baik boleh diklasifikasikan seperti berikut: menjaga amanah, akauntabiliti, amar makruf nahi mungkar, bersikap teliti dan bermuhasabah (Wan Husain, 2020).

Ini boleh disimpulkan seperti Jadual 3 di bawah:

Jadual 3

*Ciri-ciri seorang Khalifah dan Nilai Murni*

No	Characteristic Of A Caliph	Values
1	Trustee	Trustworthiness
2	Promoting Good and Preventing Evil	Integrity
3	Avoiding Destruction	Accountability
4	Accountable	Accountability
5	Faithful	Faith



Figure 2: Good governance practitioner

Rajah 6: Good governance practitioner

Sebagai kesimpulannya, konsep governan moden yang efektif dikatakan banyak persamaannya dengan konsep *siyasah syar'iyah* di dalam Islam yang mana ia adalah cara-cara dan bentuk pengendalian urusan ummah dengan peraturan-peraturan dan undang-undang yang mengikut kehendak syarak yang dapat memenuhi kehendak kepentingan manusia dan keperluan mereka (Syed Ismail al-Qudsy, 2008).

Bagi memastikan kesejahteraan di dunia dan akhirat, suatu pemerintahan yang bertanggungjawab hendaklah bertindak selari dengan polisi dan dasar kerajaan yang bertepatan dengan konsep *maqasid* syariah. Menerusi dasar dan polisi kerajaan yang berpaksikan *maqasid* syariah, urus tadbir pemerintahan dapat memainkan peranannya sebagai kerajaan yang cakna menjaga bermacam-macam kemaslahatan rakyat (Mahaiyadin, 2017). Oleh hal yang demikian, objektif utama urus tadbir Islam untuk mencapai ketenteraman di dunia dan akhirat dapat

dinikmati oleh umat manusia kerana prinsip yang berasaskan dasar Islam tidak menzalimi mana-mana pihak.

### **2.6.3 ELEMEN PENTING URUS TADBIR**

Elemen yang signifikan dalam urus tadbir termasuklah struktur pengurusan, pentadbiran dan peruntukan undang-undang yang menjadi asas kepada suatu tadbir urus. Peranan yang besar digalas oleh sesebuah organisasi untuk mengurus organisasinya adalah pihak pengurusan. Pihak pengurusan perlu memastikan fungsi organisasinya berjalan dengan lancar untuk menjayakan objektif organisasi tersebut. Apabila urus tadbir berkait rapat dengan orang awam, adalah satu keperluan untuk memastikan segala kemudahan atau perkhidmatan yang diperlukan dapat disediakan dengan baik (Wan Muda et al., 2022).

Tambahan pula, pentadbiran yang kuat dalam tadbir urus memerlukan kepada akauntabiliti yang tinggi supaya tidak berlaku sebarang penyelewengan terhadap tanggungjawab yang telah diberikan. Dengan sebab ini, suatu institusi atau organisasi hendaklah bertindak jujur dengan memberi penjelasan kepada setiap tindakan yang diambil oleh pihaknya. Suatu pentadbiran mestilah mempunyai kesedaran untuk bekerja secara telus sebagai orang yang melaksanakan hal ehwal pentadbiran (Hayaati Syed Ismail al-Qudsy et al., 2008). Jika terdapat sebarang keraguan kepada pentadbiran tersebut, ini menunjukkan elemen penting tadbir urus tidak dilaksanakan sekaligus membuka pintu korupsi.

Bertitik tolak daripada hal ini, elemen penting dalam urus tadbir juga melibatkan peruntukan undang-undang bermula daripada melantik pentadbir sehinggalah mengawal sistem dan tindakan sesebuah organisasi. Dengan adanya peruntukan undang-undang tertentu, mana-mana organisasi dapat berjalan secara efektif dan diurus dengan penuh kewibawaan. Pematuhan kepada peruntukan undang-undang dapat membina keyakinan badan kawal selia dan agensi

kerajaan yang berkaitan (Agensi Agama Di Bawah Jabatan Perdana Menteri, 2017). Sesebuah institusi yang patuh akan peraturan perundangan dengan memenuhi janji dan komited serta mengamalkan nilai-nilai seperti keadilan, kejujuran dan berrmaruah menjamin urus tadbir yang stabil.

## **2.7 PENGASINGAN ATAU PENGAGIHAN KUASA**

Terdapat pelbagai struktur organisasi dalam sesebuah pentadbiran misalnya struktur pentadbiran negara Malaysia sendiri yang mengamalkan pengasingan kuasa. Kesan pengasingan kuasa memberi kebebasan kepada setiap organisasi untuk menumpukan perhatian terhadap bidangnya dan menghalang orang lain daripada melampaui kuasa mereka. Hal ini dapat memastikan urus tadbir yang seimbang supaya organisasi yang berada di dalam suatu pentadbiran tidak bertindih pentadbirannya antara satu sama lain.

Doktrin Pengasingan Kuasa seperti yang dinyatakan di atas yang dikatakan berasal dari barat pula secara dasarnya membezakan kuasa legislatif, eksekutif dan kehakiman sebagai satu cara bebas dari tekanan dalam membuat keputusan.

Manakala doktrin pengasingan kuasa dalam Islam juga tidak menolak doktrin dari Barat tersebut, tetapi secara dasarnya sebagai medium untuk mengurangkan pilih kasih dan salahguna kuasa. Islam dikatakan mendahului Barat dalam doktrin pengasingan kuasa (A Aziz, 2015). Bezanya ialah doktrin pengasingan kuasa di dalam Islam tidak memberikan kuasa dan kebebasan secara mutlak kepada badan-badan tersebut (Che PA, 2014).

Badan-badan tersebut haruslah bertindak secara mengikut lunas-lunas syarak dan tidak terkeluar dari ajarannya. Dikatakan juga doktrin pengasingan kuasa dalam Islam juga tertakluk pada dasar kerajaan dan bergerak berdasarkan polisi yang telah ditentukan oleh kerajaan yang memerintah (Awang, 2021).

Selain itu, ekoran daripada pengasingan kuasa, sesuatu tindakan oleh pihak organisasi dapat dipertingkatkan. Prestasi pada suatu organisasi lebih mudah diperbaiki kerana hanya menumpukan kepada anggotanya sahaja sekaligus meningkatkan tahap produktiviti. Hal ini kerana organisasi tersebut tidak terikat dengan prosedur organisasi atau peraturan yang memakan masa yang lama (Azmi Awang & Arifin Che Mat, 2015). Justeru itu, pengagihan kuasa dapat meringankan beban tadbir urus sekiranya kuasa diberikan kepada satu pihak sahaja. Pihak yang terlibat dengan tanggungjawab yang diamanahkan boleh merancang pelan tindakan untuk menggerakkan organisasinya dengan lebih berkesan.

Selain itu, JAIS pula didapati mempunyai Pelan Strategik 2020-2024 (Jabatan Agama Islam Selangor, 2020) yang antaranya mengguna pakai dan mendefinisikan apakah yang hendak dicapai dalam urus tadbir yang baik. Ini adalah langkah yang baik dalam mempraktikkan tadbir urus yang baik di dalam Islam. Namun sejauh mana keberkesanan pelan strategik tersebut bakal dilihat kesannya kelak dan penambahbaikan yang perlu bagi objektif-objektif yang tidak tercapai. Mungkin pelan strategik JAIS tersebut boleh diadaptasi oleh MAIS kelak sebagai rujukan dan panduan berguna pada masa akan datang.

## **2.8 PEMUSATAN KUASA JAWATANKUASA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI**

Seperti dinyatakan di Bab 1 Pengenalan bahawa urusan penubuhan Jawatankuasa, pelantikan anggota Jawatankuasa, penamatan anggota Jawatankuasa, tuntutan elaun mesyuarat, pengurusan mesyuarat Jawatankuasa dan lain-lain perkara berkaitan masih lagi tertakluk kepada arahan dan ketetapan yang dibuat oleh pihak MAIS.

Secara dasarnya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan berdasarkan negeri/wilayah masing-masing boleh diringkaskan seperti di bawah.

Jadual 4

*Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan*

Seksyen	Kandungan Enakmen Pentadbiran Negeri
Seksyen 2.	<p><b>Seksyen 2. Tafsiran.</b></p> <p>“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1);</p> <p><i>Ulasan:</i></p> <p>Tafsiran “Jabatan” tidak dinyatakan.</p>
Seksyen 3.	<p><b>Seksyen 3. Kecualian prerogatif.</b></p> <p>Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam di dalam Negeri Selangor sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, 1959.</p>
Seksyen 4.	<p><b>Seksyen 4. Penubuhan majlis.</b></p> <p>(1) Maka hendaklah ada suatu badan bernama “Majlis Agama Islam Selangor” untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.</p> <p>(3) Tiap-tiap hak, kuasa, kewajipan dan tanggungan yang sebelum Bahagian ini mula berkuat kuasa adalah terletak hak atau dipertanggungkan pada Majlis terdahulu hendaklah, apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa terletak hak dan dipertanggungkan pada Majlis, setakat yang hak, kuasa, kewajipan dan tanggungan itu tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.</p>

Seksyen 6.	<p><b>Seksyen 6. Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan.</b></p> <p>Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.</p>
Seksyen 16.	<p><b>Seksyen 16. Setiausaha.</b></p> <p>(1) Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor hendaklah menjadi Setiausaha Majlis.</p> <p>(2) Setiausaha hendaklah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif dan Pentadbir Majlis dan hendaklah bertanggungjawab bagi menjalankan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan Majlis.</p> <p>(3) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Pengerusi kepadanya, Setiausaha hendaklah bertanggungjawab ke atas semua surat-menyurat dan dokumen Majlis, dan hendaklah dalam apa-apa hal lain menjalankan tugas-tugas yang dikenakan ke atasnya oleh Enakmen ini atau yang diberikan kepadanya oleh Pengerusi.</p>
Seksyen 21.	<p><b>Seksyen 21. Memanggil mesyuarat.</b></p> <p>(1) Mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dengan tetap sehingga tidak lebih daripada tiga bulan kalendar boleh berlalu antara satu mesyuarat dengan yang berikutnya.</p> <p>(2) Semua mesyuarat Majlis hendaklah dipanggil oleh Setiausaha.</p> <p>(3) Pengerusi boleh pada bila-bila masa mengarahkan Setiausaha memanggil mesyuarat.</p> <p>(4) Mana-mana empat orang anggota Majlis boleh pada bila-bila masa secara bertulis menghendaki Setiausaha memanggil mesyuarat Majlis dengan syarat mereka memberitahu Setiausaha maksud yang baginya mereka menghendaki mesyuarat itu dipanggil.</p>



	<p>(5) Setiausaha hendaklah memanggil mesyuarat dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan arahan di bawah subseksyen (3) atau kehendak di bawah subseksyen (4).</p> <p>(6) Notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh hari hendaklah diberikan mengenai mana-mana mesyuarat, tetapi Pengerusi boleh, jika dia berpendapat bahawa ada keperluan mendesak untuk memanggil suatu mesyuarat dengan notis yang lebih singkat, mengarahkan supaya kehendak notis tujuh hari itu diketepikan.</p> <p>(7) Notis mesyuarat boleh dihantar dengan pos, faksimili atau E-mel.</p> <p>(8) Notis yang dihantar kepada seseorang anggota dengan pos hendaklah dialamatkan ke tempat tinggalnya yang terakhir diketahui dan hendaklah disifatkan telah disampaikan mengikut perjalanan biasa pos.</p> <p>(9) Notis yang dihantar kepada seseorang anggota dengan faksimili hendaklah dihantar kepada nombor faksimili yang diberikan oleh anggota itu secara bertulis kepada Setiausaha dan hendaklah disifatkan telah diterima oleh anggota itu apabila kod panggilan balik diterima oleh Setiausaha.</p> <p>(10) Notis yang dihantar kepada seseorang anggota dengan E-mel hendaklah dihantar ke alamat E-mel anggota itu yang diberikan kepada Setiausaha secara bertulis dan hendaklah disifatkan telah diterima apabila pentadbir mel yang berkenaan memaklumkan bahawa mel itu sudah berjaya dihantar atau jika tidak ada makluman daripada pentadbir mel bahawa mel itu tidak berjaya dihantar.</p> <p>(11) Tiada notis mesyuarat diperlukan dalam hal anggota yang sedang berada di luar Malaysia.</p>
Seksyen 27.	<p><b>Seksyen 27. Jawatankuasa.</b></p> <p>Majlis boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantunya dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan kuasa-kuasanya.</p>

Seksyen 44.	<p><b>Seksyen 44. Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti.</b></p> <p>(1) Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Selangor.</p>
Seksyen 46.	<p><b>Seksyen 46. Jawatankuasa Fatwa.</b></p> <p>(4) Jawatankuasa Fatwa boleh, tertakluk kepada Enakmen ini, memutuskan segala persoalan berhubungan dengan tatacara dan amalannya.</p>
Seksyen 122.	<p><b>Seksyen 122. Kuasa am untuk membuat peraturan-peraturan.</b></p> <p>(1) Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan membuat peraturan-peraturan, yang hendaklah disiarkan dalam Warta bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.</p>

Berdasarkan Jadual 4 di atas, MAIS dari segi undang-undang dilihat mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang sama seperti yang terdapat dalam peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri yang lain. Namun yang membezakannya kini ialah tata cara kelola juga pengurusan/pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Jabatan Mufti Negeri yang berbeza, seperti yang dinyatakan di atas. Namun adalah diharapkan setelah selesai kajian secara temuramah pihak Pengurusan Tertinggi Majlis Agama Islam Negeri selain Selangor maka akan membuka mata tentang samada terdapat pindaan undang-undang lain yang membolehkan pengurusan sedemikian dijalankan, jika berbeza tataranya.

## 2.9 SUMBER KUASA

Sumber kuasa berdasarkan kedudukan MAIS dari segi undang-undang adalah sangat penting kerana ia memberikan legitimasi dan struktur kepada badan berkuasa, seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dalam menjalankan tanggungjawab dan kuasa yang diberikan kepadanya. Terdapat beberapa alasan mengapa sumber kuasa ini begitu penting:

1. Legitimasi: Sumber kuasa memberikan legitimasi undang-undang dan tindakan yang diambil oleh badan berkuasa. Ini bermakna badan berkuasa mempunyai dasar undang-undang yang sah untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

2. Pengawasan dan Kepatuhan: Dengan sumber kuasa yang ditetapkan dalam undang-undang, badan berkuasa seperti MAIS perlu mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan. Ini memastikan bahawa pelaksanaan undang-undang berlaku secara telus, adil, dan beretika.

3. Stabiliti dan Konsistensi: Sumber kuasa memberikan kestabilan dan konsistensi dalam pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang. Badan berkuasa dapat mengambil keputusan dan tindakan berdasarkan landasan undang-undang yang jelas dan selaras, mengelakkan konflik dan kekaburan.

4. Perlindungan Hak Individu: Sumber kuasa juga berperanan dalam melindungi hak individu dan masyarakat. Ia menetapkan batasan dan garis panduan dalam melaksanakan undang-undang untuk memastikan tidak ada penyalahgunaan kuasa yang berlaku.

5. Keamanan dan Ketenteraman: Sumber kuasa yang kukuh membantu memastikan keamanan dan ketenteraman dalam masyarakat. Badan berkuasa dapat bertindak dengan berkesan dalam mengawal situasi dan menangani isu-isu yang timbul.

6. Kecekapan dan Efisiensi: Dengan sumber kuasa yang jelas, badan berkuasa dapat beroperasi dengan lebih berkesan dan efisien. Ia dapat membuat keputusan dengan lebih cepat dan melaksanakan program atau projek dengan lebih lancar.

Secara keseluruhannya, sumber kuasa merupakan asas penting dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran. Ia memberikan dasar dan legitimasi yang diperlukan bagi badan berkuasa untuk

menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan cara yang berintegriti dan bertanggungjawab. Keberadaan sumber kuasa yang kukuh membawa kepada kestabilan, keadilan, dan keamanan dalam masyarakat.

## **2.10 KESIMPULAN**

Berdasarkan sorotan kajian, konsep pengasingan atau pengagihan kuasa yang dianggap sebagai suatu cara semak dan imbang antara MAIS, JMNS dan JAKESS masih merupakan suatu persoalan yang perlu dikaji. Hal ini kerana proses semak dan imbang dikatakan kurang jelas atau tidak berlaku di peringkat MAIS dan lain-lain badan terutamanya yang melibatkan bidang kuasa JMNS dan JAKESS. Wujud juga pertindanan fungsi kuasa antara MAIS, JMNS dan JAKESS yang dikatakan menyebabkan percanggahan kepentingan dalam amalan urus tadbir yang baik bagi melaksanakan amanah yang diberikan oleh DYMM Sultan dalam konteks pentadbiran agama Islam di Negeri Selangor.

Justeru, permasalahan ini menimbulkan suatu keperluan untuk mengkaji keabsahan dari aspek perundangan tentang kedudukan antara MAIS, JAKESS dan JMNS agar tidak wujud pertindanan kuasa dan ruang untuk berlaku salah guna kuasa antara MAIS, JAKESS dan JMNS. Ini adalah langkah penting agar tiada berlaku kekeliruan antara ketiga-tiga agensi utama tersebut dalam urusan penasihatannya yang diberikan kepada DYMM Sultan.

Sumber kuasa yang diberikan kepada MAIS oleh undang-undang dan perlembagaan memainkan peranan kritikal dalam pelaksanaan undang-undang dan pentadbiran agama Islam di Selangor. Sumber kuasa ini memberikan legitimasi, struktur, dan landasan undang-undang

yang diperlukan untuk memastikan urusan agama Islam dijalankan dengan telus dan bertanggungjawab.

Dengan adanya sumber kuasa yang jelas, MAIS dapat menjalankan peranannya sebagai badan berkuasa utama dengan lebih efisien dan efektif. Sumber kuasa ini juga memastikan kestabilan dan konsistensi dalam penggubalan undang-undang dan hukum syarak di Selangor, yang menyumbang kepada keharmonian dan kesejahteraan masyarakat Muslim di negeri ini. Ini secara langsung telah dapat menjelaskan kedudukan undang-undang bagi Majlis Agama Islam Negeri Selangor. Apabila sumber kuasa ini telah jelas maka ianya akan dapat menjadi titik tolak penyelesaian segala bentuk bentuk isu dan permasalahan rentetan daripada itu. Kesahan undang-undang juga adalah salah satu elemen kesaksamaan undang-undang (*rule of law*) yang juga satu elemen penting dalam urus tadbir yang baik. Ini menjadi pemangkin kepada urus tadbir yang baik di negeri Selangor. Bab 3 seterusnya menjelaskan metodologi yang dijalankan bagi kajian ini bagi mencapai objektif-objektif kajian.

## **BAB 3       METODOLOGI**

Bab 3 memperihalkan metodologi kajian yang telah dijalankan bagi mencapai objektif-objektif kajian ini.

### **3.1     PERMASALAHAN KAJIAN**

Pengasingan atau pengagihan kuasa dikatakan sebagai satu cara semak dan imbang antara MAIS, JMNS dan JAKESS dilihat masih menjadi satu persoalan sehingga kini. Proses semak dan imbang dikatakan tidak berlaku di peringkat MAIS dan lain-lain badan terutamanya yang melibatkan bidang kuasa JMNS dan JAKESS.

Terdapat pertindanan fungsi kuasa antara MAIS, JMNS dan JAKESS yang dikatakan menyebabkan percanggahan kepentingan dalam amalan urus tadbir yang baik bagi melaksanakan amanah yang diberikan oleh DYMM Sultan dalam konteks pentadbiran agama Islam di Negeri Selangor.

Keperluan kajian ini untuk meninjau keabsahan dari aspek perundangan tentang kedudukan antara MAIS, JAIS, JAKESS dan JMNS serta langkah yang perlu untuk meningkatkan urus tadbir yang baik dalam pelaksanaan fungsi masing-masing.

Selain itu keperluan kepada pengawasan dan pemantauan juga isu penting rentetan daripada isu pengasingan kuasa, atau timbul keperluan untuk meninjau semula pendekatan yang perlu dicadangkan selaras dengan kehendak undang-undang.

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti sama ada amalan selama ini dijalankan mengikut lunas undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri juga selari dengan peruntukan Perlembagaan Malaysia sebagai undang-undang tertinggi di Malaysia, juga undang-undang dan peraturan lain yang sedia ada seperti Undang Tubuh Kerajaan Negeri. Selain itu diharap agar

kajian dapat menyingkap segala permasalahan yang telah, sedang dan akan timbul, seperti kuasa memanggil mesyuarat, dan sebagainya bagi memungkinkan lebih keberkesanan dalam pemantauan dan pengawasan oleh MAIS selain isu pengasingan kuasa. Maka Bab 3 ini akan merumuskan keseluruhan berkaitan metodologi yang telah digunakan bagi mencapai objektif kajian.

### **3.2 OBJEKTIF KAJIAN**

- Mengkaji kedudukan MAIS, JAKESS dan JMNS di sisi Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, EPAINS 2003 dan undang-undang yang sedia ada.
- Meneliti isu yang ada seperti isu pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan dan urus tadbir yang perlu diperkemaskan dalam hubungan antara MAIS, JAKESS dan JMNS.
- Membandingkan Enakmen dan undang-undang yang sedia juga selaras dengan urus tadbir terbaik juga amalan Majlis Agama Islam Negeri yang lain
- Mencadangkan urus tadbir yang baik kepada MAIS untuk menguruskan isu yang ada bagi pemantauan, pengawasan juga pengurusan selaras dengan kehendak undang-undang

### 3.3 REKA BENTUK PENYELIDIKAN

Reka bentuk penyelidikan boleh digambarkan sebagai skema dan rancangan utama sesuatu penyelidikan. Ia menerangkan rangka kerja keseluruhan, menggariskan maklumat penuh mengenai prosedur dan langkah-langkah yang diambil dalam kajian dan mengemukakan parameter sistematik dalam pengumpulan data (Strauss & Corbin, 1990). Menurut Maxwell (2012), reka bentuk kajian terdiri daripada matlamat, kerangka konsep, persoalan kajian, kaedah, dan kesahan. Ini mentakrifkan penjelasan Parahoo (1997):

*“a plan that describes how, when and where data are to be collected and analysed”*

(p.142)

Reka bentuk penyelidikan memainkan peranan paling penting dalam membimbing penyelidikan sehingga objektif tercapai. Kualiti penyelidikan yang baik mempunyai reka bentuk penyelidikan yang baik. Pembinaan reka bentuk penyelidikan yang baik akan menyebabkan penyelidikan menjadi terkawal dengan sebarang faktor yang boleh mengganggu kesahihan dapatan kajian.


Pemilihan metodologi kajian dalam sesuatu kajian bergantung kepada pelbagai faktor dan logik. Latar belakang dan pengalaman penyelidik, jenis kajian, dan sifat soalan kajian juga berkaitan dengan proses pemilihan. Sejak kebelakangan ini, penggunaan kaedah kualitatif dalam mengkaji fenomena yang sama mendapat perhatian yang ketara dalam kalangan sarjana dan penyelidik (Yeasmin & Rahman, 2012).

Bagi Hancock et al. (1998: 6) penyelidikan kualitatif adalah berkenaan dengan penjelasan yang berkembang tentang fenomena sosial. Kekuatan penyelidikan kualitatif adalah daripada keupayaannya untuk memberikan penerangan teks yang kompleks tentang bagaimana orang



mengalami isu penyelidikan tertentu. Creswell (2012) menyatakan bahawa, penyelidikan jenis ini mewujudkan keupayaan untuk memahami daripada corak dan membangunkan idea merentas konteks. Beliau juga mencadangkan bahawa penyelidikan kualitatif adalah yang terbaik untuk disesuaikan dalam penyelidikan penerokaan seperti yang dipersetujui oleh Johnson (1997).

Kajian ini merupakan sebuah kajian doktrinal sosio-perundangan yang mengguna pakai reka bentuk kualitatif sepenuhnya. Ia menggarap metode doktrinal yang lazimnya diguna pakai oleh para penyelidik dalam bidang perundangan, serta menggabung jalin beberapa metode yang lain dalam penyelidikan sains sosial yang jitu dalam mencapai objektif kajian yang telah digariskan oleh para penyelidik.



Rajah 7: Ringkasan Reka Bentuk Kajian

Rajah 7 memaparkan gambaran keseluruhan reka bentuk penyelidikan ini yang terdiri daripada fasa kajian, pengumpulan data dan sumbernya, pendekatan analisis data dan dapatan kajian, serta strategi yang diambil untuk menahan kebolehpercayaan kajian ini. Kajian ini merangkumi empat fasa analisis yang menggunakan metode-metode seperti . Data diperoleh secara berbeza mengikut fasanya yang ternyata menggunakan kaedah pengumpulan data khusus untuk sampai ke sumber. Setiap fasa menghasilkan penemuan yang berbeza yang menandakan empat objektif yang disasarkan untuk diselesaikan.

### **3.4 METODE DOKTRINAL**

Kajian ini dimulakan dengan pengumpulan data secara doktrinal terlebih dahulu untuk mengetahui keabsahan bagi kedudukan MAIS dari segi perundangan yang merupakan objektif pertama kajian. Metode doktrinal ini bersumberkan data yang dirujuk daripada Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, EPAINS 2003, artikel jurnal, buku-buku, akhbar, laman-laman web juga dokumen-dokumen MAIN.

Walaupun terdapat sebahagian para ilmuan dalam bidang pendidikan yang memisahkan antara metode doktrinal dengan metodologi kualitatif, namun para penyelidik mengambil pandangan sebahagian ilmuan lain yang menyatakan metode doktrinal juga adalah merupakan sebahagian daripada metodologi kualitatif, namun berbeza dari sumber data yang telah ditetapkan bersumberkan teks-teks perundangan.

Melalui metode doktrinal perundangan, kajian ini telah menganalisis data primer dan sekunder. Antara contoh data primer ialah perlembagaan, enakmen, akta-akta, peraturan dan kes-kes undang-undang. Manakala data sekunder pula ialah artikel jurnal, buku teks, buku-buku, laman web dan selainnya. Bezanya antara kajian undang-undang juga kajian sains sosial yang lain

ialah hampir keseluruhan bab kajian adalah bersandarkan kepada kajian doktrinal yang menjadi tunjang kepada penyelidikan.

Dalam menyusun kajian doktrinal ini selain jenis sumber-sumber yang disebutkan di atas, ianya akan bermula pada definisi setiap terma-terma juga ulasan tentang peruntukan undang-undang juga prosedur yang perlu. Kemudiannya ia akan disusuli dengan sokongan dari sumber sekunder yang lain seperti artikel jurnal, dan sebagainya bagi menguatkan hujah. Ini adalah amalan biasa dalam hujahan undang-undang. Pada kajian doktrinal undang-undang, bahagian sorotan literatur hanyalah pengenalan dan ulasan undang-undang pada isu yang dikaji, menggunakan sumber primer dan sekunder, mengikut turutan autoritatifnya. Selain itu ulasan-ulasan pada sorotan literatur adalah mengikut tema atau isi kandungan yang perlu untuk hujahan. Sebagai contoh di dalam kajian ini huraian sorotan literatur adalah menurut tema, kaitan antara Majlis Agama Islam Negeri dengan peruntukan undang-undang sedia ada, maksud urus tadbir yang baik dan sebagainya.

Berikut adalah merupakan senarai sumber primer dan sekunder yang menjadi asas kepada pengumpulan data bagi kajian ini:

Jadual 5

*Sumber dan Nama Dokumen Kajian*

Sumber	Nama Dokumen
Primer	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Perlembagaan Malaysia</li><li>2. Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959</li><li>3. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003</li><li>4. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505)</li><li>5. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 10/03)</li><li>6. Al Quran</li></ol>

Sekunder	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Artikel jurnal</li> <li>2. Buku teks</li> <li>3. Buku</li> <li>4. Surat khabar</li> <li>5. Laman sesawang (website)</li> <li>6. Resolusi Kongres Majlis Agama Islam Negeri-Negeri Seluruh Malaysia 2011</li> </ol>
----------	--

### **3.5 METODE TEMU BUAL SEPARA STRUKTUR**

Selain itu kajian turut menemubual informan dari pihak pengurusan tertinggi dalam MAIS, JAKESS, JMNS, MAINS dan MAIWP. Temu bual telah dibuat secara semi-struktur pada pihak pengurusan yang mempunyai kapasiti untuk membuat keputusan dan arahan sebagai contoh memanggil mesyuarat.

Gabungan antara kaedah doktrinal dan kualitatif secara temu bual ini, adalah dikira kaedah sah dalam penyelidikan undang-undang dan sains sosial, dari segi hujahan undang-undang dan kajian sains sosial.

Kajian ini juga mengumpulkan data dengan menggunakan kaedah temu bual secara separa berstruktur. Tujuan diadakan temu bual ialah untuk mengukur kebolehpercayaan soal selidik. Item-item dalam soal selidik yang berkaitan dengan persepsi pihak pengurusan terhadap soal urus tadbir yang baik MAIN dan segala isu yang berkaitan dengannya menjadi asas kepada soalan temu bual. Soalan-soalan temu bual adalah tidak berstruktur. Sampel temu bual terdiri daripada beberapa pegawai atasan yang telah dipilih terlebih dahulu . Temu bual ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan tentang urus tadbir yang baik MAIN dan segala isu yang berkaitan dengannya, juga berkaitan jawatankuasa MAIN. Temu ramah ini menyentuh perkara-perkara seperti isu terkait urus tadbir seperti pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan umumnya dan khususnya amalan pengurusan jawatankuasa MAIN dan penggajian dan cadangan-cadangan bagi mempertingkatkan lagi urus tadbir MAIN.

Temu bual ini dibuat secara separa berstruktur merupakan kaedah yang terbaik. Ini kerana sesi temu bual ini dijalankan mengikut soalan yang dibina dan kita boleh menambah soalan mengikut kesesuaian. Temu bual ini tidak perlukan soalan temu bual yang banyak, memadai dalam 8-10 soalan kerana penyelidik boleh mencelah dan menambah soalan semasa sesi temu bual dijalankan. Kaedah begini juga berjaya menyingkap persoalan dasar kajian.

### 3.6 LOKASI KAJIAN

Lokasi bagi kajian doktrinal adalah termasuk perpustakaan samada di perpustakaan USIM, perpustakaan digital, atau pejabat-pejabat para penyelidik. Selain itu bengkel-bengkel juga dijalankan di luar USIM bagi menyempurnakan prosedur-prosedur berkaitan kajian khususnya fasa analisis data. Temu bual dan mesyuarat dan perbincangan bersama MAIS, MAIWP dan MAINS juga dijalankan samada di dalam USIM, di MAIS, Shah Alam , Selangor, MAIWP Kuala Lumpur dan MAINS Seremban, Negeri Sembilan. Berikut merupakan keterangan lokasi, masa, alamat serta informan yang terlibat dalam kajian ini:

Jadual 6

*Keterangan informan*

<b>Lokasi</b>	<b>Masa dan Alamat</b>	<b>Penemu bual</b>	<b>Informan terlibat</b>
MAIS Shah Alam	02/11/2022 MAIS Shah Alam	Dr.Noor Dzuhaidah Osman, Dr.Syahirah Abdul Shukor	Puan Siti Zurinah Zainal Abidin, Ustaz Abdul Ghaffar
FSU USIM	22/02/2023 FSU USIM	Dr.Noor Dzuhaidah Osman, Dr.Syahirah Abdul Shukor, Dr.Norman Zakiyy, Dr.Ahmad Sukran Baharuddin	Puan Siti Zurinah Zainal Abidin, Ustaz Abdul Ghaffar
MAINS Seremban	20/01/2023 MAINS Seremban	Dr.Noor Dzuhaidah Osman, Datuk Wan Ahmad Fauzi, Puan Syuhailah Abd.Latip	Setiausaha MAINS, Tuan Zainal Tuan Hasni Pengarah Tuan M.Idris Pengarah

MAIWP Kuala Lumpur	10/03/2023 MAIWP Kuala Lumpur, Bangunan PERKIM	Dr.Noor Dzuhaidah Osman, Datuk Wan Ahmad Fauzi, Dr.Syahirah Abdul Shukor	Pengerusi MAIWP (tidak hadir) digantikan dengan Tuan Fauzi Timb.Pengerusi MAIWP PUU MAIWP Tuan Wan Sanusi
MAIS Shah Alam	26/07/2023 MAIS Shah Alam	Dr.Noor Dzuhaidah Osman, Dr.Syahirah Abdul Shukor , Datuk Wan Ahmad Fauzi,	En.Hafiz Salam, Puan Siti Zurinah Zainal Abidin, Ustaz Abdul Ghaffar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan	Oktober 2023 Google Meet	Dr.Noor Dzuhaidah Osman, Dr.Syahirah Abdul Shukor	Tuan Mohd.Ridzwan Ketua Pendaftar

### 3.7 PEMILIHAN INFORMAN

Pensampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden/ informan kajian. Bagi kajian ini, sampel kajian terdiri dari pegawai atasan MAIS, MAIWP dan MAINS. Seramai tujuh pegawai atasan dipilih secara khusus untuk dijadikan sampel kajian. Sampel kajian ini merupakan pegawai tertinggi yang memegang tampuk pentadbiran MAIN, yang mengetahui selok-belok perjalanan operasi MAIN dan berupaya membuat keputusan bagi MAIN. Mereka terdiri dari Setiausaha, Timbalan Pengerusi, Penasihat Undang-Undang dan Pengarah-pengarah. Mereka diberi soalan secara separa berstruktur dia mana mereka diberi Google Form untuk menjawab soalan dan ada juga soalan yang ditambah mengikut kesesuaian bagi mendalami sesuatu subjek.

### 3.8 ANALISIS DATA

Analisis data adalah bahagian yang paling penting dalam kajian. Dengan itu, bahagian ini memberikan maklumat terperinci tentang proses analisis data dalam kajian ini. Mengikut kepada empat fasa yang telah dilalui, setiap objektif memerlukan kaedah analisis data yang berbeza. Hal ini adalah untuk mengoptimumkan hasil dapatan kajian daripada data-data yang telah diperolehi. Bagi Objektif Pertama iaitu mengkaji kedudukan MAIS, JAKESS dan JMNS di sisi Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, EPAINS 2003 dan undang-undang yang sedia ada, metode analisis kandungan telah digunakan. Pendekatan deskriptif dan deduktif telah pun diaplikasikan terhadap data bagi mendapatkan kesimpulan yang lebih spesifik. Bagi objektif kedua pula, iaitu meneliti isu yang ada seperti isu pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan dan urus tadbir yang perlu diperkemaskan dalam hubungan antara MAIS, JAKESS dan JMNS, data yang telah diperolehi dari temu bual yang telah dijalankan, metode analisis kandungan juga telah digunakan. Sementara itu, bagi membandingkan Enakmen dan undang-undang yang sedia juga selaras dengan urus tadbir terbaik juga amalan Majlis Agama Islam Negeri yang lain, kajian ini telah menggunakan metode analisis perbandingan. Akhir sekali, kajian ini telah mengaplikasikan metode analisis kandungan terhadap semua data dan hasil kajian bagi mewujudkan sebuah cadangan baru urus tadbir yang baik kepada MAIS untuk menguruskan isu yang ada bagi pemantauan, pengawasan juga pengurusan selaras dengan kehendak undang-undang.

### **3.9 STRATEGI DALAM MENENTUKAN KEBOLEHPERCAYAAN HASIL KAJIAN**

Secara awalan kajian ini mengkaji secara doktrinal dahulu untuk mengetahui keabsahan bagi kedudukan MAIS, MAIWP dan MAINS dari segi perundangan. Kajian doktrinal merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, EPAINS 2003, jurnal artikel, buku-buku, surat khabar, website juga dokumen-dokumen MAIN. Kaedah



doktrinal ini adalah kaedah biasa yang diamalkan dalam kajian undang-undang yang merujuk kepada sumber primer seperti Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, EPAINS 2003. Sumber sekunder juga dirujuk seperti jurnal artikel, buku-buku, surat khabar, laman-laman web juga dokumen-dokumen MAIN. Apabila penyelidik menulis hasil laporan maka setiap ahli penyelidik yang lain yang juga mempunyai kepakaran bidang masing-masing akan saling menyemak laporan tersebut dan membetulkan jika perlu setelah berbincang dan bermesyuarat. Selain itu sering ada perbincangan antara ahli penyelidik dengan MAIS bagi memastikan objektif kajian tercapai dan tidak tersasar dari objektif-objektif tersebut.

Kaedah validasi untuk kajian doktrinal undang-undang adalah proses memastikan kebolehpercayaan dan ketepatan hasil kajian doktrinal yang diperoleh. Validasi sangat penting dalam memastikan bahawa analisis dan tafsiran yang dibuat berdasarkan sumber-sumber doktrinal adalah sahih dan tepat. Berikut adalah beberapa langkah ringkas dalam kaedah validasi untuk kajian doktrinal undang-undang:

### **1. Penggunaan Sumber Doktrinal Yang Boleh Dipercayai:**

Sumber-sumber doktrinal yang digunakan dalam kajian adalah dipercayai dan berkuasa (autoritatif). Sumber-sumber utama seperti perlembagaan, akta-akta, peraturan, dan kes-kes undang-undang datang daripada sumber-sumber rasmi dan sah yang diiktiraf oleh badan undang-undang. Para ilmuwan dalam bidang metodologi penyelidikan menganggap prosedur ini sebagai *internal validation process*.

### **2. Korelasi Data:**

Data yang dikumpulkan dari sumber doktrinal adalah konsisten dan berkorelasi dengan tujuan kajian. Data disemak semula untuk memastikan bahawa mereka relevan dan sesuai dengan soalan kajian.

Analisis kandungan dokumen dilakukan dengan teliti dan berhati-hati. Tafsiran dan hujah yang dibuat adalah didasarkan pada analisis yang tepat dan tidak tergantung pada pandangan subjektif.

#### **4. Rujukan Silang:**

Rujukan silang digunakan untuk menentusahkan maklumat yang diperoleh dari sumber doktrinal. Penemuan dan dapatan kajian disokong oleh lebih daripada satu sumber yang boleh dipercayai.

#### **5. Penilaian Ahli:**

Pandangan dan penilaian daripada ahli atau pakar dalam bidang undang-undang didapati untuk mengesahkan analisis dan tafsiran kajian. Penilaian oleh mereka yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang topik akan membantu memperkuat kesahihan kajian.

#### **6. Rekod Sumber dan Analisis:**

Sumber-sumber doktrinal yang digunakan dituliskan sebagai rujukan dan proses analisis yang dijalankan. Ini akan memudahkan rujukan semula dan membantu dalam proses validasi oleh orang lain.

#### **7. Maklum Balas dan Kritikan:**

Maklum balas dan kritikan daripada pakar atau juga ahli kumpulan penyelidik yang merupakan individu yang berpengalaman dalam bidang undang-undang. Kritikan konstruktif membantu menyemak semula dan meningkatkan kualiti kajian.

Melalui proses validasi yang teliti dan berhati-hati, kajian doktrinal undang-undang ini menjadi lebih kuat dan relevan dalam menyumbang kepada pemahaman tentang isu perundangan yang dikaji.

Selain itu kajian turut menemu bual satu atau dua orang sahaja pihak pengurusan tertinggi dalam MAIS, JAKESS, JMNS, dan MAIWP dan MAINS. Temubual dibuat secara semi-struktur pada pihak pengurusan yang mempunyai kapasiti untuk membuat keputusan dan arahan sebagai contoh memanggil mesyuarat. Mereka merupakan pegawai tertinggi yang memegang tampuk pentadbiran MAIN, yang mengetahui selok belok perjalanan operasi MAIN dan berupaya membuat keputusan bagi MAIN. Mereka terdiri daripada Setiausaha, Timbalan Pengerusi, Penasihat Undang-Undang dan Pengarah-pengarah. Oleh itu segala jawapan mereka hasil temu bual itu merupakan validasi kepada amalan pentadbiran MAINS, bermula dari segala isu tadbir urus yang dibangkitkan bersesuaian dengan kedudukan mereka dalam pihak pengurusan tertinggi, kelayakan pekerjaan, pentadbiran, akademik dan pengalaman.

Berikut adalah peranan dan bidang kepakaran ahli penyelidik:

Jadual 7

*Bidang kepakaran ahli penyelidik*

Ahli Penyelidik	Peranan	Bidang Kepakaran
Dr. Noor Dzuhaidah Osman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyelaras penulisan sorotan literatur</li> <li>• Menyelaras temu bual kajian lapangan MAIS, negeri lain dan laporan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekas peguam bela dan peguam cara</li> <li>• Diploma in Syariah law and Practice (DSLPII)IUM</li> <li>• Pensyarah Kanan/Govenan dan peraturan, undang-undang prosedur sivil, biosekuriti, alam sekitar antarabangsa/</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• PhD Law, UK</li> </ul>
<p>Datuk Professor Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Temu bual kajian lapangan MAIS, negeri lain dan laporan</li> <li>• Laporan bahagian cadangan penambahbaikan urus tadbir</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekas peguam bela dan peguam cara</li> <li>• Peguam Syarie Terengganu dan Wilayah Persekutuan</li> <li>• Mantan ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu</li> <li>• Mantan ahli Mesyuarat MAIDAM</li> <li>• Pengerusi Yayasan Tuanku Nur Zahirah</li> <li>• Pakar Perlembagaan dan Govenan /</li> <li>• PhD Law, UKM</li> </ul>
<p>Dr. Syahirah Tan Sri Abdul Shukor</p>	<p>Temu bual kajian lapangan MAIS, negeri lain dan laporan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah Kanan/</li> <li>• Undang-Undang Media dan Siber, Kanak-kanak dan Perbandingan/</li> <li>• PhD Law, UK</li> </ul>

Dr. Norman Zakiyy	Temu bual kajian lapangan MAIS, negeri lain dan laporan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekas peguam bela dan peguam cara</li> <li>• Diploma in Syariah law and Practice (DSLPIIUM)</li> <li>• Pensyarah Kanan/Govenan dan Peraturan, Prosedur Mahkamah, Hubungan Industri dan ADR/</li> <li>• PhD Law,UKM</li> </ul>
Dr. Ahmad Syukran Baharuddin	Temu bual kajian lapangan JMNS, negeri lain dan laporan Menyelaras penulisan bahagian metodologi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah Kanan/Syariah, Maqasid Syariah, Undang-undang keterangan Islam/</li> <li>• Diploma in Islamic Judiciary and Advocatory Practice, USIM</li> <li>• PhD dalam Fiqh Sains dan Teknologi, UTM</li> </ul>
Puan Syuhaila Abdul Latip	Temu bual kajian lapangan JAKESS, negeri lain dan laporan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peguambela dan peguamcara</li> <li>• Peguam Syarie</li> </ul>

Secara umumnya selain penggunaan sumber primer dan sekunder yang autoritatif bagi kaedah doktrinal, pandangan pakar merupakan antara kaedah menentukan kesahan modul (Subramaniam et al., 2023).

Selain itu secara amnya kaedah validasi adalah kesahan dari pihak MAIS sendiri setelah melihat dapatan dari MAIS di mana mereka sendiri boleh mengesahkan data tersebut kerana data itu

diberikan sendiri oleh MAIS samada secara mesyuarat, perbincangan, temu bual dan dokumen .Selain itu amalan MAIWP dan MAINS juga disahkan oleh pengurusan tertinggi MAIN yang memiliki pengetahuan , pengalaman dan kepakaran dalam kerja rutin seharian mereka selama bertahun-tahun berkhidmat dalam MAINS hasil dari temu bual tersebut. Selain itu hasil laporan yang ditulis boleh dirujuk semula kepada mereka untuk validasi.

### 3.10 RISIKO DAN PELAN MITIGASI

Dalam kajian ini, terdapat beberapa risiko yang perlu diambil kira. Berikut adalah risiko-risiko yang mungkin timbul dan pelan mitigasi untuk menghadapinya:

Jadual 8

*Risiko dan pelan mitigasi penyelidikan*

Risiko	Pelan Mitigasi
<p>Risiko 1: Risiko fizikal sumber penyelidikan</p> <p>Terdapat risiko sumber-sumber penyelidikan seperti komputer, dokumen-dokumen, buku, artikel jurnal, dan lain-lain mungkin rosak, hilang, atau tidak tersedia semasa kajian. Ini boleh menyukarkan analisis doktrinal yang diperlukan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Salinan digital atau dokumen dan sumber-sumber penting disimpan dengan selamat dan jika perlu, salinan fizikal harus disimpan di tempat yang selamat dan terkawal.</li> <li>• Lakukan penyemakan berkala ke atas segala sumber-sumber doktrinal dan pastikan bahawa mereka tetap relevan dan <i>up-to-date</i>.</li> <li>• Dapatkan lebih dari satu salinan sumber kajian jika mungkin, untuk mengurangkan risiko kehilangan keseluruhan sumber kajian.</li> <li>• Dapatkan perlanjutan masa jika perlu</li> </ul>

<p>Risiko 2: Risiko keselamatan dalam perjalanan, kelewatan atau pembatalan semasa temu bual dan perbincangan dengan pihak pengurusan kerana mereka adalah orang yang penting dan sibuk.</p> <p>Berjumpa dengan pihak pengurusan tinggi MAIS, MAIWP, dan MAINS boleh melibatkan risiko keselamatan, terutama jika kajian melibatkan isu sensitif atau kontroversi.</p>	<p>Pelan Mitigasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pastikan temu bual dan perbincangan dijalankan di lokasi yang selamat dan sesuai, seperti di pejabat mereka atau di kawasan awam yang diketahui selamat.</li> <li>• Selalu beritahu pihak yang berkaitan mengenai perjumpaan anda dan pastikan mereka sedar tujuan kajian anda.</li> <li>• Perlu untuk mendapatkan kebenaran rasmi atau surat sokongan untuk melaksanakan temu bual daripada pihak berkuasa yang berkaitan.</li> <li>• Memohon mereka menyediakan timbalan jika mereka tidak dapat hadir atau menjadualkan semula pertemuan</li> <li>• Membuat perjalanan dengan selamat</li> </ul>
<p>Risiko 3: Risiko kesahan dan ketepatan temu bual</p> <p>Temu bual dengan pihak pengurusan tinggi boleh menimbulkan risiko kesahan dan ketepatan data, terutama jika terdapat kesilapan atau kekurangan maklumat dari pihak yang ditemubual.</p>	<p>Pelan Mitigasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempastikan temu bual dijalankan dengan teliti dan mengikut kaedah temu bual semi-struktur untuk memastikan maklumat yang tepat dan relevan diperoleh.</li> <li>• Gunakan lebih daripada satu sumber temu bual untuk menyahsahkan maklumat yang diberikan oleh pihak yang ditemubual.</li> <li>• Rekodkan temu bual dengan kebenaran pihak yang ditemubual untuk merujuk semula dan memastikan ketepatan data.</li> </ul>

<p>Risiko 4: Risiko kesahan dan ketepatan analisis doktrinal</p> <p>Kajian doktrinal mungkin melibatkan analisis dokumen yang kompleks, dan risiko kesahan dan ketepatan analisis harus diambil kira.</p>	<p>Pelan Mitigasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pastikan kaedah analisis yang digunakan adalah tepat dan sesuai dengan kajian.</li> <li>• Semak semula hasil analisis dengan rakan sejawat atau pakar untuk memastikan kesahan dan ketepatan tafsiran.</li> <li>• Bincangkan hasil analisis dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas tambahan.</li> </ul>
---	--

Dengan mengambil kira risiko-risiko ini dan merancang pelan mitigasi yang sesuai, pihak penyelidik telah dapat meminimumkan potensi kesulitan dan menjamin kelancaran proses kajian.

### 3.11 BAGAIMANA PERSOALAN MERUJUK KEPADA METODE

Jadual 9

*Bagaimana Persoalan Merujuk Kepada Metode*

Objektif Kajian	Soalan	Metode
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengkaji kedudukan MAIS, JAKESS dan JMNS di sisi Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, EPAINS 2003 dan undang-undang yang sedia ada.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagaimanakah kedudukan MAIS, JAKESS dan di sisi Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dan EPAINS 2003 ?</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian doktrinal merujuk kepada undang-undnag tertinggi Malaysia iaitu Perlembagaan Persekutuan, serta Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, EPAINS 2003,jurnal</li> </ul>



		<p>artikel , buku-buku, surat khabar dan website</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merujuk kepada pakar Perlembagaan Malaysia</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meneliti isu yang ada seperti isu pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan dan urus tadbir yang perlu diperkemas dalam hubungan antara MAIS, JAKESS dan JMNS.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Apakah isu-isu pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan dan urus tadbir yang ada di MAIS, JAKESS dan JMNS.?</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian doktrinal merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 ,EPAINS 2003,jurnal artikel , buku-buku ,surat khabar dan lama web</li> <li>• Menemuramah MAIS, JAKESS dan JMNS secara rasmi dan tidak rasmi.</li> </ul>

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membandingkan Enakmen dan undang-undang yang sedia juga selaras dengan urus tadbir terbaik juga amalan Majlis Agama Islam Negeri yang lain</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Apakah Enakmen dan undang-undang yang sedia MAIN-MAIS, MAIWP dan MAINS?</li> <li>• Apakah amalan urus tadbir terbaik Majlis Agama Islam Negeri?</li> <li>• Bagaimanakah amalan urus tadbir bagi jawatankuasa Majlis Agama Islam Negeri?</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian doktrinal merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 ,EPAINS 2003,jurnal artikel , buku-buku ,surat khabar dan website</li> <li>• Menemuramah MAIS, MAIWP dan MAINS juga pengurusan tertinggi mereka seperti Setiausaha, Timbalan Pengerusi, Penasihat Undang-Undang,Pengarah-pengarah, secara rasmi dan tidak rasmi</li> </ul>
--	---	--

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencadangkan urus tadbir yang baik kepada MAIS untuk menguruskan isu yang ada bagi pemantauan, pengawasan juga pengurusan selaras dengan kehendak undang-undang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Apakah amalan urus tadbir MAIN yang berkesan dan tidak berkesan?</li> <li>• Apakah isu-isu urus tadbir yang timbul?</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian doktrinal merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 ,EPAINS 2003,jurnal artikel , buku-buku ,surat khabar, website juga dokumen MAIN</li> <li>• Menemuramah MAIS, MAIWP dan MAINS juga pengurusan tertinggi mereka seperti Setiausaha, Timbalan Pengerusi, Penasihat Undang-Undang,Pengarah-pengarah, secara rasmi dan tidak rasmi</li> </ul>
---	---	---

### 3.12 SKOP PENYELIDIKAN

Kajian ini terhad kepada pentadbiran Institusi Agama Islam di bawah negeri Selangor seperti MAIS, JMNS,JAKESS, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) sebagai satu perbandingan kajian amalan majlis agama Islam negeri. Batasan kajian ialah setakat negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan sahaja yang berdekatan dan bersempadan negeri. Kajian ini diberi tempoh maksimum 6 bulan asalnya. Kaedah kajian ialah secara metode bercampur iaitu menggunakan kajian doktrinal dan

kualitatif iaitu menemubual satu atau dua orang sahaja pihak pengurusan tertinggi dalam MAIS, JAKESS, JMNS , MAINS dan MAIWP. Diharap semua pihak terlibat akan memberikan kerjasama dalam usaha mendapatkan dokumen yang perlu juga hasil temu bual secara semi-struktur dengan penekanan diberi kepada dokumen juga hasil dapatan kajian yang mungkin bertahap sulit dan persendirian.

### 3.13 PERANCANGAN PENYELIDIKAN

Jadual 10

*Carta Gant Penyelidikan*

Bil	Aktiviti	2022		2023								
		11	12	1	2	3	4	5	6	7	8	
1	Sorotan literatur i) Pengumpulan literatur ii) Analisa dan penulisan literatur											
2	Temuramah kajian lapangan 1 MAIS i) Temuramah MAIS ii) Pelaporan											
3	Temuramah kajian lapangan 2 Negeri2 lain i) Temuramah MAIWP/MAINS Pelaporan ii) Bengkel 1											
4	Menganalisa maklumat i) Analisa segala dapatan kajian MAIS dan											


	negeri-negeri lain										
5	Laporan akhir kajian i) Semakan literatur, kajian lapangan dan cadangan ii) Pelaporan iii) Bengkel 2										

### 3.14 MILESTONE PENYELIDIKAN

Jadual 11  
*Milestone Penyelidikan*

Milestone/Tarikh penting	Tarikh	Peratusan siap (%)
Merangka dan memulakan pelan penyelidikan	November 2022	20
Koleksi data bermula	December 2022	40
Koleksi data siap	Februari 2023	60
Analisa	Mac 2023	80
Laporan akhir siap	Ogos 2023	100

### 3.15 CARTA ALIR PENYELIDIKAN



*Rajah 8: Carta Alir Penyelidikan*

### 3.16 GAMBAR-GAMBAR PENYELIDIKAN

Dilampirkan sebagai Lampiran 6.

### 3.17 KESIMPULAN

Kajian ini memberikan penekanan terhadap penggunaan metode doktrinal dan kualitatif untuk menyelidik kedudukan MAIS dari segi perundangan. Penggunaan metode doktrinal melibatkan rujukan kepada Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, dan EPAINS 2003, serta sumber-sumber seperti jurnal, buku, surat khabar, laman web, dan dokumen-dokumen MAIN. Metode kualitatif melibatkan temu bual dengan ahli pengurusan tertinggi MAIN.

Dengan menggabungkan metode doktrinal dan kualitatif, kajian ini telah mencapai objektifnya dengan berkesan. Melalui metode doktrinal, kajian dapat mendalami aspek perundangan yang berkaitan dengan kedudukan MAIS. Sementara itu, melalui metode kualitatif, kajian dapat

memahami pandangan dan perspektif ahli pengurusan MAIN yang berkaitan dengan isu tersebut.

Penggunaan metode doktrinal membantu kajian untuk mencapai keabsahan dan ketepatan dalam menganalisis kedudukan MAIS dari segi perundangan. Metode ini membolehkan kajian merujuk kepada undang-undang dan perlembagaan yang sedia ada sebagai sumber rujukan utama.

Selain itu, penggunaan metode kualitatif, terutamanya melalui temu bual dengan ahli pengurusan MAIN, memperkaya kajian dengan pandangan dan maklum balas yang lebih mendalam. Metode kualitatif memungkinkan penyelidik untuk menyelami persepsi dan pemikiran mereka secara terperinci, yang memberi lapisan tambahan kepada analisa kandungan dalam kajian ini.

Secara keseluruhan, penggabungan metode doktrinal dan kualitatif dalam kajian ini membuktikan keberkesanannya dalam mencapai objektif kajian dan memberikan pemahaman yang lebih holistik tentang kedudukan MAIS dari segi perundangan. Pendekatan ini membolehkan kajian untuk menyediakan analisa kandungan yang berkualiti dan merangkumi pelbagai perspektif yang relevan dalam bidang undang-undang dan sains sosial.

Seterusnya Bab 4 akan menjurus kepada dapatan kajian hasil dari metodologi yang dijalankan dalam kajian ini. Bab 4 akan merungkai segala persoalan juga objektif-objektif kajian.

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

### **4.1 PENGENALAN**

Bab 4 membincangkan dapatan kajian hasil daripada pengumpulan data dan bahan yang diperolehi oleh para penyelidik sepanjang penyelidikan yang bermula pada September 2022.

### **4.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Terdapat 19 Jawatankuasa MAIS yang diurusetikan oleh pihak MAIS dan JAIS dan 5 Jawatankuasa di bawah seliaan JMNS dan JAKESS. Terdapat dua (2) Jawatankuasa yang diuruskan di bawah seliaan JMNS iaitu Jawatankuasa Fatwa dan Jawatankuasa Falak. Walau bagaimanapun, urusan penubuhan Jawatankuasa, pelantikan anggota Jawatankuasa, penamatan anggota Jawatankuasa, tuntutan elaun mesyuarat, pengurusan mesyuarat Jawatankuasa dan lain-lain perkara berkaitan masih lagi tertakluk kepada arahan dan ketetapan yang dibuat oleh pihak MAIS.

Oleh itu, kajian dijalankan bagi mengenal pasti sama ada amalan selama ini dijalankan mengikut lunas undang Enakmen Negeri juga selari dengan peruntukan Undang-undang Tubuh Kerajaan negeri, Perlembagaan Malaysia sebagai undang-undang tertinggi di Malaysia, juga undang-undang dan peraturan lain yang sedia ada. Selain itu diharap agar kajian dapat menyingkap segala permasalahan yang telah, sedang dan akan timbul, seperti perlantikan dan penamatan ahli jawatankuasa kuasa memanggil mesyuarat, dan sebagainya bagi memungkinkan keberkesanan dalam pemantauan dan pengawasan oleh MAIS selain isu pengasingan atau pengagihan kuasa.

Untuk tujuan itu beberapa siri pertemuan temuramah telah diadakan di antara ketua penyelidik dan ahli-ahli penyelidik dengan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Selain itu sebagai kajian perbandingan urus tadbir, temuramah juga dijalankan bersama Majlis Agama Islam Wilayah



Persekutuan (MAIWP) dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) bagi melihat isu tadbir urus dan amalan negeri-negeri tersebut bagi menghurai dan menjawab persoalan-persoalan kajian berikut :

- a) Kedudukan MAIS, JAKESS dan JMNS menurut Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, EPAINS 2003 juga perlembagaan juga undang-undang juga peraturan yang sedia ada.
- b) Isu pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan dan urus tadbir dalam hubungan antara MAIS, JAKESS dan JMNS.
- c) Perbandingan Enakmen dan undang-undang yang sedia juga selaras dengan urus tadbir terbaik juga amalan Majlis Agama Islam Negeri yang lain.
- d) Urus tadbir MAIS dalam pengurusan isu yang ada bagi pemantauan dan pengawasan.

Selain soalan-soalan temuramah yang terdapat di dalam *Google Form* yang diberikan kepada pihak pengurusan tertinggi Majlis Agama Negeri yang terlibat sebagai panduan kasar, terdapat juga soalan-soalan lain yang dikemukakan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Maka Bab 4 analisa kajian ini menghuraikan dapatan temuramah hasil kajian tersebut. Hasil temuramah tersebut memperlihatkan beberapa isu tadbir urus dan amalan yang perlu ditangani. Namun bab analisa ini selain memperihalkan urus tadbir urus secara am, akan juga mengupas secara spesifik isu-isu tadbir urus yang penting seperti dalam kertas cadangan iaitu hal ehwal pengurusan mesyuarat jawatankuasa MAIS, JAKESS dan JMNS.

Sebelum kajian ini menghurai dengan lebih spesifik untuk isu permasalahan urus tadbir MAIS dan MAIN, adalah penting kajian ini menghuraikan secara falsafah dan praktikal mengikut lunas undang-undang. Kajian ini penting kerana ianya berkaitan pentadbiran agama Islam secara

umumnya. Dikhuatiri jika isu ini tidak dihuraikan dengan betul dan jelas, maka ianya akan menjejaskan kedudukan Islam dan pentadbiran agama Islam pada masa akan datang.

#### **4.2.1 Kedudukan Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan**

Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Islam adalah agama Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai oleh orang yang menganutinya.

#### **4.2.2 Berdasarkan Undang-Undang Tubuh Negeri**

Perkara XLVII (47) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 memperuntukkan agama Islam hendaklah menjadi agama Negeri tetapi semua agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai oleh orang yang menganutinya di mana-mana bahagian Negeri ini. Oleh itu, berdasarkan kepada kedua-dua peruntukan di atas, agama Islam diiktiraf dalam undang-undang sebagai Agama Persekutuan dan Negeri justeru kedudukannya adalah lebih istimewa berbanding agama-agama lain (Dewan Negeri Selangor, 2015).

#### **4.3 JUSTIFIKASI MAIWP DAN MAINS DIJADIKAN KAJIAN KES**

- 1) Dalam kajian ini, MAIWP dipilih sebagai kajian kes kerana MAIWP adalah tertakluk kepada Kerajaan Persekutuan dan dilihat secara undang-undang dan pelaksanaan adalah lebih teratur dan sistematik. Hasil perubahan dan pelaksanaan di MAIWP selalunya kemudiannya akan dilaksanakan di negeri-negeri, terutamanya Negeri Selangor yang secara ekonomi dilihat ada banyak persamaan dengan Wilayah Persekutuan.
- 2) Kajian perbandingan juga dijalankan dengan MAINS kerana MAINS dilihat sebagai negeri yang terkedepan dalam pelaksanaan pentadbiran hal ehwal Islam jika

dibandingkan dengan-negeri yang lain. Meskipun Negeri Sembilan juga mengamalkan sistem beraja dan bertindak sebagai Ketua Islam Negeri .Sebagai contoh dalam mengemaskini urus tadbir MAINS telah membuat beberapa perubahan urus tadbir juga perjawatan yang menjadi bakal pemangkin perubahan institusi Majlis Agama Islam yang lain kelak.

#### **4.4 PERSOALAN-PERSOALAN KAJIAN:**

**4.4.1 Kedudukan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Kehakiman Syariah (JAKESS) dan Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) di sisi Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAINS 2003) dan undang-undang yang sedia ada.**

Berdasarkan persoalan di atas, juga sorotan literatur yang telah dikupas sebelum ini dalam Bab 2 Sorotan Literatur, di sisi Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAINS 2003), maka dapatlah disimpulkan seperti berikut bahawa:

**DYMM Sultan Selangor merupakan pihak berkuasa utama/tertinggi di dalam Majlis Agama Islam Negeri Selangor dan Raja sebagai Ketua Agama Islam Negeri.**

Perlembagaan Persekutuan Perkara 3(2) memperuntukkan:

*Raja adalah sebagai Ketua Agama Islam dalam Negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu.*

Punca-punca kuasa tentang kedudukan dan kedaulatan DYMM Sultan ini terdapat Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dan EPAINS 2003. Perkara XLVIII (48) Undang-

Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 menyatakan bahawa DYMM Sultan hendaklah menjadi Ketua Agama Negeri dan boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama Islam dan menubuhkan MAIS untuk membantu dan menasihati DYMM Sultan dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

Menurut sejarah awal penubuhannya, fungsi MAIS adalah untuk menasihati DYMM Sultan sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952). Pada tahun 2003, fungsi MAIS tersebut telah dimansuhkan dan digantikan dengan Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagaimana berikut:

*'Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.'*

#### **4.4.2 Fungsi MAIS ialah menasihati DYMM Sultan Selangor dan juga pihak berkuasa utama selepas DYMM Sultan**

Memang tidak dinafikan fungsi utama MAIS ialah menasihati DYMM Sultan Selangor, kecuali dalam perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan. Dalam hal ini perkara hukum syarak adalah tertakluk kepada Jabatan Mufti Negeri Selangor dan pentadbiran keadilan adalah di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Ini boleh dilihat sekali lagi menerusi peruntukan EPAINS 2003 bawah:

*'Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.'*

(Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003).

Secara dasarnya, DYMM Sultan Selangor menjadi pihak berkuasa utama dan MAIS juga pula bertanggungjawab 'membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor dan sekaligus menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini'.

Secara ringkasnya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 turut memperuntukkan fungsi Majlis Agama Islam Selangor untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam, tanggungjawab dan kuasa-kuasa Majlis dalam mentadbir hal ehwal agama Islam di dalam Negeri.

Dalam melaksanakan dasar-dasar dan kuasa-kuasa Majlis, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) iaitu agensi di bawah kerajaan Negeri Selangor telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu melaksanakan dasar-dasar dan kuasa-kuasa MAIS.

Maka dapatlah disimpulkan di sini bahawa MAIS juga mempunyai kuasa eksekutif selepas DYMM Sultan dan MMKN, dalam menjalankan pentadbiran, operasi dan berperanan penting dalam membuat dasar-dasar MAIS. Ini bagi membantu MAIS dalam peranan MAIS menasihati DYMM Sultan Selangor.

Beberapa persoalan timbul di sini adakah terdapat pengagihan atau pengasingan kuasa di antara MAIS, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) dan Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS). Walaupun pada awalnya terdapat isu keperluan pengasingan kuasa atau pengagihan kuasa, namun kepentingan juga perbezaan kedua-dua doktrin ini perlu diperjelaskan seperti di bawah.

### **Doktrin pengasingan kuasa**

Doktrin pengasingan kuasa merupakan sebuah konsep yang diwujudkan untuk untuk mengelakkan sebarang pertindihan kuasa dalam menjalankan sesuatu tugas dan amanah. Konsep ini boleh dikuatkuasakan oleh seseorang individu ataupun melalui badan institusi dalam menjalankan fungsi khusus mereka mengikut kepada kapasiti dan latar belakang institusi tersebut.

Sebagai contoh di Malaysia, doktrin pengasingan kuasa yang jelas telah diamalkan dalam sistem pentadbiran Malaysia. Terdapat tiga badan utama yang mengawal perjalanan urusan negara iaitu badan eksekutif, kehakiman dan perundangan yang mana kesemua badan ini beroperasi secara sendiri tanpa sebarang percampuran kuasa (Bharudin Che Pa, 2014, p. 29).

Konklusinya dengan kewujudan 3 badan utama ini, perjalanan urusan negara menjadi lebih mudah dan tidak ada percampuran kuasa di antara satu sama lain kerana bidang tugas yang ada telah diperuntukkan secara jelas dalam perundangan.

### **Doktrin pengasingan kuasa dalam Islam**

Sistem pengasingan kuasa yang diamalkan di Malaysia merupakan konsep yang sama digariskan dalam sistem politik Islam dan dikenali sebagai *al-Sultah al-Tasyri'iyah* (kuasa

perundangan), *al-Sultah al-Tanfidhiyyah* (kuasa pemerintahan) dan *al-Sultah al-Qada'iyah* (kuasa kehakiman) (Bharudin Che Pa, 2014, p. 29).

Tujuannya untuk memastikan bahawa manusia dapat mengikut suruhan Allah dalam kehidupan seharian. Ketua Negara merupakan ahli yang mengetuai badan ini dan dibantu oleh Jemaah Menteri yang lain dalam memastikan setiap dasar dipatuhi. Dari sudut pentadbiran, tidak dinyatakan di dalam al-Quran bagaimana bentuk pentadbiran yang perlu dijalankan, oleh itu, Islam tidak melarang apa jua bentuk pentadbiran yang ada asalkan ia sesuai dan dapat menjamin kesejahteraan ummah.

### **Doktrin pengagihan kuasa**

Konsep pengagihan kuasa atau lebih mudah delegasi kuasa merupakan sebahagian daripada konsep desentralisasi kuasa tetapi ada sedikit perbezaan yang perlu difahami, Perbezaan utamanya ialah desentralisasi kuasa berfokus kepada penyerahan kuasa pembuatan keputusan yang melibatkan semua pihak kepada hierarki bawahan, manakala delegasi kuasa adalah penyerahan kuasa individu teratas dalam hierarki berkenaan kepada individu yang lain yang berada di bawah hierarki yang sama (Azmi Awang, 2015, p. 243).

Menurut Lawson, delegasi kuasa ialah (Azmi Awang, 2015, p. 244):

*Delegation is the assignment of responsibility or authority to another person (normally from a manager to a subordinate) to carry out specific activities. It is one of the core concepts of management leadership. However, the person who delegated the work remains accountable for the outcome of the delegated work. Delegation empowers a subordinate to make decisions, i.e. it is a shift of decision-making authority from one organizational level to a lower one. Delegation, if properly done, is not abdication. The opposite of effective*

*delegation is micromanagement, where a manager provides too much input, direction, and review of delegated work.*

Petikan ini menunjukkan bagaimana penyerahan tanggungjawab itu oleh pengurus atasan kepada orang bawahannya dalam membuat keputusan ke atas tugas dan kuasa yang telah diberikan bagi mengurangkan beban tugas yang dimiliki oleh pengurus berkenaan.

Namun, konsep ini boleh menyebabkan berlakunya salah guna kuasa dan rasuah. Hal ini boleh terjadi kerana kuasa meluluskan dan membuat keputusan yang telah diturunkan kepada individu tertentu di dalam sesebuah organisasi boleh menyebabkan berlakunya salah guna kuasa. Selain itu, delegasi kuasa juga boleh menyebabkan berlakunya karenah birokrasi di dalam pelaksanaan tugas dan peranan organisasi (Azmi Awang, 2015, p. 245).

Akhirnya, delegasi kuasa boleh menyebabkan wujudnya ketidakseragaman keputusan di pihak yang diwakilkan. Ini kerana penurunan kuasa kepada pegawai di peringkat jabatan yang lebih kecil boleh menyebabkan keputusan yang diambil adalah mengikut budi bicara individu yang diwakilkan. Hal ini semakin menjadi kekangan terhadap keberkesanan delegasi kuasa apabila jabatan yang diwakilkan itu terletak di kawasan yang sukar dijangkau oleh individu atasan yang lain dan jauh dari ibu pejabat menyebabkan pemantauan dari pihak atasan sukar dilakukan. Ketidakseragaman ini boleh menimbulkan kekeliruan terdapat pihak yang terlibat seterusnya memperlihatkan kelemahan dalam sistem pentadbiran (ibid).

### **Doktrin pengagihan kuasa menurut Islam**

Di kota Madinah, tidak ada seorang pun yang menduduki kedudukan yang lebih tinggi selain Nabi Muhammad (SAW), dari segi politik dan kerohanian. Dalam kes Nabi Muhammad (SAW) kita mengandaikan bahawa kuasa baginda merangkumi semua jenis kuasa. Sebagai utusan Allah SWT sebagai pemerintah negara Islam pertama, baginda tidak menyimpan semua kuasa



untuk dirinya sendiri malah baginda mewakilkan mengikut keperluan. Perlu ditegaskan bahawa delegasi Nabi Muhammad (SAW) adalah berdasarkan kebijaksanaan baginda, dan bukan semata-mata kerana ketidakcekapan baginda dalam sesuatu perkara.

Ketika peristiwa perang Ahzāb contohnya, selepas berakhirnya pengepungan oleh pasukan gabungan, baginda telah diperintahkan oleh Allah SWT untuk pergi kepada kaum Bani Qurayza, menuntut balasan atas perbuatan khianat mereka semasa pengepungan. Sebilangan orang termasuk beberapa orang sahabatnya di kalangan Anṣār merayu kepadanya untuk memberi rahmat kepada orang Bani Qurayza. Dia kemudian bertanya kepada mereka adakah mereka akan berpuas hati jika dia mewakilkan kuasa memutuskan nasib orang Bani Qurayza kepada seseorang di antara mereka.

Apabila mereka menjawab ya, Nabi Muhammad s.a.w melantik salah seorang pemimpin Anṣār yang paling terkemuka, Sa'ad Bin Mu'ādh (R.A) untuk menjadi hakim. Sa'ad bin Mu'ādh (R.A) yang memerintah bahawa orang Bani Quraiza harus dinilai berdasarkan hukum kitab mereka sendiri, Taurat. Berdasarkan undang-undang Yahudi seperti yang ditetapkan dalam Taurat lelaki dibunuh, wanita dan kanak-kanak diambil sebagai tawanan perang, dan harta benda mereka dirampas. Keputusan ini telah diterima oleh majoriti kaum tersebut. Di dalam hadis diriwayatkan oleh Abu Said Al-Khudri, baginda nabi mengatakan *"Engkau telah memberi penghakiman yang serupa dengan Penghakiman Allah (atau penghakiman Raja).*

Hadith di atas ini, menunjukkan bahawa tidak semua keputusan dikeluarkan oleh baginda, malah baginda sendiri mewakilkan kuasa tersebut kepada pemerintah yang lain untuk memberi ruang kepada mereka menjalankan tugas sebagai khalifah di muka bumi.

Namun begitu satu interpretasi lain mungkin bukan ke arah persoalan pengasingan kuasa atau pengagihan kuasa, tetapi lebih ke arah punca kuasa yang didapati. Punca kuasa itu penting

kerana ianya menentukan halatuju samada berlaku pengasingan kuasa atau pengagihan kuasa dalam undang-undang terkait pentadbiran MAIS.

#### **4.4.3 Isu pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan dan urus tadbir yang perlu diperkemas dalam hubungan antara MAIS, JAKESS dan JMNS.**

Dalam menjalankan fungsi menasihati DYMM Sultan juga pentadbiran operasi MAIS, terdapat pelbagai isu yang ditimbulkan samada pihak dalam dan luaran MAIS yang terkait urus tadbir yang baik. Secara dasarnya ini adalah isu-isu yang biasa dibangkitkan dan implikasi jika pengurusan pentadbiran tidak berjalan di landasan yang betul. Antaranya ialah isu korupsi, pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan. Ditambah lagi dengan peranan MAIS yang penting sebagai pihak berkuasa utama selepas DYMM Sultan dalam berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor. Namun sebelum itu, maksud pemusatan kuasa konflik berkepentingan-huraian perlu dihuraikan.

#### **Isu pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan**

Isu pemusatan kuasa atau lebih mudah dikenali sebagai konsep sentralisasi iaitu situasi di mana segala keputusan dan perancangan dasar datang dari satu sumber sahaja yang berkuasa untuk menguruskan. Walaupun kepimpinan tersebut bersedia menerima apa jua cadangan yang diutarakan namun ianya tidak lebih dari sekadar pandangan kerana pemusatan kuasa kekal tidak berubah dan masih dijalankan oleh satu pihak sahaja (Ahmad, 2021). Ini akan merencatkan kelicinan pentadbiran apabila lambakan isu berlaku dan keefisienan membuat keputusan segera dan tepat terganggu.

Contohnya, di dalam sektor pendidikan terdapat pelbagai pandangan bahawa konsep desentralisasi kuasa perlu dijalankan dalam bidang pendidikan untuk memastikan sebuah sistem pengurusan yang dinamik dalam meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan untuk rakyat.

Isu keputusan yang tidak konsisten tentang pembukaan sekolah dari Kementerian Pengajian Malaysia semasa wabak Covid-19 melanda negara, ia memberi pelbagai kesukaran kepada ibu bapa dari sudut persiapan anak-anak. Rombakan silibus pembelajaran yang tidak terancang juga menyukarkan para guru untuk sesi pengajaran.

Selain itu, isu konflik berkepentingan juga turut menghangatkan negara apabila percampuran kuasa telah mula berlaku dan integriti masyarakat kian terhakis dan mudah dipengaruhi. Isu ini semestinya mempengaruhi konsep perwakilan kuasa dan pengagihan kuasa yang ada apabila tadbir urus negara ataupun di mana-mana peringkat mula dicampur adukkan dengan elemen yang tidak baik contohnya isu rasuah yang semakin mendapat tempat dalam masyarakat. Oleh sebab itu, bekas Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap pada Bicara Khas bertajuk Ilmuwan Islam dan Visi Nahdah Asia Tenggara sempena Multaqa Ulama Asia Tenggara 2019 menyatakan bahawa institusi agama perlu untuk menjalankan fungsi yang diamanahkan dalam membanteras isu rasuah (Annuar, 2019).

Begitu juga konflik berkepentingan yang berlaku disebabkan pengaruh politik yang mana mampu membunuh fungsi institusi dalam menjalankan tugasnya. Oleh kerana itu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengingatkan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) supaya tidak terlibat dalam agenda politik mana-mana parti dan hanya fokus kepada memartabatkan agama Islam di negeri Selangor (Rahman, 2014).

Ini kerana, ada ahli politik yang cuba mengambil kesempatan mempergunakan isu berkaitan Islam dan mempertikaikan bidang kuasa institusi agama seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Fungsi institusi agama perlu dipelihara dalam membuat keputusan dan dasar daripada sebarang pengaruh luar dan kecenderungan individu kerana ini mampu menjejaskan kredibiliti MAIS untuk mengangkat kedaulatan Islam.

Rumusannya, dapat kita lihat bagaimana konsep pengagihan, pengasingan dan perwakilan kuasa ini penting dalam menjalankan fungsi pentadbiran yang efisien dan juga proses semak dan imbang.

Dalam mengendalikan isu pemusatan kuasa dan mengelakkan isu konflik berkepentingan, maka ada beberapa perkara yang timbul dalam menguruskan hubungan antara MAIS, JAKESS dan JMNS. Hal ini diuraikan seperti di bawah:

### **Isu-isu hubungan MAIS, JAKESS dan JMNS**

#### **1. Pemusatan kuasa pada MAIS**

Seksyen 27 EPAINS 2003 menyatakan Majlis boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantunya dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan kuasa-kuasanya. Seksyen 43. pula menyatakan Majlis boleh menentukan tatacaranya sendiri yang berbunyi:

*Tertakluk kepada peruntukan lain Enakmen ini, Majlis boleh menentukan semua persoalan berhubung dengan tatacara dan amalannya sendiri.*

Menurut temuramah yang dijalankan bersama MAIS, segala urusan-urusan seperti perlantikan dan penamatan, juga tuntutan elaun, jawatankuasa di bawah MAIS, JMNS dan JAKESS tertakluk kepada MAIS. Secara dasarnya hal-hal tersebut diuruskan oleh Bahagian Kesetiausahaan MAIS dengan kekuatan 5 kakitangan dari seluruh jabatan di bawah MAIS. Hal ini menimbulkan isu pemusatan kuasa dalam pelbagai jawatankuasa kepada MAIS.

Isu pemusatan kuasa sebagai contoh hal-hal jawatankuasa ini dilihat bertentangan dengan konsep pengagihan dan pengasingan kuasa. Menurut hasil temuramah dikatakan

jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik samada di bawah MAIS, JAKESS dan JMNS adalah dilantik oleh jabatan-jabatan yang berkenaan. Namun dari segi surat lantikannya kelak akan dikembalikan kepada MAIS atau DYMM Sultan Selangor, yang mana MAIS atau DYMM Sultan sendiri akan mengeluarkan surat lantikan. Ini terkadang menimbulkan isu pertindanan surat lantikan samada dari MAIS atau DYMM Sultan Selangor. Oleh itu hal sebegini boleh dielakkan dengan adanya urus tadbir yang baik juga jelas, amalan atau carta alir atau amalan operasi yang standard (SOP) antara keduanya.

Menurut amalan pentadbiran yang telah berjalan sekian lama, pemilihan ahli jawatankuasa MAIS, JAKESS dan JMNS, adalah menurut syor jabatan masing-masing yang kemudiannya diberikan kepada pihak MAIS. Namun kebiasaannya pihak MAIS menerima sahaja syor dari jabatan-jabatan tersebut.

Adalah dikhuatiri pada masa akan datang, apabila urusan berkaitan jawatankuasa tertumpu pada MAIS sahaja maka akan timbul isu pemusatan kuasa mahupun akan memberi kuasa yang berlebihan pada MAIS. Ini boleh menimbulkan isu fitnah dan tohmahan. Sebagai contoh MAIS sendiri boleh mengamalkan diskriminasi dalam menentukan pemilihan jawatankuasa MAIS, JMNS dan JAKESS menurut pilihan sendiri. Ini juga boleh menyebabkan pada masa akan JMNS dan JAKESS kehilangan suara dan kuasa dalam memilih jawatankuasa.

### **Jawatankuasa di bawah JAKESS**

Manakala dalam perihal Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah diperuntukkan dalam Seksyen 77 EPAINS 2003 dengan berbunyi seperti berikut:

(1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah bagi membuat kaedah-kaedah tentang tatacara Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah.

Menurut bacaan kajian didapati seksyen 77 bermula dengan perkataan “Maka hendaklah...”. Walaupun secara jelas seksyen 77 ini menunjukkan keperluan untuk melantik Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah, namun menurut kajian seksyen 77 ini tidak menyebut secara jelas siapakah yang berhak atau bertanggungjawab untuk melantik Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah tersebut. Oleh kerana seksyen 26 EPAINS 2003 mengecualikan MAIS dalam hal hukum syarak dan pentadbiran keadilan, tetapi kepada JMNS dan JAKESS, maka seharusnya kuasa melantik jawatankuasa tersebut sepatutnya diberikan kepada JAKESS yang mempunyai kepakaran dan lebih arif dalam hal pentadbiran keadilan dan kehakiman tersebut.

### **Jawatankuasa di bawah Jabatan Mufti Selangor**

Dalam perkara berkaitan Hukum Syarak, menurut seksyen 44 EPAINS 2003, DYMM Sultan berkuasa melantik Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Selangor bagi menasihati DYMM Sultan berkaitan dengan semua perkara Hukum Syarak.

Selaras dengan Seksyen 46 EPAINS 2003, MAIS mempunyai kuasa dalam melantik anggota Jawatankuasa Fatwa (Dewan Negeri Selangor, 2015). Namun menurut kajian dokumen, didapati ayat seksyen 46 EPAINS 2003 berbunyi seperti berikut:

Seksyen 46. Jawatankuasa Fatwa.

- (1) Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa.
- (2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada—
  - (a) Mufti, sebagai Pengerusi;
  - (b) Timbalan Mufti;
  - (c) Penasihat Undang-Undang Negeri;
  - (d) dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis;
  - (e) seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam Hukum Syarak yang akan dilantik oleh Majlis;
  - (f) tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang layak dan sesuai, yang dilantik oleh Majlis; dan
  - (g) seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis, sebagai Setiausaha.
- (3) Jawatankuasa Fatwa boleh, tertakluk kepada Enakmen ini, memutuskan segala persoalan berhubungan dengan tatacara dan amalannya.”

Menurut bacaan kajian didapati seksyen 46 bermula dengan perkataan “Maka hendaklah...”. Walaupun secara jelas seksyen 46 ini menunjukkan keperluan untuk melantik Jawatankuasa Fatwa, namun menurut kajian seksyen 46 ini tidak menyebut secara jelas siapakah yang berhak atau bertanggungjawab untuk melantik Jawatankuasa Fatwa tersebut. Tajuk panjang & Mukadimah EPAINS 2003 menyatakan:

*Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan baru tentang pentadbiran Agama Islam; penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah, penubuhan dan fungsi Majlis Agama Islam Selangor, dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.*

Walaupun secara dasarnya MAIS bertindak sebagai menguruskan pentadbiran keseluruhan MAIS, namun dalam isu perlantikan Jawatankuasa Fatwa sebagai contoh terdapat lakuna dalam EPAINS 2003 yang menentukan jabatan yang seharusnya melantik jawatankuasa itu. Manakala

seksyen 46 bagi perlantikan (d) (e) (f) (g) pula lantikannya adalah dari Majlis dinyatakan secara jelas.

Seksyen 27 EPAINS 2003 juga menyatakan Majlis boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantunya dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan kuasa-kuasanya. Menurut penggunaan kata “boleh” di sini menggambarkan bahawa MAIS tidak berkewajipan untuk melantik jawatankuasa, tetapi diberi kuasa untuk melantik. Ini juga tidak menghalang jabatan-jabatan lain seperti JMNS dan JAKESS untuk melantik jawatankuasa mereka sendiri mengikut amalan dan tatacara mereka sendiri. Apatah lagi menurut seksyen 6 EPAINS 2003 di atas yang memperuntukkan bidangkuasa MAIS “...kecuali perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan”. Maka di sini dilihat JAKESS dan JMNS mempunyai bidangkuasa, amalan dan tatacara sendiri dalam hal syarak dan pentadbiran keadilan tersebut.

Jawatankuasa Fatwa pula atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, yang mempunyai kuasa untuk menyediakan fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi berhubungan dengan Hukum Syarak seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 47 EPAINS 2003.

Namun menurut seksyen 43 EPAINS 2003 menyebut tertakluk kepada peruntukan lain Enakmen ini, Majlis boleh menentukan semua persoalan berhubungan dengan tatacara dan amalannya sendiri.

### **Kehakiman Islam dan pentadbiran keadilan**

Seksyen 55 EPAINS 2003 dalam Penubuhan Mahkamah Syariah, memperihalkan yang berikut:

*(1) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh melalui pemberitahuan*



*dalam Warta menubuhkan Mahkamah- Mahkamah Rendah Syariah bagi Negeri Selangor di tempat-tempat yang difikirkannya patut.*

*(2) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta menubuhkan suatu Mahkamah Tinggi Syariah bagi Negeri Selangor.*

*(3) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta menubuhkan suatu Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri Selangor.*

*(4) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Ketua Hakim Syarie, boleh menetapkan secara bertulis suatu kod etika yang mesti dipatuhi oleh semua Hakim Syarie dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.*

Dapat dilihat di sini dalam perkara berkaitan pelaksanaan fungsi-fungsi kehakiman Islam dan pentadbiran keadilan, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berperanan untuk menasihati DYMM Sultan dalam menubuhkan Mahkamah-mahkamah Syariah. Selain itu MAIS menasihati DYMM Sultan dalam pelantikan Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di bawah Seksyen 56, 57 dan 58 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Segala perkara berhubung penubuhan Mahkamah dan pelantikan Hakim- Hakim Mahkamah Syariah perlu dibuat melalui MAIS (Dewan Negeri Selangor, 2015).

Oleh kerana penubuhan mahkamah-mahkamah rayuan dan pelantikan hakim-hakim mahkamah syariah, adalah perkara-perkara penting berkaitan masalah orang Islam di Selangor yang berada di bawah kekuasaan DYMM Sultan Selangor, MAIS berperanan besar sebagai badan penasihat terhadap DYMM Sultan, untuk perkara-perkara tersebut.

Seksyen 77 EPAINS 2003 dalam Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah memperuntukkan:

*1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah bagi membuat kaedah-kaedah tentang tatacara Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah.*

*(2) Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah hendaklah terdiri daripada—*

*(a) Ketua Hakim Syarie, sebagai pengerusi;*

*(b) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya; dan*

*(c) orang-orang yang berikut yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie:*

*(i) seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah;*

*(ii) seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah;*

*(iii) seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah;*

*(iv) seorang Peguam Syarie; dan*

*(v) seorang pegawai undang-undang yang berkhidmat dengan Biro Bantuan Guaman yang ditubuhkan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26].*

*(3) Pendaftar hendaklah menjadi setiausaha kepada Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah dan hendaklah bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan-keputusan jawatankuasa itu.*

*(4) Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah boleh menentukan tatacaranya sendiri.*

*(5) Semua kaedah yang dibuat oleh Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah hendaklah disiarkan dalam Warta.*

Namun dalam isu pelantikan hakim dan pendakwa *syarie* ada dipersoalkan bahawa kerana terdapat peruntukan bidang kuasa yang jelas dalam EPAINS tersebut untuk pelantikan jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah maka seharusnya JAKESS berkuasa sepenuhnya atas perkara tersebut bergantung juga kepada perkenan DYMM Sultan.

## **2. Konflik berkepentingan**

Pada dasarnya isu pemusatan kuasa ini bertujuan untuk mengekang konflik berkepentingan pada mana-mana pihak. Ini boleh dilakukan dengan memberi definisi yang jelas tentang bidang kuasa, cara dan amalan urus tadbir, dalam melaksanakan fungsi dan tugas jabatan masing-masing. Ini boleh dilakukan dengan cara peruntukan yang jelas dalam enakmen pentadbiran, peraturan jawatankuasa ataupun manual amalan pentadbiran.

Konflik berkepentingan ini pada sekali pandang mungkin pada ketika ini tidak dipandang serius. Tetapi hakikatnya pada masa akan datang jika berlaku perubahan politik, dan sebagainya maka dikhuatiri beberapa isu jawatankuasa, akan menjadi platform pihak-pihak tertentu untuk menyalurkan kepentingan masing-masing. Walaupun jawatankuasa bukanlah dilihat berkuasa dalam menggubal dasar dan polisi MAIS, namun dilihat sebahagian jawatankuasa dilihat berpotensi untuk mempengaruhi hala tuju dan masa depan MAIS.

Oleh itu disarankan agar jabatan-jabatan tersebut mempunyai kuasa yang penuh menurut peruntukan undang-undang pentadbiran dan peraturan yang sedia ada. Ditambah lagi jabatan-jabatan tersebut telah mempunyai bidang kuasa yang jelas menurut peruntukan enakmen pentadbiran, menurut kepakaran dan bidang tujahan masing-masing, selayaknya urusan jawatankuasa diserahkan sepenuhnya kepada mereka.

Sebagai contoh urusan pelantikan dan penamatan jawatankuasa perlu diubah dari setakat memberi syor dan nama kepada MAIS, kepada membuat lantikan jawatankuasa secara terus kepada mereka. Ini mengurangkan birokrasi yang tidak perlu, mengurangkan masa menunggu pelantikan dan pertindanan bidang tugas antara MAIS, JAKESS dan JMNS.

Selain itu isu pembayaran elaun jawatankuasa juga seharusnya dibayar oleh jabatan yang asalnya melantik jawatankuasa tersebut. Sebagai contoh Jawatankuasa Fatwa Dan Falak

seharusnya dibayar elannya oleh JMNS, begitulah sepatutnya bagi Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah, Jawatankuasa Hakam, Jawatankuasa Peguam *Syarie* seharusnya oleh JAKESS.

Menurut kajian secara dokumen tentang Peraturan-peraturan Jawatankuasa Majlis Agama Islam Selangor 2011, tajuk peraturan itu sendiri telah mengklasifikasikan peraturan itu untuk MAIS sahaja. Namun mungkin kerana menurut amalan selama ini surat pelantikan segala jawatankuasa adalah datang dari MAIS, maka dikatakan Peraturan-peraturan Jawatankuasa Majlis Agama Islam Selangor 2011, ini juga terpakai bagi segala jawatankuasa di bawah JAKESS dan JMNS. Persoalannya adakah amalan ini dijalankan menurut luns undang-undang?

Menurut kajian dokumen juga Peraturan 5 berkenaan keanggotaan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Jawatankuasa Majlis Agama Islam Selangor 2011 menyebut ahli jawatankuasa hendaklah terdiri daripada ahli MAIS. Persoalannya ialah apabila setiap jawatankuasa dianggotai antaranya oleh ahli MAIS, membuatkan Peraturan Jawatankuasa ini juga terpakai pada jawatankuasa selain MAIS i.e JMNS dan JAKESS? Atau seharusnya JMNS dan JAKESS mempunyai peraturan tersendiri berkenaan jawatankuasa mereka?

Seperkara lagi melalui temuramah juga kajian dokumen Peraturan-peraturan Jawatankuasa Majlis Agama Islam Selangor 2011, yang akan memanggil mesyuarat ialah Setiausaha. Bagi mesyuarat MAIS, maka setiausaha MAISlah yang akan memanggil mesyuarat. Namun bagi mesyuarat jawatankuasa diberitaskan setiausaha jawatankuasa tersebut yang berkuasa memanggil mesyuarat jawatankuasa. Ini menimbulkan persoalan, untuk jawatankuasa selain di bawah MAIS, mengapakah hal-hal tertentu dan terpilih sahaja tertakluk di bawah bidang kerja MAIS seperti perlantikan dan penamatan dan pembayaran elan? Manakala isu panggilan mesyuarat dan sebagainya tertakluk kepada setiausaha jawatankuasa tersebut?

Hal ketidakseragaman begini dipertikaikan kerana permasalahan berikut:

- i) Amalan tersebut dilihat bertentangan dengan peruntukan EPAINS 2003 dari segi bidang kuasa menurut peruntukan undang-undang
- ii) Amalan tersebut dilihat bertentangan dengan prinsip akauntabiliti. Ini adalah kerana apabila jawatankuasa tersebut dilantik dan diberi syornya oleh jabatan tersebut, maka seharusnya jabatan tersebut yang bertanggungjawab pada urusan pelantikan dan pembayaran elaun mereka

### **Ulasan**

Oleh itu disarankan jika sah menurut peruntukan EPAINS 2003 itu merupakan bidang kuasa MAIS untuk melantik jawatankuasa-jawatankuasa yang terdapat dalam EPAINS 2003, maka satu tatacara perwakilan kuasa perlu dilakukan bagi menurunkan kuasa dari MAIS untuk menguruskan tatacara berkaitan jawatankuasa seperti pelantikan dan penamatan, mesyuarat dan kekerapan mesyuarat, pembayaran elaun dan perkara berkaitan dengannya. Perwakilan kuasa ini bukanlah asing menurut Islam seperti huraian di bawah.

### **Doktrin perwakilan kuasa**

Berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah Hud ayat 61,

*'Dialah Tuhan yang menjadikan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya...'*

Ayat ini menerangkan tentang hubungan manusia dan Tuhan berasakan perjanjian atau kesanggupan azali untuk mengabdikan diri kepada Allah selain mengakui ketuhanan Allah SWT. Oleh itu, manusia telah dilantik oleh Allah SWT untuk menjadi *'khalifah fi ar-dhi'* atau wakil Allah untuk memikul tanggungjawab yang fitrah selaku pemimpin, penguasa, pemakmur juga pengatur kepada seluruh umat manusia. Rumusan mudah, setiap manusia itu pasti ada amanah yang perlu dipikul. Autoriti yang terbentuk daripada amanah ini wajib dijalankan

sebaiknya tidak kira di peringkat mana pun asalkan ia masih di ruang lingkup kuasa yang diberikan.

Mengikut takrifan Grindle, konsep perwakilan kuasa atau desentralisasi kuasa ialah pemindahan kuasa pentadbiran, perundangan dan kewangan secara berperingkat dari kerajaan pusat kepada kerajaan negeri, namun bidang kuasa kerajaan pusat masih tidak terjejas dalam mengendalikan hal ehwal negara (Azmi Awang, 2015, p. 241).

Manakala menurut Antwi-Boasiako & Csanyi (Azmi Awang, 2015, p. 241) menyatakan bahawa konsep desentralisasi ini merupakan konsep yang membenarkan setiap lapisan masyarakat menikmati sistem pentadbiran yang ada melalui pemindahan kuasa dari kerajaan pusat kepada pihak berkuasa tempatan.

Jika dilihat, konsep ini menggambarkan bagaimana perwakilan kuasa atau autoriti itu dipindahkan dari peringkat atasan kepada peringkat yang lebih rendah untuk menggubal undang-undang kecil mahupun peraturan yang baru di peringkat pentadbirannya sendiri. Namun, sebarang percanggahan dengan peruntukan peringkat atasan adalah tidak dibenarkan.

Sebagai contoh, walaupun institusi Majlis Agama Islam di Malaysia diberi kuasa untuk menggubal peraturannya sendiri, namun ia perlulah berlandaskan kepada salah satu sumber utama negara iaitu Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang tertinggi negara. Sebarang percanggahan akan mengakibatkan undang-undang tersebut batal sepertimana yang digariskan di bawah Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, 4 ciri desentralisasi yang dapat disimpulkan (Azmi Awang, 2015, p. 242). Pertama, wujudnya hierarki lain yang terpisah daripada hierarki yang utama di sesebuah organisasi. Kedua, adanya penyerahan tugas kepada hierarki bawahan. Ketiga, pihak bawahan mempunyai mandat atau autoriti untuk menjalankan fungsi yang diamanahkan kerana mereka lebih

memahami aspirasi dan kehendak masyarakat tempatan. Keempat, penyerahan kuasa ini dilihat lebih berkesan dalam menjaga kemakmuran masyarakat. Ini kerana, jika semua kuasa dan tugas diletakkan di bahagian hierarki tertinggi, maka ini akan membebankan pihak tersebut untuk memberikan semua keputusan dalam setiap isu dengan segera kepada pihak bawahan. Lambakan isu dan tanggungjawab pasti mengganggu efisiensi badan tersebut untuk beroperasi.

Namun, terdapat kelebihan dan kelemahan dalam konsep ini apabila dianalisis semula walaupun dilihat konsep ini mampu meringankan beban pentadbiran di peringkat atasan untuk mereka lebih berfokus kepada strategi organisasi dan bukan pelaksanaan perkara-perkara yang kecil yang boleh diuruskan oleh peringkat bawahan dengan segera dan efisien. Isu kecelaruan tugas juga mustahil berlaku kerana diperuntukkan dengan jelas di dalam perundangan yang ada sebagai panduan seperti bidang kuasa setiap kementerian.

Akan tetapi, kelemahan konsep ini akan mengurangkan interaksi antara dua hierarki ini kerana lebih mementingkan hierarki berbanding organisasi.

### **Doktrin perwakilan kuasa dalam Islam**

Konsep perwakilan kuasa ini sebenarnya telah wujud sejak penubuhan kerajaan Islam melalui tindakan baginda nabi Muhammad s.a.w memilih gabenor-gabenor bagi mentadbir wilayah-wilayah Islam. Baginda juga menghantar guru al-Quran dan dua belas orang *naqib* ke Yathrib.

Selain itu, ketika zaman Saidina Abu Bakar juga beliau telah melantik beberapa orang pegawai bagi melicinkan proses pentadbiran negara Islam untuk membantu beliau dalam mengendalikan hal ehwal negara. Konsep ini seterusnya diteruskan oleh pemimpin yang lain dalam usahanya mengamalkan dasar perwakilan autoriti kepada pegawai tempatan.

Rasulullah s.a.w juga pernah mewakilkan kuasa baginda kepada dua gabenornya iaitu Muaz bin Jabal ke kawasan tanah tinggi dan Abu Musa al-Asy`ari pula ke kawasan tanah rendah bagi

membuat keputusan di daerah tersebut dan menguruskan hal ehwal pentadbiran berasaskan Quran dan as-Sunnah.

Rumusannya, konsep perwakilan kuasa ini dibenarkan cumanya sumber perundangan dan panduan Islam perlu dijadikan asas dalam menjalankan tugas.

#### **4.4.4 Perbandingan Enakmen dan undang-undang yang sedia juga selaras dengan urus tadbir terbaik juga amalan Majlis Agama Islam Negeri yang lain.**

Secara dasarnya setiap fungsi MAIN adalah berdasarkan punca kuasa undang-undang Tubuh Negeri juga Enakmen Pentadbiran Agama Islam yang seakan-akan sama, seperti yang telah dibincangkan pada Bab 2 Sorotan Literatur sebelum ini, bergantung kepada negeri. Namun dilihat setelah temuramah terdapat perbezaan dari segi struktur organisasi dan operasi, dalam hal ehwal pentadbiran pengurusan. Ini juga menimbulkan persoalan adakah tata cara kelola begini:samada sah di sisi undang-undang, atau terdapat lakuna yang perlu diperincikan bagi mengelakkan kekeliruan pentadbiran atau pertikaian undang-undang pada masa akan datang.Ini adalah terutamanya bagi memfokuskan isu pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan.

Dari hasil perbincangan terdapat pelbagai isu yang dibangkitkan pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan.Namun dalam mencapai objektif-objektif kajian hanya beberapa perkara berikut dibangkitkan.Oleh itu dari segi urus tadbir dan amalan ketiga-tiga negeri ini beberapa isu ditimbulkan:



#### **4.5 PERBANDINGAN URUS TADBIR TERBAIK JUGA AMALAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI**

**Isu pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan.**

##### **1. Pengurusan jawatankuasa di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)**

Hasil dari temuramah ini dapatlah disimpulkan bahawa terdapat perbezaan dari segi urus tadbir dan amalan ketiga-tiga Majlis Agama Islam Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan, walaupun secara kasar undang-undang Tubuh Negeri juga Enakmen Pentadbiran Agama Islam yang seakan-akan sama. Secara asasnya oleh kerana cara urus tadbir dan amalan yang terzahir melalui carta organisasi yang berbeza telah memungkinkan hal tersebut dilaksanakan secara yang lain dari amalan di Majlis Agama Islam Negeri Selangor.

##### **Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)**

Dalam satu temuramah yang dijalankan bersama pihak MAIS terdapat isu yang bidang kuasa dan pengurusan yang timbulkan berkenaan lantikan jawatankuasa di bawah MAIS, JAKESS dan JMNS. Antara isu-isu ialah pelantikan anggota jawatankuasa, penamatan anggota jawatankuasa, tuntutan elaun mesyuarat, pengurusan mesyuarat jawatankuasa, jenis mesyuarat dan lain-lain perkara berkaitan.

Secara dasarnya dapat dirumuskan bahawa permasalahan tertumpu pada permasalahan berikut:

i) pelantikan anggota jawatankuasa

Anggota jawatankuasa MAIS, JAKESS dan JMNS dilantik oleh MAIS. Ini dilihat bertentangan dengan peruntukan Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menjelaskan sebagaimana berikut:

*“Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.”*

Daripada peruntukan seksyen 6 EPAINS 2003 tersebut, dilihat JAKESS dan JMNS mempunyai bidangkuasa yang tersendiri dalam hukum Syarak dan pentadbiran keadilan.

ii) tuntutan elaun mesyuarat untuk jawatankuasa di bawah MAIS, JAKESS dan JMNS adalah kepada MAIS sendiri dan bukannya kepada jabatan masing-masing yang memberi syor lantikan mereka.

Manakala bagi isu panggilan mesyuarat untuk ketiga-tiga jabatan yang melantik jawatankuasa adalah tertakluk pada Setiausaha MAIS, jika jawatankuasanya adalah di bawah MAIS. Manakala bagi jawatankuasa yang di bawah JAKESS dan JNMS maka setiausaha jawatankuasa jabatan masing-masing yang akan memanggil mesyuarat.

Untuk urusan penggajian bulanan pula, MAIS dibayar gaji bulanan oleh MAIS sendiri bersumberkan baitul mal. Gaji JMNS dan JAKESS dibayar oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Namun bagi urusan elaun jawatankuasa MAIS, JAKESS dan JMNS pula kesemuanya dibayar oleh pihak MAIS.

Bertentangan dengan doktrin pengagihan kuasa di atas, maka dilihat hal ini mengelirukan dari segi tadbir urus dan amalan yang biasa.

Bagi tujuan memudahkan perbincangan yang menjelaskan perbezaan urus tadbir amalan urusan jawatankuasa ketiga-tiga negeri ini, hal ini disimpulkan seperti Lampiran 1 disertakan.

## **2.Urus tadbir secara am Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)**

### **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)**

Dari segi pentadbiran dan operasi MAIWP menurut peruntukan enakmen, Pengarah JAWI merupakan Setiausaha MAIWP juga Ketua Pegawai Operasi (CEO) MAIWP .Selain Wilayah Persekutuan, terdapat tiga negeri lain yang tidak meminda enakmen berkaitan itu iaitu Sabah, Sarawak dan Kedah.Ini menimbulkan permasalahan dari segi perundangan dan pentadbiran.Adalah dikatakan masalah ini berpunca dari masalah waran perjawatan.Sehingga ke hari ini tiada CEO MAIWP yang baru dilantik selepas CEO yang sebelum ini tamat perkhidmatannya. Masalah yang timbul ialah apabila dalam urusan pentadbiran di mana ketua pegawai tertinggi perlu menurunkan tandatangan untuk segala urusan surat menyurat dan sebagainya.Enakmen Pentadbiran dilihat tidak memberi kuasa kepada Pengerusi MAIWP untuk menjalankan tugas tersebut.

Satu isu lagi yang timbulkan ialah apabila CEO dipilih melalui lantikan politik.Hal ini boleh menimbulkan isu konflik berkepentingan yang mana beliau akan tertakluk pada ketua yang melantik beliau dan boleh mengesampingkan kepentingan MAIWP itu sendiri.

Dalam mengendalikan urus tadbir di MAIWP pula, pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi.Bagi permasalahan hukuman di bawah Akta 505 yang sebelum ini tidak termasuk adat dan kini terdapat pindaan yang memasukkan adat.DYMM Yang Dipertuan Agung mengetuai MAIWP, dan JAWI menjadi urusetia.Menurut Akta 505 seksyen 53(1) yang mana MAIWP bertindak mentadbir hal ehwal syariah.Dalam menjalankan fungsi pelantikan dan perundangan , Menteri akan memberi nasihat kepada DYMM Yang Dipertuan Agung.Baginda kemudiannya akan berunding dengan MAIWP, begitulah menurut praktisnya.

Manakala dalam pelantikan Pendaftar Nikah Kahwin, Menteri akan memberi nasihat kepada DYMM Yang Dipertuan Agung. DYMM Tuanku kemudiannya akan berkenan dan kemudiannya akan menghantar nama kepada MAIWP. Tauliah diberi dari istana. Elaun yang diberi MAIWP adalah sama menurut kelayakan kerajaan. Sumber pembayarannya pula bagi mufti dan hakim adalah dari akaun Amanah. Mereka dikira sebagai pegawai kerajaan.

Selain itu isu-isu yang mencabar dikendalikan MAIWP ialah dari segi penguatkuasaan enakmen. Sebagai contoh kes Siti Kasim dan golongan yang seumpamanya. Dari segi pelaburan MAIWP yang juga merupakan pemegang Amanah, berminat untuk melabur dalam Sukuk Islamic Bond namun ianya terhad. Dari segi liabiliti gantian (vicarious liability) tentang kekompetenan kehakiman. Selain itu terdapat isu imuniti kepada pendakwa. Selain itu berlaku konflik kepentingan dari sumber kuasa juga dari segi kekuasaan Raja.

### **Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)**

Satu temuramah juga telah dijalankan bersama Pengurusan tertinggi MAINS. Dari segi tadbir urus MAINS telah mula menstruktur semula pengurusan mereka. Pada tahun 2021 mereka telah menjalankan pindaan enakmen dalam urus tadbir dan amalan mereka. Namun ini bukanlah kali pertama pindaan dijalankan. Pada penghujung tahun 2015 MAINS telah menjalankan penstruktur semula dari segi enakmen pentadbiran dengan memperbadankan baitulmal mal yang menguruskan zakat, wakaf dan mualaf. Untuk makluman apabila sesuatu organisasi itu diperbadankan maka ianya akan mempunyai dana sendiri, pengurusan akan menjadi lebih cekap dan boleh membuat keputusan sendiri. Tindakan ini juga akan memansuhkan apa-apa pertindihan kuasa dan konflik kepentingan apabila kesemua badan-badan tersebut dikembalikan ke MAINS. Menurut mereka gaji bulanan kakitangan MAINS dibayar oleh MAINS sendiri tetapi bersumberkan dari Baitulmal.

Dengan penstrukturan semula MAINS mereka telah mencuba mengasingkan setengah Jabatan yang ada pertindihan kuasa. Tiada dasar penswastaaan di bawah MAINS. Bahagian wakaf dan zakat adalah tertakluk di bawah MAINS. Pada tahun 2013 penyelarasan enakmen dilakukan untuk pengurusan korporat. MAINS adalah pembuat dasar dan pelaksana dasar. Bahagian Waqaf diperbadankan dan zakat diletakkan bawah Lembaga Zakat. Ini menjadikan pengurusan menjadi nampak lebih teratur dan bebas dalam membuat keputusan. Sebagai contoh Lembaga Zakat boleh menguruskan sendiri urusan tentang gaji dan elaun, tanpa mengharapkan MAINS. Penstrukturan ini juga lebih baik dari segi undang-undang percukaian. Walaupun terdapat kelebihan perbadanan, namun masalahnya ialah kurang semak dan imbang ahli-ahli lembaga pengarah melainkan wujud govenan korporat yang betul.

Menurut beliau terdapat 6 negeri yang melakukan transformasi dalam pengukuhan zakat antaranya Kelantan dan Kuala Lumpur. Selain itu isu perjawatan adalah isu penting dalam urus tadbir yang baik kerana sumber manusia inilah yang menjalankan tugas harian dan aktiviti sesuatu organisasi. Menurut beliau Jabatan Pendakwa Syarie adalah perjawatan badan berkanun yang biasa melalui SPA/JPA. Manakala bagi bahagian Perkhidmatan dan Operasi badan kerajaan negeri boleh memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk memohon sesetengah jawatan untuk perkhidmatan dan operasi bagi memenuhi kuota negeri tapi sumber gaji adalah dari kerajaan Persekutuan.

Selain itu terdapat perwakilan kuasa dari MAINS ke JAINS dalam pelantikan ahli jawatankuasa masjid seperti imam. Selain itu sistem beraja di Negeri Sembilan agak unik berbanding negeri-negeri yang lain tidak seperti di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Datuk Undang merupakan ketua negeri masing-masing-dengan dengan perkenan Yang Dipertuan Besar dan Datuk-datuk undang yang lain.

Di Negeri Sembilan urusan wakaf dan zakat adalah di bawah skim sendiri kerana diperbadankan. Bagi urusan tanah pula adat perpatih diamalkan yang unik berbanding negeri lain. Bagi urusan pentauliahan semua Datuk-datuk undang harus bersetuju bagi pentauliahan tersebut. Untuk urusan tersebut JAIN diberi perwakilan kuasa dari MAINS.

Dalam sistem saraan baru MAINS gaji dan elaun kakitangan masih sama seperti dahulu dan tidak menyusut. Bezanya nama skim persaraan biasa ditukar kepada skim. Panggilan mesyuarat dibuat secara berpusat, ini memudahkan kawalan dan pemantauan. Terdapat dua orang berbeza untuk semakan dan 2 entiti berbeza untuk mentadbir MAINS.

Urusan zakat MAINS menjadi lebih berstruktur dan efisien. Seorang CEO dilantik untuk perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan govenan korporat. MAINS memberi kuasa kepada pejabat agama. Bagi menyelesaikan sesuatu isu penting segala apa-apa isu perlu dibengkelkan dan terdapat jawatankuasa teknikal untuk tujuan tersebut.

MAINS juga mempunyai penasihat undang-undang yang bebas yang lain dari Penasihat Undang-Undang Setiausaha Kerajaan Negeri. Ia adalah perjawatan sendiri tanpa campur tangan kerajaan negeri.

Apabila terdapat penstrukturan semula terdapat rombakan jawatankuasa perjawatan. Hasilnya terdapat lantikan pegawai Setiausaha Kerajaan Negeri dan pegawai agama untuk MAINS. Untuk memungkinkan hal rombakan tersebut pindaan enakmen telah dibuat. Bagi urusan pentadbiran Setiausaha MAINS adalah berasingan dengan JAINS. Praktis ini adalah berlainan dari amalan dahulu yang mana Pengarah JAINS adalah setiausaha MAINS. Namun setelah pindaan enakmen kedua-dua pengarahnya berbeza bagi mengelakkan pertindanan.

Dalam isu murtad pula Jabatan Mufti boleh mengambil sebanyak mana masa untuk mengendalikan hal tersebut. Bagi tujuan asnaf MAINS mencadangkan data asnaf dikongsi

bersama Selangor dan Wilayah Persekutuan antara MAINS, MAIWP dan MAIS bagi tujuan perkongsian bayar bersama. Dari segi undang-undang untuk memudahkan amalan pentadbiran MAINS juga mempunyai Peraturan-peraturan sendiri. Selain itu terdapat rombakan jawatankuasa secara besar-besaran MAINS dan Jabatan-jabatannya yang menyaksikan pengurangan jawatankuasa dari 40 lebih kepada 20 lebih sahaja. Ini dikatakan lebih efisien dari segi kos dan operasi.

### **Ulasan urus tadbir MAINS secara am**

Daripada temuramah tersebut dapatlah disimpulkan seperti berikut bahawa:

- 1) Adalah penting untuk Majlis Agama Islam mempunyai kuasa pada setiap institusi yang di bawahnya. Ini bagi memudahkan pemantauan dan pengawasan. Selain itu pemusatan kuasa ini mengurangkan konflik berkepentingan dan pertindanan kuasa juga kerja antara jabatan-jabatan.
- 2) Bahagian perjawatan memainkan peranan penting dalam urus tadbir yang baik. Jika urusan perjawatan dan sumber manusia tidak dikendalikan dengan baik maka secara jangka panjangnya ia boleh mengurangkan integriti, rasa kebersamaan juga kesetiaan kakitangan terhadap organisasi dan kerja. Skim pekerjaan dan pencen yang memberangsangkan harus ada bagi mengelakkan salahguna kuasa dan korupsi.
- 3) Perwakilan kuasa diamalkan di Negeri Sembilan dalam urusan-urusan harian umat Islam bagi memudahkan pentadbiran dan pengurusan. Sebagai contoh urusan pentauliahan jawatankuasa masjid diwakilkan daripada MAINS kepada JAINS. Namun jika terdapat isu-isu kontroversi, isu-isu tersebut akan dirujuk semula kepada MAINS.

4) Dilihat dalam hal ehwal agama Islam di Selangor DYMM Sultan lebih berkuasa sebagai contoh dalam memberi tauliah tauliah kepada imam dan tauliah mengajar.

5) Dari segi perjawatan pula, jawatan di JAKESS adalah dikira sebagai Professional dan sebagai satu jawatan bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam\_Jabatan Perkhidmatan Awam (SPA-JPA). Langkah ini dilihat memartabatkan profesionalisma di kalangan badan kehakiman dan pendakwaan syariah.

6) Namun apabila isu samada JMNS, JAKESS melalui perwakilan kuasa Mufti, atau Hakim boleh melantik sendiri adakah kesannya akan mengurangkan kuasa DYMM Sultan melalui peruntukan enakmen. Ini adalah antara isu yang perlu diperhalusi.

Dari termuramah yang dijalankan bersama MAIN, maka secara amnya dapat disimpulkan bahawa struktur organisasi MAIN memainkan peranan yang penting dalam urus tadbir dan perjalanan pentadbiran dan operasinya. Dua perkara penting yang dilihat ialah satu dari segi gaji dan perjawatan, bagi memangkinkan urus tadbir yang baik bagi MAIN tidak harus dipandang enteng.

#### **4.6 Urus tadbir yang baik MAIS dalam pengurusan isu pemantauan dan pengawasan**

Secara dasarnya urus tadbir yang baik adalah penting dalam isu pemantauan dan pengawasan. Adalah perlu untuk setiap jabatan mengetahui batasan urus tadbir dan amalannya.

Seperti yang telah disebut dalam Bab 2 Sorotan Kajian, walaupun terdapat pelbagai definisi urus tadbir yang baik, istilah yang dibawakan oleh United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP) agak bertepatan dengan kajian ini dan ini telah disebut di dalam Bab 2 sebelum ini. Menurut UNESCAP elemen-elemen tadbir urus yang baik adalah seperti berikut: kebersamaan, persetujuan, akauntabiliti, ketelusan, responsif, efektif



dan efisien, keadilan dan penyertaan ramai juga pematuhan undang-undang. Jika tidak semua definisi boleh dihuraikan mengikut definisi UNESCAP, kajian ini secara dasarnya, mencuba untuk menghuraikan isu urus tadbir mengikut majoriti elemen-elemen UNESCAP tersebut. Oleh itu soalan temuramah secara dasarnya dirangka bagi keperluan urus tadbir yang baik dan UNESCAP sebagai satu model urus tadbir.

### **1-Pemantauan dan pengawasan**

Hasil temuramah dengan MAIS, ahli penyelidik mendapati bahawa dengan urus tadbir dan amalan MAIS selama ini dengan mengamalkan pemusatan kuasa dalam mengawal jawatankuasa, maka mudah MAIS memantau dan mengawas segala jawatankuasa MAIS, JAKESS dan JMNS.

Dari segi pemantauan jawatankuasa, usaha MAIS harus dipuji kerana MAIS mempunyai Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Agama Islam Selangor juga Peraturan-peraturan Jawatankuasa Majlis Agama Islam Selangor 2011. Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Agama Islam Selangor memperincikan tatacara mesyuarat MAIS dijalankan. Peraturan-peraturan Jawatankuasa Majlis Agama Islam Selangor 2011 pula memperihalkan segala perkara berkaitan jawatankuasa di bawah MAIS. Manakala tiada peraturan yang terperinci sedemikian di negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan.

Dari aspek pengurusan, ISO 9001 satu standard diterima pakai antarabangsa, adalah sistem pengurusan secara generik. Ia adalah satu sistem standard yang digunakan organisasi tak kira saiz atau jenis, samada oleh organisasi tiada berkepentingan, sektor pembuatan dan servis, mahupun badan kerajaan. Ia adalah satu rangka berkesan yang akan menghasilkan produk dan servis untuk memenuhi kehendak pelanggan bagi menambah baik produk, proses dan sistem untuk meningkatkan tahap kepuasan pelanggan. Majlis Agama Islam Selangor berjaya

memperolehi persijilan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah MS 1900:2014 pada tahun 2017 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd (Majlis Agama Islam Selangor, 2017).Ini adalah satu bentuk pengiktirafan pada pihak pengurusan MAIS dalam melaksanakan urus tadbir yang baik.

### **Adakah MAIS memenuhi lapan ciri-ciri utama model urus tadbir UNESCAP?**

#### **i. Kebersamaan**

Secara dasarnya dalam isu kebersamaan dikatakan penyertaan lelaki dan wanita dalam sesuatu organisasi adalah merupakan unsur-unsur penting dalam urus tadbir yang yang baik.Namun penyertaan secara bersama bukanlah bermaksud golongan minoriti perlu dimasukkan bersama.Ia bermaksud penyertaan perlulah diberitahu dan diuruskan dengan baik.Namun isu di sini bukanlah isu gender kerana Islam mementingkan kesaksamaan antara kedua jantina ini.Secara kasarnya penyertaan mana-mana ahli jawatankuasa perlulah ada terma-terma yang jelas dan diuruskan dengan baik.Sebagai contoh isu lantikan jawatankuasa perlulah jelas di bawah bidang kuasa jabatan yang mana, begitu juga isu-isu lain, yang seharusnya mengikut lunas undang-undang, dan bukan setakat mengikut anggapan dan amalan terdahulu. Untuk mengelakkan pemusatan kuasa, pengagihan / perwakilan kuasa, perlulah jelas bagi mengelakkan pengurangan mana-mana kuasa.

#### **ii. Persetujuan**

Secara amnya terdapat pelbagai pemegang taruh dan pandangan dalam sesuatu masyarakat atau organisasi.Urus tadbir yang baik memerlukan persetujuan pihak-pihak berbagai kepentingan di dalam organisasi bagi kehendak masyarakat dalam menentukan apa yang terbaik untuk mereka dan bagaimanakah ianya boleh dicapai.Dilihat dalam sistem pentadbiran agama Islam,

persetujuan pihak berkuasa utama seperti DYMM Sultan adalah penting. Peranan Majlis sebagai Penasihat Sultan juga dilihat penting dalam menjalankan peranan Majlis.

Persetujuan juga berkenaan perspektif yang meluas dalam tempoh masa yang panjang, tentang apa yang diperlukan untuk pembangunan manusia yang mapan dan bagaimana untuk mencapai misi tersebut. Ini hanya boleh dicapai dengan memahami sejarah, budaya dan konteks sosial pada sesuatu komuniti.

Setiap Majlis Agama Islam Negeri dan hal ehwal jawatankuasanya mempunyai sejarah yang tersendiri. Sebagai contoh Majlis Agama Islam sering dikaitkan dengan pengurusan berkaitan pentadbiran Islam secara amnya dari segi sejarahnya terdapat pelbagai perubahan pentadbiran. Ini berlaku bagi tujuan penyeragaman dan kemudahan tindakan bersama pada masa akan datang.

### **iii. Akauntabiliti**

Akauntabiliti adalah elemen terpenting urus tadbir yang baik. Setiap jabatan perlulah bertanggungjawab pada masyarakat dan jabatannya. Siapa yang bertanggungjawab tergantung kepada samada keputusan atau tindakannya dari pihak luar atau dalam. Segala amnya institusi akan bertanggungjawab pada sesiapa sahaja yang terkesan dengan tindakan dan keputusannya. Akauntabiliti tidak boleh dilaksanakan tanpa ketelusan dan pematuhan pada undang-undang.

Untuk jawatankuasa di bawah MAIS, setiap jawatankuasa bertanggungjawab pada jabatan yang melantiknya samada MAIS, JAKESS dan JMNS. Oleh itu ianya menimbulkan persoalan apabila jawatankuasa di bawah JAKESS dan JMNS ini juga dilantik oleh MAIS, adakah ini bermaksud MAIS juga bertanggungjawab dalam hal ehwal hukum syarak dan keadilan dalam negeri Selangor? Adakah ini selari dengan kehendak peruntukan EPAINS 2003?

Seperkara lagi apabila jawatankuasa JAKESS dan JMNS membuat sesuatu keputusan, siapakah yang bertanggungjawab, jika terdapat apa-apa isu adakah JAKESS, JMNS atau MAIS? Hal ini menunjukkan terdapat ketidaktelusan dan ketidakjelasan dalam perkara tersebut dan dalam sebegini akauntabiliti urus tadbir jawatankuasa di bawah JAKESS dan JMNS boleh dipersoalkan.

Dan sekali lagi apabila isu bidangkuasa hukum syarak dan keadilan secara jelas merujuk kepada bidangkuasa JMNS dan JAKESS, dan perkara berkaitannya namun kelihatan isu pelantikan dan tuntutan elaun, masih tergantung pada MAIS. Ini menimbulkan isu akauntabiliti apabila berkaitan jawatankuasa di bawah JMNS dan JAKESS.

#### **iv. Ketelusan**

Ketelusan bermaksud keputusan dan pelaksanaan yang dibuat hendaklah mengikut undang-undang dan peraturan. Selain itu informasi hendaklah mudah diakses untuk sesiapa yang terlibat dengan keputusan tersebut dan juga pelaksanaannya.

Perlaksanaan isu jawatankuasa dilihat tidak dilihat mengikut lunas EPAINS 2003. Oleh itu isu ketelusan dipertikaikan di sini. Persoalannya ialah mengapakah lantikan jawatankuasa JAKESS dan JMNS dibuat oleh MAIS dan tidak oleh jabatan-jabatan tersebut sendiri. Atas dasar dan peruntukan manakah isu tuntutan elaun perlu kepada MAIS dan tidak kepada jabatan-jabatan yang dipertanggungjawabkan di bawah jabatan-jabatan tersebut? Isu tersebut memerlukan pencerahan dan ketelusan dari pihak MAIS, JAKESS dan JMNS.

#### **v. Responsif**

Responsif bermaksud segala pemegang taruh yang terlibat dengan keputusan dan pelaksanaan organisasi perlulah dibuat dalam masa yang berpatutan. Jika berlaku birokrasi akibat kelewatan penamaan jawatankuasa dari JAKESS atau JMNS kerana meletakkan birokrasi yang tidak perlu

untuk urusan pelantikan dipikul di bahu MAIS,hal sebegini dikatakan tidak responsif yang kemudiannya mengakibatkan isu efektif dan efisien.Selain isu pelantikan jawatankuasa, ada juga isu kelewatan di MAIN dalam pelantikan jawatan penting.Hal ini dilihat menyukarkan isu perundangan dan pentadbiran yang boleh menyebabkan pelanggaran undang-undang.Sebagai contoh apabila CEO MAIN tidak lagi dilantik, maka siapakah yang berkuasa untuk menandatangani surat-surat pentadbiran.Adakah sah dari segi undang-undang apabila Pengerusi MAIN yang menandatangani surat-surat tersebut? Hal isu tandatangan walau dilihat isu yang kecil, namun besar implikasinya apabila timbul isu kesahan sesuatu perkara yang ditandatangani beliau, isu pihak-pihak yang boleh disaman dan sebagainya.

#### **vi. Efektif dan Efisien**

Efektif dan efisien bermaksud proses membuahkan hasil yang diperlukan oleh masyarakat dengan memaksimumkan sumber yang ada.Ini menimbulkan persoalan adakah bila tuntutan elaun jawatankuasa JAKESS dan JMNS yang mendapat sumber gaji atau dana dia bayar oleh Kerajaan Negeri, tetapi dibayar oleh MAIS yang mendapat dana dari baitulmal mal,adakah ini satu amalan yang betul?

#### **vii. Keadilan dan Penyertaan Ramai**

Keadilan di dalam masyarakat bergantung untuk memastikan semua ahli masyarakat berasa mereka kepentingan mereka dijaga dan tidak diabaikan. Ini memerlukan semua kumpulan terutamanya yang lemah mempunyai peluang untuk membaiki kesejahteraan mereka.

### **viii. Pematuhan undang-undang**

Pematuhan undang-undang bermaksud peruntukan undang-undang yang dilaksanakan secara saksama. Untuk memantapkan kesaksamaan undang-undang memerlukan sistem keadilan yang bebas dan pelaksana undang-undang yang tidak mengamalkan korupsi.

Untuk mencapai maksud tujuan tersebut di atas, secara dasarnya apabila telah jelas terdapat pengasingan kuasa menurut peruntukan undang-undang berkaitan bidang kuasa MAIS untuk pentadbiran agama, hukum syarak di bawah JMNS dan hukum keadilan di bawah JAKES, maka bagi urusan tadbir yang baik, perkara tersebut perlulah dimanifestasikan dalam bentuk amalan dan pentadbirannya contohnya seperti jawatankuasa. Sepatutnya dalam mengikut lunas undang-undang EPAINS, perlantikan jawatankuasa yang akhirnya bertanggungjawab secara langsung pada jabatan di atasnya, dibuat oleh jabatan tersebut.

### **Implikasi**

Hasil dari kajian ini dapat dilihat berlaku pemusatan kuasa dalam hal ehwal jawatankuasa samada di bawah MAIS, JMNS dan JAKESS kesemuanya tertakluk kepada arahan daripada MAIS dalam perkara-perkara tersebut. Dilihat bahagian kesetiausahaan yang bertindak sebagai sekretariat kepada semua jawatankuasa di bawah MAIS, JMNS dan JAKESS, selain tugas hakiki. Setiap Jabatan yang melantik jawatankuasa tersebut seharusnya melantik setiausaha jabatan masing-masing yang bertindak sebagai sekretariat untuk menguruskan segala hal ehwal jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik tersebut. Namun dilihat itu tidak berlaku.

## **4.7 KESIMPULAN**

Berdasarkan isu di atas dilihat MAIS secara dasarnya perlu dilaksanakan mengikut sumber kuasa yang jelas dan MAIS juga memenuhi keperluan urusan tadbir yang baik. Namun secara pentadbiran dan operasinya terdapat beberapa isu yang perlu pengemaskinian dan

penambahbaikan di masa depan. Ini akan dimasukkan dalam bab seterusnya Bab 5  
Perbincangan, Kesimpulan Dan Cadangan.

## **BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

### **5.1 PENDAHULUAN**

Setelah kajian secara kajian literatur dan kualitatif dengan menemuramah pihak berwajib MAIS, MAINS dan MAIWP, maka didapati persoalan-persoalan kajian tersebut telah dijawab dalam Bab 4 Dapatan Kajian sebelum ini.

Persoalan-persoalan kajian adalah seperti berikut:

- a) Kedudukan MAIS, JAKESS dan JMNS menurut Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, EPAINS 2003 juga perlembagaan juga undang-undang juga peraturan yang sedia ada.
- b) Isu pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan dan urus tadbir dalam hubungan antara MAIS, JAKESS dan JMNS.
- c) Perbandingan Enakmen dan undang-undang yang sedia juga selaras dengan urus tadbir terbaik juga amalan Majlis Agama Islam Negeri yang lain.
- d) Urus tadbir MAIS dalam pengurusan isu yang ada bagi pemantauan dan pengawasan.

Bab 5 ini menghuraikan semula secara umum hasil kajian ini. Perbincangan Bab 5 bagi penutup dan cadangan dibahagikan kepada sub topik berikut:

- i. Sumber kuasa MAIS, JMNS dan JAKESS
- ii. Struktur MAIS Sedia Ada
- iii. Peranan Eksekutif MAIS, JMNS dan JAKESS
- iv. Tadbir Urus MAIS
- v. Cadangan penambahbaikan tadbir urus MAIS



### 5.1.1 Sumber kuasa MAIS, JMNS dan JAKESS

Walaupun pada awalnya mengikut persoalan kajian ada ditimbulkan isu pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan dalam hubungan antara MAIS, JAKESS dan JMNS, namun setelah kajian lebih mendalam dijalankan maka, didapati isu yang sebenar ialah isu sumber kuasa Majlis dan Jabatan-jabatan tersebut, JMNS dan JAKESS. Ini kerana keabsahan punca kuasa adalah tunggak kepada pelaksanaan fungsi Majlis dan Jabatan-jabatan menurut lunas undang-undang. Dengan ini akan mengurangkan segala isu-isu yang akan timbul pada masa akan datang seperti contoh berkaitan pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan kelak. Maka perlulah dirumuskan semula sumber kuasa MAIS yang bersumberkan dari Raja.

Menurut peruntukan Perlembagaan Persekutuan Perkara 3(2):

Raja adalah sebagai Ketua Agama Islam dalam Negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu.

Manakala dari segi punca-punca kuasa tentang kedudukan dan kedaulatan DYMM Sultan ini terdapat dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dan EPAINS 2003. Perkara XLVIII (48) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 menyatakan bahawa DYMM Sultan hendaklah menjadi Ketua Agama Negeri dan boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama Islam dan menubuhkan MAIS untuk membantu dan menasihati DYMM Sultan dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan sebagaimana berikut:

*‘Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum*

*syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.'*

Peruntukan di atas menunjukkan sumber kuasa MAIS yang mempunyai peranan penasihat dan eksekutif atas perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor. Namun dalam membicarakan sumber kuasa JMNS dan JAKESS, dilihat sumber kuasa penubuhan JMNS dan JAKESS adalah tidak jelas.

### **5.1.2 Struktur MAIS Sedia Ada**

Dalam menjalankan peranan penasihat MAIS boleh mewakili kepada Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) juga Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Namun dalam melaksanakan perkara tersebut, seksyen 6 EPAINS 2003 perlu dipinda dalam menjalankan fungsi penasihat JMNS dari segi hukum syarak dan JAKESS dari segi pentadbiran keadilan kepada DYMM Sultan Selangor.

#### Cadangan Pindaan Seksyen 6(1).

Tertakluk pada peruntukan Enakmen ini, fungsi kuasa Majlis untuk membantu dan menasihati DYMM dalam hal ehwal hukum syarak hendaklah dilaksanakan oleh Mufti.

#### Cadangan Pindaan Seksyen 6(2)

Tertakluk pada peruntukan Enakmen ini, fungsi kuasa Majlis untuk membantu dan menasihati DYMM dalam hal ehwal pentadbiran kehakiman hendaklah dilaksanakan oleh Ketua Hakim Syarie.

Setelah itu berlaku maka kuasa eksekutif akan tertakluk pada Jabatan masing-masing (JMNS dan JAKESS) dan bukan lagi pada MAIS. Apabila ini dilaksanakan maka JMNS dan JAKESS akan mempunyai kuasa penuh pada hal ehwal urusan jawatankuasa di bawah JMNS dan JAKESS masing-masing tanpa perlu menunggu dari MAIS. Ini termasuk urusan penubuhan jawatankuasa, pelantikan anggota jawatankuasa, penamatan anggota jawatankuasa, tuntutan elaun mesyuarat, pengurusan mesyuarat jawatankuasa, jenis mesyuarat dan lain-lain perkara berkaitan.

Pindaan kepada Seksyen 6

Cadangan pindaan	Seksyen
Seksyen 6(1)	Mufti hendaklah menjadi pihak berkuasa untuk melaksanakan fungsi kuasa Majlis dalam hal-ehwal hukum syarak.
Seksyen 6(2)	Mahkamah Syariah mestilah menjadi pihak berkuasa untuk melakukan fungsi kuasa Majlis ....hal ehwal pentadbiran _____

Pindaan kepada Seksyen 45

Mufti hendaklah menjadi kewajibannya seperti diperakukan dalam Enakmen ini.

### 5.1.3 Peranan Eksekutif MAIS, JMNS dan JAKESS

MAIS seperti dilihat perenggan di atas mempunyai peranan penasihat dan eksekutif iaitu pihak berkuasa utama selepas DYMM Sultan. Bahagian II EPAINS 2003 menjelaskan tentang Majlis Agama Islam Selangor secara amalan pentadbirannya

Seksyen 28 pula menjelaskan dalam hal Perwakilan kewajipan atau kuasa Majlis, seperti berikut:

*(1) Majlis boleh, melalui ketetapan, dan tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang difikirkan patut oleh Majlis, mewakilkan kepada Pengerusi atau Setiausaha atau kepada mana-mana jawatankuasa Majlis penunaian mana-mana kewajibannya atau penjalanan mana-mana kuasanya.*

*(2) Pelaksanaan kewajipan-kewajipan dan penjalanan kuasa-kuasa menurut perwakilan di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis.*

*(3) Pengerusi, Setiausaha, atau jawatankuasa yang kepadanya perwakilan dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah memberitahu Majlis tentang semua tindakan dan perkara yang dilakukan olehnya menurut perwakilan itu.*

Dalam melaksanakan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 28(1) dengan ini MAIS memiliki kuasa untuk desentralisasi secara perwakilan kepada Jabatan Mufti yang akan digariskan dalam Kertas kerja cadangan dasar dalam laporan ini.

Namun dalam peranan eksekutif JMNS hanya boleh diperolehi dari Bahagian III EPAINS 2003 yang memperihalkan Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwat Agama, Jawatankuasa Fatwa Dan Fatwa Yang Berhubungan Dengan Kepentingan Nasional.

Seksyen 45 dalam menerangkan fungsi mufti menyatakan :  
*Mufti hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.”*

Namun tidak dinyatakan dengan jelas tentang Jabatan Mufti tetapi lebih ke arah Mufti sahaja. Manakala Seksyen 46 pula secara khusus memperihalkan Jawatankuasa Fatwa. Tetapi tiada pula EPAINS 2003 memperihalkan penubuhan Jabatan Mufti. Oleh itu disarankan seksyen 45 EPAINS 2003 juga perlu dipinda dalam menjalankan fungsi penasihat JMNS hal ehwal hukum syarak kepada DYMM Sultan Selangor.

Manakala hal ehwal tentang JAKESS terdapat dalam Bahagian IV dan V EPAINS 2003. Bahagian IV menjelaskan tentang Mahkamah Syariah, dan Bahagian V pula tentang Pendakwaan Dan Perwakilan. Oleh itu disarankan EPAINS 2003 perlu dipinda dalam menjalankan fungsi penasihat JAKESS hal ehwal keadilan kepada DYMM Sultan Selangor. Cadangan ini dilampirkan sebagai Lampiran 7 bertajuk Kertas Cadangan Polisi Bil. (1)/2023.

#### **5.1.4 Tadbir Urus MAIS secara umum**

Dalam isu tadbir urus MAIS pula isu yang dibangkitkan ialah isu jawatankuasa MAIS, JMNS dan JAKESS. Ini adalah terkait urusan penubuhan jawatankuasa, pelantikan anggota jawatankuasa, penamatan anggota jawatankuasa, tuntutan elaun mesyuarat, pengurusan mesyuarat jawatankuasa, jenis mesyuarat, □ dan lain-lain perkara berkaitan.

Menurut peruntukan undang-undang Bahagian II EPAINS 2003 bagi jawatankuasa di bawah MAIS maka segala urusan pelantikan, pembayaran elaunnya di bawah kuasa MAIS. Manakala bagi Jawatankuasa JMNS dan JAKESS seperti amalan pelaksanaan di negeri-negeri lain seperti Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Negeri Sembilan (MAINS), maka ianya perlu di bawah seliaan JMNS dan JAKESS sendiri. Maka ianya akan merefleksi urus tadbir yang baik.

Dalam menjalankan kuasa penasihat kepada DYMM Sultan juga menjalankan peranan eksekutif JMNS dalam hal ehwal hukum syarak juga JAKESS dalam pentadbiran keadilan

seperti disebut di atas tadi seksyen 6 EPAINS 2003 memerlukan pindaan. Hal ini adalah penting bagi JMNS dan JAKESS dalam menjalankan peranan eksekutif menurut lunas undang-undang secara jelas kelak juga mengurangkan risiko dicabar di mahkamah juga penasihat hal ehwal masing-masing kepada DYMM Sultan.

Cadangan Kaedah Penubuhan Jawatankuasa Dan Peletakan Fungsi Kuasa Di Bawah JAKESS DAN JMNS ini dilampirkan sebagai Lampiran 9 bertajuk Kertas Cadangan Polisi Bil. (3)/2023.

### **5.1.5 Cadangan penambahbaikan tadbir urus MAIS**

Namun setelah melihat keseluruhan isu tadbir urus MAIS juga mengambil kira Kongres Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Kali Pertama pada 26 hingga 27 September 2011 di PWTC, maka berikut disarankan cadangan holistik urus tadbir MAIS.

(a) Oleh itu, dicadangkan Skim Perkhidmatan MAIS dipinda bagi menyesuaikan dengan hala tuju MAIS agar ianya lebih jelas pada masa akan datang. Skim Perkhidmatan yang terkini juga telah dijalankan oleh MAINS secara berperingkat. Dalam merealisasikan hal tersebut struktur MAIS haruslah jelas. Ini secara natijahnya akan menghasilkan urus tadbir yang lebih baik terutamanya dalam hal pengawasan dan pemantauan MAIS.

Cadangan penstrukturan semula MAIS dilampirkan sebagai Lampiran 8 bertajuk Kertas Cadangan Polisi Bil. (2)/2023.

#### Kebaikan cadangan penstrukturan semula MAIS

1. Berasaskan kepada sumber kuasa yang diberikan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959.
2. Keterserlahan MAIS sebagai pihak berkuasa di bawah Perkara 48 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959.

3. Perwakilan kuasa yang tersusun untuk mengukuhkan sistem pentadbiran hal ehwal agama Islam di bawah bidang kuasa Negeri yang membahagikan jabatan secara lebih terfokus.
4. Mengupayakan ahli jawatankuasa dan mengurangkan birokrasi melalui pengecilan jumlah jawatankuasa.
5. Penstrukturan badan eksekutif hal ehwal agama Islam di bawah bumbung yang sama untuk mengelakkan percanggahan polisi.
6. Pewujudan Skim Perkhidmatan MAIS.
7. Mengukuhkan rantaian kerjasama antara jabatan dan perkongsian kepakaran untuk melaksanakan visi, misi dan objektif MAIS.

Lain-lain cadangan:

- (d) Cadangan Kod Etika MAIS dilampirkan sebagai Lampiran 10 bertajuk Kertas Cadangan Polisi Bil. (4)/2023.
- (e) Cadangan Data Asnaf yang sama bagi MAIS, MAIWP dan MAINS dilampirkan sebagai Lampiran 11 bertajuk Kertas Cadangan Polisi Bil. (5)/2023.

## **5.2 PENUTUP**

Secara umumnya, bab lima ini telah memberikan Langkah-langkah cadangan dalam memperkukuhkan sistem urus tadbir yang sedia ada di MAIS agar dapat memantapkan lagi tadbir urus Negeri Selangor yang berkaitan dengan Agama Islam di bawah naungan Y.D.M.M dan dibantu oleh MAIS yang mempunyai peranan besar dalam penasihat, pengurusan akan hal-ehwal Agama Islam di Negeri Selangor.

Hasil dapatan kajian ini dapat dirumuskan seperti di Lampiran 2. Secara sumatif kajian ini mencadangkan seperti di Lampiran 3. Ahli penyelidik dengan ini melampirkan Lampiran

5,6,7,8 dan 9. Kertas Cadangan Untuk Dasar/Polisi Jawatankuasa Dasar/Polisi Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS) untuk pertimbangan MAIS sebagai salah satu hasil kajian ini.



## **LAMPIRAN 1**

**(SULIT DAN PERSENDIRIAN)**

**(BUKAN UNTUK PENERBITAN-SILA SEMAK DOKUMEN BERKAITAN)**

### **KAJIAN PERBANDINGAN JAWATANKUASA DAN BAHAGIAN KESETIAUSAHAAN MAJLIS-MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI**

- Urusan Penubuhan Jawatankuasa,
- Pelantikan Anggota Jawatankuasa,
- Penamatan Anggota Jawatankuasa,
- Tuntutan Elaun Mesyuarat,
- Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa
- Jenis Mesyuarat
- Dan Lain-Lain Perkara Berkaitan

**LAMPIRAN 2**

**(SULIT DAN PERSENDIRIAN)**

**(BUKAN UNTUK PENERBITAN-SILA SEMAK DOKUMEN BERKAITAN)**

**JAWATANKUASA FATWA DI BAWAH JABATAN MUFTI**

### LAMPIRAN 3

#### CONTOH KAEDAH PEMBERIAN KUASA YANG DIAMALKAN MAIWP DAN MAINS TERHADAP JABATAN MUFTI DAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH

MAINS	MAIWP	MAINS
Kaedah	Melalui pindaan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505)  Seksyen 33 Kuasa Mufti dikatakan melepaskan Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan dari MAIWP	1-melaksanakan pemberian kuasa dengan membuat Peraturan-peraturan berkaitan  2-melaksanakan pemberian kuasa secara pentadbiran dengan membuat arahan mesyuarat  3-melaksanakan perwakilan kuasa iaitu kuasa pentadbiran sebagai contoh mewakilkan kuasa JKSNs memungut bayaran yuran Peguam syarie tetapi yuran tersebut masuk ke akaun MAINS

#### LAMPIRAN 4

#### RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Objektif Kajian	Dapatan Kajian
i. Mengkaji kedudukan MAIS, JAKESS dan JMNS di sisi Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, EPAINS 2003 dan undang-undang yang sedia ada.	Menurut peruntukan undang-undang DYMM Sultan Selangor adalah ketua Agama Islam Negeri Selangor. MAIS adalah badan berkuasa utama selepas DYMM Sultan Selangor.
ii. Meneliti isu yang ada seperti isu pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan dan urus tadbir yang perlu diperkemaskan dalam hubungan antara MAIS, JAKESS dan JMNS.	MAIS adalah badan berkuasa utama selepas DYMM Sultan Selangor. JMNS dan JAKESS bukanlah badan berkuasa utama urusan Majlis Agama Islam. JMNS dan JAKESS bukanlah duduk sama tinggi dengan MAIS tetapi di bawah MAIS.
iii. Membandingkan Enakmen dan undang-undang yang sedia juga selaras dengan urus tadbir terbaik juga amalan Majlis Agama Islam Negeri yang lain	Enakmen negeri-negeri lain seperti Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan adalah lebih kurang sama dengan Selangor. Namun dari segi amalan pentadbiran, segala urusan jawatankua- sa adalah tertakluk kepada Jabatan-jabatan Mufti dan Kehakiman itu sendiri.

<p>iv. Mencadangkan urus tadbir yang baik kepada MAIS untuk menguruskan isu yang ada bagi pemantauan, pengawasan juga pengurusan selaras dengan kehendak undang-undang</p>	<p>Oleh itu bagi melicinkan lagi urus tadbir jawatankuasa MAIS, JMNS dan JAKESS, menurut keperluan undang-undang MAIS sebagai pihak berkuasa utama selepas DYMM Sultan Selangor,MAIS haruslah memberi/mewakikan kuasa kepada JMNS dan JAKESS dalam urusan jawatankuasa masing-masing.</p>
--	---

## LAMPIRAN 5

### SUMATIF CADANGAN KAJIAN

<b>Bil</b>	<b>Perancangan</b>	<b>Senarai Dasar/Polisi</b>	<b>Kaedah</b>	<b>Rasional/Justifikasi</b>
1	Jangka pendek	Pemberian Kuasa dari MAIS kepada JAKESS dan JMNS untuk urusan jawatankuasa	Mesyuarat Jawatankuasa Dasar /Polisi MAIS	<p>Polisi Pemberian Kuasa oleh MAIS kepada JMNS dan JAKESS merupakan prosedur jangka pendek paling yang paling mudah, cepat dan praktikal kerana mesyuarat jawatankuasa dasar MAIS hanya perlu meluluskan polisi ini sahaja dan dia akan menjadi efektif serta merta.</p> <p>Ia juga merealisasikan kuasa MAIS untuk memberikan dan atau mewakilkan kuasa dan tugas khusus kepada JMNS dan JAKESS dalam perkara hukum syarak dan pentadbiran keadilan selaras dengan EPAINS 2003.</p>

	Jangka panjang	Pewakilan Kuasa dari MAIS kepada JAKESS dan JMNS	Pindaan EPAINS 2003 di Dewan Undangan Negeri Selangor  Mesyuarat Jawatankuasa Dasar /Polisi MAIS	Pewakilan kuasa merupakan prosedur jangka masa panjang yang memerlukan pindaan enakmen EPAINS 2003.Oleh itu proses menjadi lambat namun secara jangka masa panjang dapat menjelaskan jelas isu bidangkuasa MAIS, JMNS dan JAKESS.
	Jangka panjang	Penstrukturan semula MAIS	Pindaan EPAINS 2003 di Dewan Undangan Negeri Selangor  Mesyuarat Jawatankuasa Dasar /Polisi MAIS	<p>Kebaikan cadangan penstrukturan semula MAIS</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Berasaskan kepada sumber kuasa yang diberikan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959.</li> <li>ii. Keterserlahan MAIS sebagai pihak berkuasa di bawah Perkara 48 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959.</li> <li>iii. Pewakilan kuasa yang tersusun untuk mengukuhkan sistem pentadbiran hal ehwal agama Islam di bawah bidang kuasa Negeri yang membahagikan jabatan secara lebih terfokus.</li> </ul>

				<ul style="list-style-type: none"> <li>iv. Mengupayakan ahli jawatankuasa dan mengurangkan biokrasi melalui pengecilan jumlah jawatankuasa.</li> <li>v. Penstrukturan badan eksekutif hal ehwal agama Islam di bawah bumbung yang sama untuk mengelakkan percanggahan polisi.</li> <li>vi. Pengwujudan Skim Perkhidmatan MAIS.</li> <li>vii. Mengukuhkan rantaian kerjasama antara jabatan dan perkongsian kepakaran untuk melaksanakan visi, misi dan objektif MAIS.</li> </ul>
--	--	--	--	--




## LAMPIRAN 6

### FOTO-FOTO

#### A. Perbincangan dan temu bual dengan MAIS

##### i. 11 Ogos 2022 – Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pemandu Penilaian



##### ii. September 2020 – Mesyuarat Penambahbaikan Proposal



##### iii. 30 September 2022 – Mesyuarat Penambahbaikan Proposal




iv. 25 Januari 2023 – MTK1




v. 16 Februari 2023 – MTK2



vi. 20 Julai 2023 – Mesyuarat Ahli Geran



vii. 21 Julai 2022 – MTK3



viii. 2 November 2022 – Mesyuarat bersama MAIS



ix. 20 Januari 2023 – Temuduga MAINS Negeri Sembilan bersama MAINS Ustaz Zainal dan Ketua Pengarah Ustaz Hasni dan Ustaz M.Idris



x. 11 Februari 2023 – Bengkel Pelaporan Awal MAIS PD



xi. 22 Februari 2023 – Mesyuarat FSU USIM dan MAIS di FSU



- xii. 26 Julai 2023 – Mesyuarat MAIS bersama Mohd Hafiz Abdul Salam, Siti Zurinah Zainal Abidin dan Ustaz Abdul Ghafar



#### B. Temu bual dengan MAIWP

- i. 10 Mac 2023 – Temu bual bersama Tuan M. Fauzi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP dan Tuan Wan Sanusi, Ketua Penasihat MAIWP








## C. BENGKEL PELAPORAN AKHIR

### i. Hotel Dorsett Putrajaya – 4 dan 5 Ogos 2023



LAMPIRAN 7

**KERTAS CADANGAN UNTUK DASAR/POLISI  
JAWATANKUASA DASAR/POLISI MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI SELANGOR (MAIS) BAGI PERTIMBANGAN MAIS  
BIL 1/2023**

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**



**DASAR MEMPERKASAKAN URUS TADBIR ANTARA MAJLIS AGAMA ISLAM  
SELANGOR (MAIS), JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR (JAKESS) ,  
DAN JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR (JMNS)**

Oleh:

Dr.Noor Dzuhaidah Osman (Ketua Penyelidik)<sup>1</sup>

Ahli-ahli Penyelidik:

Datuk Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain<sup>2</sup>

Prof.Madya Dr.Syahirah Abdul Shukor<sup>3</sup>

Dr.Norman Zakiyy<sup>4</sup>

Dr.Ahmad Syukran Badaruddin<sup>5</sup>

Puan Syuhailah Abd.Latif<sup>6</sup>

Enumerator:

Izza Madihah Binti Hamdan<sup>7</sup>

<sup>1,3,4,5,7</sup>Fakulti Syariah Dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai

71800 Nilai, Negeri Sembilan

<sup>2</sup>International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM)

Kuala Lumpur

<sup>6</sup>Peguambela Dan Peguamcara

Mahkamah Tinggi Malaya

Peguam *Syarie* Selangor

## 1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk mencadangkan dasar dan polisi Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS) selaras dengan kedudukannya menurut Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959. Dasar dan polisi MAIS dibahaskan terlebih dahulu kerana penubuhannya adalah berlandaskan Perkara 48 Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 (UTKS 1959).

Kertas ini akan juga membincangkan struktur dan hubungan antara MAIS dengan dua entiti lain yang digubal dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (EPAINS 2003), iaitu Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), dan Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) berlandaskan peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa sebagai langkah untuk memperkukuhkan institusi Majlis Agama Islam di Selangor.

Istilah “dasar” digunakan di sini untuk menunjukkan asas penggubalan dan penubuhan termasuklah visi, misi dan objektif entiti yang dibincangkan. Polisi pula merujuk kepada undang-undang dan tadbir urus yang berkaitan dengan entiti tersebut termasuklah juga peraturan dan garis panduan yang diadakan untuk mencapai dasar yang ditetapkan.

Kertas ini dikemukakan berlandaskan dapatan dan rumusan yang dicapai dalam Laporan Kajian Urus Tadbir Yang Baik MAIS. Amatlah diharapkan dapatan, rumusan dan cadangan yang dikemukakan dapat memperkemaskan struktur dan meningkatkan urus tadbir yang efisien lagi bersifat kontinum antara tiga entiti penting dalam sistem pentadbiran hal ehwal agama Islam di Selangor sebagai pihak berkuasa selepas DYMM Sultan Selangor, selaku Ketua Agama Negeri Selangor. Bidang kuasa hal ehwal agama Islam yang dibincangkan di sini adalah selaras

dengan kedudukannya menurut UTKS 1959, juga Perkara 77 dan Butiran I Senarai II Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

## **2.0 PENGENALAN**

Negeri Selangor bermula sejak Kesultanan Selangor dimasyhurkan berkerajaan sendiri sebagai kesultanan berdaulat pada tahun 1756. Sultan Salehuddin Shah merupakan raja pemerintah Kesultanan Selangor yang pertama. Seperti kesultanan Melayu yang lain, undang-undang Islam merupakan undang-undang watan (*law of the land*) yang merangkumi aspek awam dan peribadi. Raja-raja Melayu di sisi undang-undang perlembagaan di Tanah Melayu iaitu Hukum Kanun Melaka serta hukum kanun selepasnya seperti Hukum Kanun Johor, Hukum Kanun Pahang dan Undang-Undang Sungei Ujong berposisi sebagai khalifah dan digelarkan juga bayangan Allah di atas bumi.

Sebelum Kesultanan Selangor dimasyhurkan berkerajaan sendiri sebagai kesultanan berdaulat, undang-undang bertulis yang terpakai ke atasnya adalah Hukum Kanun Johor. Pemisahan pentadbiran hal ehwal undang-undang peribadi Islam di bawah pentadbiran yang berasingan dengan hal ehwal undang-undang awam bermula selepas Kesultanan Selangor menerima sistem residen. Pemisahan tersebut bertujuan untuk mengelakkan residen British campur tangan dalam hal ehwal undang-undang peribadi orang Islam seperti soal akidah, nikah kahwin, cerai, pewarisan harta dan pentadbiran keadilan bagi aspek tersebut. Ini kerana dalam perbicaraan yang melibatkan undang-undang awam ada melibatkan orang bukan Islam termasuklah juga pegawai British yang bertindak sebagai hakim bersama dengan hakim tempatan. Lama-kelamaan, sistem pentadbiran British semakin berkembang sehingga menggantikan sistem pentadbiran keadilan tradisional Melayu.

Namun begitu, kedudukan undang-undang Islam sebagai undang-undang watan tidak pernah tersentuh meskipun prinsip *common law* dan kaedah ekuiti Inggeris dikembangkan dalam pentadbiran keadilan undang-undang awam di Selangor oleh hakim dan peguam yang lebih terlatih dengan undang-undang Inggeris. Kuasa kedaulatan yang bersumberkan ajaran Islam tetap kekal pada Sultan Yang di-Pertuan Selangor sebagai raja pemerintah yang meliputi pemerintahan dalam aspek awam dan aspek peribadi orang Islam. Aspek awam meliputi kekuasaan ke atas semua orang tanpa batasan agama.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor dalam bentuk moden buat pertama kalinya dikurniakan oleh Sultan Hisamuddin Alam Shah pada tahun 1948. UTKS 1959 digubalkan kemudian untuk menggantikan Undang-undang Tubuh Selangor 1948. Perkara 48 UTKS 1959 adalah sumber kuasa kepada penubuhan MAIS. Di bawah peruntukan kuasa yang diberikan oleh Perkara 48, maka diguballah undang-undang yang menyentuh pentadbiran hal ehwal agama Islam dalam ruang lingkup Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, manakala bidang kuasa mahkamah syariah dibataskan dalam Butiran I di bawah Senarai II tersebut.

Pada hari ini MAIS merupakan pihak berkuasa utama dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam selepas DYMM Sultan Selangor. Perkara XLVIII (48) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 menyatakan seperti yang berikut:

*Duli Yang Maha Mulia hendaklah menjadi Ketua Agama Negeri dan Duli Yang Maha Mulia boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama dan bagi penubuhan suatu Majlis Agama Islam yang dalam Bahasa Inggeris hendaklah dikenali sebagai “Council of Religion of Islam”, untuk membantu*



*dan menasihati Duli Yang Maha Mulia dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Negeri.*

Selain itu, diwujudkan JAKESS yang berfungsi sebagai badan kehakiman syariah negeri manakala JMNS berperanan sebagai penasihat agama dan ahli fatwa seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 (EPAINS 2003).

Dalam menghadapi pelbagai cabaran pengurusan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Selangor, wujud keperluan untuk meninjau kedudukan serta keberkesanan tadbir urus semasa dan langkah-langkah yang perlu untuk menambah baik sistem pentadbiran sedia ada.

### **3.0 OBJEKTIF**

Secara umumnya, cadangan dalam Kertas Kerja ini adalah berlandaskan pernyataan permasalahan yang telah diterjemahkan dalam bentuk objektif kajian seperti yang berikut:

1. Mengkaji kedudukan MAIS, JAKESS dan JMNS di sisi Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, EPAINS 2003 dan undang-undang yang sedia ada.
2. Meneliti isu yang ada seperti isu pemusatan kuasa dan konflik berkepentingan dan urus tadbir yang perlu diperkemaskan dalam hubungan antara MAIS, JAKESS dan JMNS.
3. Membandingkan Enakmen dan undang-undang yang sedia juga selaras dengan urus tadbir terbaik juga amalan Majlis Agama Islam Negeri yang lain.

4. Mencadangkan urus tadbir yang baik kepada MAIS untuk menguruskan isu yang ada bagi pemantauan, pengawasan juga pengurusan selaras dengan kehendak undang-undang.

Berdasarkan objektif-objektif tersebut, Kertas Kerja ini mengemukakan pandangan undang-undang dan cadangan polisi bagi dua aspek yang berikut:

1. Kedudukan MAIS, JAKESS dan JMNS di sisi Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, EPAINS 2003 dan undang-undang yang sedia ada.
2. Cadangan pindaan peruntukan EPAINS 2003 untuk mengelakkan percanggahan dengan peruntukan Perkara 48 UTKS 1959.

#### **4.0 PANDANGAN UNDANG-UNDANG**

##### **KEDUDUKAN MAIS, JAKESS DAN JMNS DI SISI UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN SELANGOR 1959, EPAINS 2003 DAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

MAIS merupakan pihak berkuasa agama untuk membantu dan menasihati DYMM Sultan Selangor dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Negeri bersumberkan Perkara 48 UTKS 1959. Perkara 48 UTKS 1959 berbunyi seperti yang berikut:

*Duli Yang Maha Mulia hendaklah menjadi Ketua Agama Negeri dan Duli Yang Maha Mulia boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama dan bagi penubuhan suatu Majlis Agama Islam yang dalam Bahasa Inggeris hendaklah dikenali sebagai “Council of Religion of Islam”, untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Negeri.*

Kedudukan MAIS yang diberikan oleh Perkara 48 UTKS 1959 bermaksud, tiada entiti lain yang boleh ditubuhkan untuk mengambil alih mana-mana fungsi yang ditetapkan kepada MAIS, melainkan dalam sifat untuk melaksanakan fungsi kuasa bagi pihak MAIS.

Perkataan “untuk membantu” atau dalam Bahasa Inggeris “*to aid*” itu memberi suatu maksud yang luas kerana ia dihubungkan secara langsung dengan kuasa DYMM Sultan Selangor dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Negeri.

Perkataan “dan menasihati” atau dalam Bahasa Inggeris “*and advise*” itu memberi suatu maksud yang luas kerana ia dihubungkan secara langsung dengan kuasa DYMM Sultan Selangor dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Negeri.

Seperti yang dimaklumi, kuasa DYMM Sultan Selangor dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Negeri termasuklah dan tidak terhad kepada hal ehwal hukum syarak dan kehakiman atau pentadbiran keadilan. Justeru, entiti yang ditubuhkan bagi maksud melaksanakan fungsi kuasa mana-mana perkara yang berhubungan dengan agama Negeri perlulah berada di bawah MAIS atas sifat melaksanakan sebahagian fungsi kuasa MAIS seperti ditetapkan oleh Perkara 48 UTKS 1959.

Ini juga bermaksud, peruntukan Seksyen 6 dan 45 EPAINS 2003 yang membataskan kedudukan dan fungsi kuasa dalam perkara hukum syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan adalah bercanggah dengan Perkara UTKS 1959.

Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 menyatakan yang berikut:

*“Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.”*

Pindaan Seksyen 6 akan dicadangkan dan dihuraikan selepas ini.

Seksyen 45 dalam menerangkan fungsi mufti menyatakan :

*Mufti hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.”*

Dari sudut Perlembagaan Persekutuan pula, Senarai II dan III Jadual Kesembilan merupakan pembahagian kuasa perundangan yang dikekalkan kepada Negeri selepas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ditandatangani serta Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dikuatkuasakan melalui kedaulatan raja-raja Melayu.

MAIS mempunyai bidang kuasa seperti yang diperuntukkan dalam Butiran I Senarai II Jadual Kesembilan, manakala mahkamah syariah hanya boleh membicarakan kesalahan, hukuman dan guaman yang melibatkan orang Islam dalam ruang lingkup undang-undang peribadi orang Islam.

Selain itu, Dewan Undangan Negeri mempunyai baki kuasa perundangan jika sekiranya suatu perkara itu tidak dibutirkan dalam mana-mana senarai di bawah Jadual Kesembilan. Kuasa tersebut masih terpelihara dan dijamin oleh Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 77. Kuasa baki perundangan menyebut:

*“Badan Perundangan sesuatu Negeri berkuasa membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang tidak disebut satu persatu dalam mana-mana Senarai yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, iaitu yang bukan suatu perkara yang berkenaan dengannya Parlimen berkuasa membuat undang-undang.”*

**5.0 CADANGAN PINDAAN PERUNTUKAN EPAINS 2003 UNTUK  
MENGELAKKAN PERCANGGAHAN DENGAN PERUNTUKAN PERKARA  
48 UTKS 1959**

Selaras dengan pandangan undang-undang yang diberikan, Kertas kerja ini mencadangkan pindaan kepada EPAINS 2003 seperti yang berikut:

1. Pindaan Seksyen 6(1).  
*Tertakluk pada peruntukan Enakmen ini, fungsi kuasa Majlis untuk membantu dan menasihati DYMM seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 48 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dalam hal ehwal hukum syarak hendaklah dilaksanakan oleh Mufti.*
  
2. Pindaan Seksyen 6(2).  
*Tertakluk pada peruntukan Enakmen ini, fungsi kuasa Majlis untuk membantu dan menasihati DYMM seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 48 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dalam hal ehwal pentadbiran keadilan hendaklah dilaksanakan mengikut Bahagian IV di sini.*
  
3. Seksyen 45 boleh dimansuhkan, atau secara alternatifnya dipinda seperti yang berikut:  
*Mufti hendaklah melaksanakan kewajipan seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen ini.*

#### 4. Infografik Pindaan

Seksyen	Cadangan pindaan
6(1)	Tertakluk pada peruntukan Enakmen ini, fungsi kuasa Majlis untuk membantu dan menasihati DYMM seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 48 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dalam hal ehwal hukum syarak hendaklah dilaksanakan oleh Mufti.
6(2)	Tertakluk pada peruntukan Enakmen ini, fungsi kuasa Majlis untuk membantu dan menasihati DYMM seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 48 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dalam hal ehwal pentadbiran keadilan hendaklah dilaksanakan mengikut Bahagian IV di sini.
45	Mufti hendaklah melaksanakan kewajipan seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen ini.

Sementara rang undang-undang untuk meminda peruntukan berkaitan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Selangor, MAIS disyorkan untuk membuat keputusan dalam mesyuarat seperti berikut:

*Tertakluk pada peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, fungsi kuasa Majlis untuk membantu dan menasihati DYMM seperti yang*

*diperuntukkan oleh Perkara 48 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dalam hal ehwal hukum syarak hendaklah dilaksanakan oleh Mufti.*

*Tertakluk pada peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, fungsi kuasa Majlis untuk membantu dan menasihati DYMM seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 48 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dalam hal ehwal pentadbiran keadilan hendaklah dilaksanakan mengikut Bahagian IV di sini.*

## **6.0 SYOR**

Jawatankuasa Dasar/Polisi MAIS dengan segala hormatnya dipohon memperakukan cadangan Dasar/Polisi yang dicadangkan.



**LAMPIRAN 8**

**KERTAS CADANGAN UNTUK DASAR/POLISI  
JAWATANKUASA DASAR/POLISI MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI SELANGOR (MAIS) BAGI PERTIMBANGAN MAIS  
BIL 2/2003**

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**



**DASAR/POLISI PENYUSUNAN SEMULA STRUKTUR ORGANISASI  
PENTADBIRAN HAL EHWAL ISLAM SELARAS DENGAN PERUNTUKAN  
PERKARA 48 UTKS 1959**

Oleh:

Dr.Noor Dzuhaidah Osman (Ketua Penyelidik)<sup>1</sup>

Ahli-ahli Penyelidik:

Datuk Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain<sup>2</sup>

Prof.Madya Dr.Syahirah Abdul Shukor<sup>3</sup>

Dr.Norman Zakiyy<sup>4</sup>

Dr.Ahmad Syukran Badaruddin<sup>5</sup>

Puan Syuhailah Abd.Latif<sup>6</sup>

Enumerator:

Izza Madihah Binti Hamdan<sup>7</sup>

<sup>1,3,4,5,7</sup>Fakulti Syariah Dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai

71800 Nilai, Negeri Sembilan

<sup>2</sup>International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM)

Kuala Lumpur

<sup>6</sup>Peguambela Dan Peguamcara

Mahkamah Tinggi Malaya

Peguam *Syarie* Selangor

## **1.0 PENGENALAN**

Semakan kepada struktur organisasi sedia ada menunjukkan ada keperluan untuk dibuat penyusunan semula selaras dengan peruntukan Perkara UTKS 1959. Struktur yang perlu dibina semula hendaklah dapat menggambarkan kedudukan sebenar MAIS sebagai pihak berkuasa pentadbiran hal ehwal agama Islam di bawah Butiran I Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan selepas DYMM Sultan Selangor.

Sebagai pihak berkuasa agama selepas DYMM Sultan Selangor dalam bidang kuasa yang dinyatakan, maka sumber kuasa bagi pihak lain yang melaksanakan fungsi kuasa MAIS hendaklah jelas dan tidak terputus. Dicadangkan seperti yang berikut:

Struktur organisasi besar pentadbiran hal ehwal agama Islam di bawah Ketua Agama Negeri seperti Lampiran A.

## **2.0 PERUBAHAN STRUKTUR ORGANISASI MAIS YANG HOLISTIK**

Dalam usaha untuk mencapai kesepaduan dan kecekapan dalam pentadbiran agama Islam di Selangor, kami mencadangkan perubahan struktur organisasi MAIS untuk memastikan pendekatan yang lebih holistic juga selaras dengan UTKS 1959 juga EPAINS 2003. Cadangan ini dilampirkan sebagai Lampiran B dan C.

### **2.1 KEBAIKAN CADANGAN PENSTRUKTURAN SEMULA MAIS**

- i. Berasaskan kepada sumber kuasa yang diberikan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959.

- ii. Keterserlahan MAIS sebagai pihak berkuasa di bawah Perkara 48 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959.
- iii. Berasaskan peruntukan EPAINS 2003.
- iv. Perwakilan kuasa yang tersusun untuk mengukuhkan sistem pentadbiran hal ehwal agama Islam di bawah bidang kuasa Negeri yang membahagikan jabatan secara lebih terfokus.
- v. Penstrukturan badan eksekutif hal ehwal agama Islam di bawah bumbung yang sama untuk mengelakkan percanggahan polisi.
- vi. Pengwujudan Skim Perkhidmatan MAIS.
- vii. Mengukuhkan rangkaian kerjasama antara jabatan dan perkongsian kepakaran untuk melaksanakan visi, misi dan objektif MAIS.

## **2.2 HALANGAN**

Walaupun cadangan perubahan struktur organisasi MAIS adalah positif, terdapat beberapa halangan yang mungkin dihadapi:

- a. Perubahan Mindset dan Budaya: Menerapkan pendekatan holistik memerlukan perubahan mindset dan budaya organisasi yang mungkin memerlukan masa dan usaha yang berterusan.
- b. Komunikasi dan Koordinasi: Pengukuhan kerjasama antara entiti yang berbeza memerlukan komunikasi dan koordinasi yang efektif. Penghalang komunikasi atau kurangnya koordinasi mungkin mempengaruhi pelaksanaan dasar yang diusulkan.
- c. Perubahan Struktur: Memperkenalkan perubahan dalam struktur organisasi boleh menyebabkan cabaran seperti perlawanan daripada pihak dalaman atau perubahan dalam hierarki organisasi yang mungkin memerlukan penyesuaian.
- d. Sokongan Pihak Atas: Kejayaan perubahan struktur organisasi memerlukan sokongan penuh daripada pihak atasan dan pemimpin organisasi.

e. Kekangan Sumber: Pelaksanaan perubahan organisasi memerlukan sumber manusia, kewangan, dan teknologi yang mencukupi. Kekangan sumber mungkin memperlambat proses perubahan.


Bagaimanapun, dengan kesedaran dan usaha yang berterusan, halangan ini boleh ditangani dan diatasi untuk mencapai struktur organisasi yang lebih holistik dan berkesan bagi MAIS.

### **3.0 SYOR**

Jawatankuasa Dasar/Polisi MAIS dengan segala hormatnya dipohon memperakukan cadangan Dasar/Polisi yang dicadangkan.


## LAMPIRAN A

### CADANGAN CARTA ORGANISASI INSTITUSI PENTADBIRAN ISLAM NEGERI SELANGOR




## LAMPIRAN B

### CADANGAN STRUKTUR BADAN EKSEKUTIF



## LAMPIRAN C

### CADANGAN STRUKTUR ORGANISASI PEJABAT MAIS DICARTAKAN





**LAMPIRAN 9**

**KERTAS CADANGAN UNTUK DASAR/POLISI  
JAWATANKUASA DASAR/POLISI MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI SELANGOR (MAIS) BAGI PERTIMBANGAN MAIS  
BIL 3/2003**

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**



**DASAR/POLISI KAEDAH PENUBUHAN JAWATANKUASA DAN PELETAKAN  
FUNGSI KUASA DI BAWAH JAKESS DAN JMNS**

Oleh:

Dr.Noor Dzuhaidah Osman (Ketua Penyelidik)<sup>1</sup>

Ahli-ahli Penyelidik:

Datuk Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain<sup>2</sup>

Prof.Madya Dr.Syahirah Abdul Shukor<sup>3</sup>

Dr.Norman Zakiyy<sup>4</sup>

Dr.Ahmad Syukran Badaruddin<sup>5</sup>

Puan Syuhailah Abd.Latif<sup>6</sup>

Enumerator:

Izza Madihah Binti Hamdan<sup>7</sup>

<sup>1,3,4,5,7</sup>Fakulti Syariah Dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai

71800 Nilai, Negeri Sembilan

<sup>2</sup>International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM)

Kuala Lumpur

<sup>6</sup>Peguambela Dan Peguamcara

Mahkamah Tinggi Malaya

Peguam *Syarie* Selangor

## **1.0 PENGENALAN**

Pada tanggal 19 Januari 2021, Mesyuarat MAIS bil.1/2021 serta Mesyuarat Khas MAIS bil. 2/2021 yang berlangsung pada 3 Ogos 2021 telah memberikan persetujuan untuk menubuhkan 19 Jawatankuasa MAIS.

19 Jawatankuasa dikelolakan oleh MAIS dan JAIS, serta 5 buah Jawatankuasa lainnya yang berada di bawah pengawasan JMNS dan JAKESS. Dalam konteks ini, terdapat dua Jawatankuasa yang dikelola di bawah pengawasan JMNS, yakni Jawatankuasa Fatwa dan Jawatankuasa Falak.

Untuk meletakkan pertanggungjawaban dalam bentuk pengurusan ke atas sejumlah Jawatankuasa yang ditubuhkan secara terus kepada JMNS dan JAKESS, MAIS boleh meluluskan kertas polisi berbentuk peraturan pentadbiran yang merangkumi kuasa pelantikan anggota Jawatankuasa, penghentian keanggotaan Jawatankuasa, tuntutan elaun mesyuarat, pengelolaan pertemuan Jawatankuasa dan hal-hal berkaitan lainnya kepada pihak yang berkenan. Ini adalah selaras dengan kuasa MAIS yang diperuntukkan oleh Perkara 48 UTKS 1959, kerana keputusan mesyuarat MAIS akan hanya dilaksanakan setelah diampuni perkenan oleh DYMM Sultan Selangor.

## **2.0 STRATEGI PERLAKSANAAN**

Terdapat 2 strategi pelaksanaan di dalam cadangan dasar ini iaitu:

### **(i) Polisi Pemberian Kuasa (Granting of Authority)**

Kuasa MAIS diperuntukkan oleh Perkara 48 UTKS untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Negeri. Justeru MAIS

boleh menasihati DYMM untuk membenarkan JMNS dan JAKESS melaksanakan fungsi kuasa MAIS seperti yang ditetapkan dalam enakmen berkaitan, dan pada premis yang sama untuk penubuhan Jawatankuasa termasuklah pelantikan Anggota Jawatankuasa, Penamatan Anggota Jawatankuasa, Tuntutan Elaun Mesyuarat, Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa, Jenis Mesyuarat Dan Lain-Lain Perkara Berkaitan mengikut keputusan MAIS.

**(ii) Polisi Perwakilan Kuasa**

Perwakilan kuasa merupakan prosedur jangka masa panjang yang memerlukan pindaan enakmen EPAINS 2003. Oleh itu proses menjadi lambat namun secara jangka masa panjang dapat menjelaskan jelas isu bidang kuasa MAIS, JMNS dan JAKESS.

**2.1 POLISI PEMBERIAN/PENGAGIHAN (DESENTRALISASI) KUASA  
(GRANTING OF AUTHORITY)**

Pemberian kuasa merujuk kepada proses atau tindakan memberikan hak atau kuasa kepada seseorang atau kumpulan untuk menjalankan sesuatu tugas, tanggungjawab, atau keputusan. Dalam konteks organisasi atau struktur pentadbiran, pemberian kuasa biasanya dilakukan oleh pihak yang mempunyai kuasa atau tanggungjawab yang lebih tinggi kepada individu atau pihak lain yang berada di bawahnya dalam rantai hierarki. Proses ini melibatkan memberi wewenang atau mandat secara rasmi untuk membuat keputusan atau melaksanakan tugas tertentu.

Perwakilan kuasa merujuk kepada perpindahan sementara atau pembahagian kuasa dari seseorang yang mempunyai kuasa atau tanggungjawab yang lebih tinggi kepada orang lain atau wakil dalam sesuatu situasi atau tugas tertentu. Dalam konteks ini, orang yang memberikan kuasa tetap memegang kuasa keseluruhan, tetapi mereka mengizinkan wakil atau pihak lain untuk bertindak atau membuat keputusan atas nama mereka dalam situasi yang ditentukan.

Dengan kata lain, pemberian kuasa adalah proses memberikan kuasa secara rasmi dan berkekal kepada orang atau entiti tertentu untuk bertindak atau membuat keputusan dalam bidang tertentu. Manakala, perwakilan kuasa melibatkan pemberian tanggungjawab atau kuasa untuk bertindak atas nama orang lain untuk jangka masa atau tugas tertentu, tetapi kuasa itu masih dipegang oleh orang yang memberi kuasa.

Walaupun kedua konsep ini berbeza dalam beberapa aspek, tetapi mereka sering digunakan bersamaan dalam konteks pengurusan dan organisasi untuk memudahkan pengurusan dan memaksimumkan efisiensi. Dalam konteks yang sesuai, pemberian kuasa boleh diikuti dengan perwakilan kuasa untuk membolehkan tugas atau tanggungjawab diselesaikan dengan lebih fleksibel dan efisien.

## **2.1.2 ANALISA PILIHAN**

### **2.1.2.1 POLISI PEMBERIAN KUASA**

Polisi Pemberian Kuasa oleh MAIS kepada JMNS dan JAKESS merupakan prosedur jangka pendek paling yang paling mudah, cepat dan praktikal kerana mesyuarat jawatankuasa dasar MAIS hanya perlu meluluskan polisi ini sahaja dan dia akan menjadi efektif serta merta.

Ia juga merealisasikan kuasa MAIS untuk memberikan dan atau mewakilkan kuasa dan tugas khusus kepada JMNS dan JAKESS dalam perkara hukum syarak dan pentadbiran keadilan selaras dengan EPAINS 2003.

#### **2.1.2.1.1 Kelebihan Pemberian Kuasa:**

1. Meningkatkan Kecekapan: Dengan memberikan kuasa kepada individu atau pasukan, pengambilan keputusan boleh secara berpusat, menyebabkan respon terhadap cabaran dan peluang menjadi lebih cepat dan efisien.
2. Pemerksaan: Pemberian kuasa mendorong perasaan pemerksaan di kalangan pekerja, kerana mereka merasa dipercayai dan dihargai untuk mengambil tanggungjawab atas tugas mereka.
3. Fleksibiliti: Ia membenarkan fleksibiliti dalam menangani keperluan tempatan atau tertentu, kerana individu yang lebih dekat dengan situasi dapat membuat keputusan berdasarkan maklumat yang lebih tepat tanpa perlu kebenaran berterusan daripada atasan.
4. Pertumbuhan Profesional: Pekerja yang diberikan kuasa lebih cenderung untuk mengembangkan kemahiran dan kepakaran mereka, kerana mereka mempunyai peluang untuk membuat keputusan penting dan belajar dari pengalaman mereka.
5. Mengurangkan Beban Kerja Pengurusan: Dengan memberikan tugas dan kuasa pengambilan keputusan, pengurus dapat memberi tumpuan kepada perancangan strategik dan tugas peringkat tinggi, mengurangkan beban kerja mereka.

#### **2.1.2.1.2 Kelemahan Pemberian Kuasa**

1. Risiko Penyalahgunaan: Jika kuasa diberikan tanpa pengawasan atau kawalan yang sewajarnya, terdapat risiko bahawa ia mungkin disalahgunakan atau keputusan dibuat tanpa mengambil kira kepentingan terbaik organisasi.

2. Kekurangan Akauntabiliti: Pemberian kuasa boleh menyebabkan kurangnya Akauntabiliti jika orang atau pasukan yang bertanggungjawab tidak memenuhi jangkaan atau gagal untuk mengambil tanggungjawab atas keputusan mereka.

3. Cabaran dalam Komunikasi: Apabila kuasa disebar di kalangan pelbagai individu atau pasukan, koordinasi dan komunikasi mungkin menjadi cabaran, menyebabkan kekeliruan atau keputusan yang bercanggah.

4. Pengambilan Keputusan yang Tidak Konsisten: Individu yang berbeza mungkin mentafsirkan kuasa dengan cara yang berbeza, menyebabkan pengambilan keputusan yang tidak konsisten di seluruh organisasi.

5. Rintangan terhadap Perubahan: Sesetengah pekerja mungkin menolak idea diberikan lebih banyak kuasa, terutama jika mereka tidak selesa dengan mengambil tanggungjawab tambahan atau membuat keputusan penting.

Adalah penting untuk mencapai keseimbangan ketika memberikan kuasa dan memastikan ia disertai dengan garis panduan yang jelas, latihan, dan sokongan. Komunikasi yang baik dan mekanisme maklum balas yang berkala juga boleh menangani banyak cabaran yang berkaitan dengan pemberian kuasa dan membantu memaksimumkan manfaatnya.

## **2.2 PERWAKILAN KUASA**

Perwakilan kuasa merupakan prosedur jangka masa panjang yang memerlukan pindaan enakmen EPAINS 2003. Oleh itu proses menjadi lambat namun secara jangka masa panjang dapat menjelaskan jelas isu bidang kuasa MAIS, JMNS dan JAKESS.

### **2.2.1 Kelebihan Perwakilan Kuasa**

1. Mengurangkan beban kerja pengurusan
2. Penjadualan keputusan yang lebih baik
3. Mempercepatkan pengambilan keputusan
4. Pemerksaan dan pembangunan pekerja
5. Meningkatkan semangat dan motivasi
6. Mencipta struktur organisasi yang tertib
7. Meningkatkan hubungan dalam organisasi
8. Meningkatkan semangat berkumpulan
9. Penggunaan sumber manusia yang berkesan
10. Membolehkan perniagaan berkembang

### **2.2.2 Halangan-halangan**

Kadang-kala perwakilan kuasa mungkin menghadapi beberapa halangan daripada kedua-dua pengurus dan subordinat, antara lain:

#### **Pengurus:**

1. Seseengah pengurus adalah autokrat, enggan untuk memberi kuasa kepada orang lain.
2. Seseengah mungkin terlalu cerewet dan merasakan bahawa tiada sesiapa yang boleh melaksanakan tugas dengan lebih baik.
3. Kurang keyakinan terhadap keupayaan staf bawahan.
4. Seseengah pengurus mungkin tidak mahir dalam menggunakan kuasa.
5. Takut bahawa staf bawahan mungkin melaksanakan tugas dengan lebih baik dan mengambil tempat kerjanya.



6. Sesetengah pengurus takut untuk mengambil risiko keputusan yang salah daripada staf bawahan.

7. Staf bawahan mungkin mengungkap kelemahan pengurus dengan melaksanakan tugas dengan lebih baik.

**Staf Bawahan:**

1. Staf bawahan mungkin takut untuk membuat keputusan sendiri dan enggan memikul tanggungjawab, oleh itu mereka mungkin menolak delegasi kuasa.

2. Staf bawahan mungkin menolak kuasa jika mereka rasa mereka mungkin membuat kesilapan dalam membuat keputusan dan mendapat kritikan dari atasan.

3. Jika staf bawahan merasakan kekurangan sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugas mereka, mereka mungkin menolak menerima kuasa.

4. Kurang keyakinan terhadap keupayaan diri.

5. Jika staf bawahan melihat tiada keuntungan positif dengan menerima tanggungjawab, mereka mungkin mengelak daripada menerima kuasa.

**3.0 CONTOH KAEDAH PEMBERIAN KUASA YANG BOLEH**

**DILAKSANAKANOLEH MAIS**

**3.1. PINDAAN PERATURAN-PERATURAN JAWATANKUASA MAJLIS AGAMA  
ISLAM SELANGOR 2011**

**PEMBERIAN KUASA**

4A. (1) MAIS boleh dengan surat cara bertulis dan tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Majlis Agama Islam

Selangor 2011 dan lain-lain peraturan atau undang-undang yang dirujuk, memberi kuasa kepada mana-mana jawatankuasa atau mana-mana orang yang dinyatakan dalam surat cara itu mengikut nama atau jawatannya.

(2) Sesuatu pemberian kuasa di bawah seksyen ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh pegawai atau pihak berkuasa yang membuat perwakilan itu.

(3) Tiada apa-apa pemberian kuasa di bawah seksyen ini boleh menyentuh hak pegawai atau pihak MAIS yang memberi kuasa kepada mana-mana jawatankuasa atau mana-mana orang yang dinyatakan dalam surat cara itu mengikut nama atau jawatannya.

### 3.2 SECARA PENTADBIRAN

Berbincang dan menjelaskan sewaktu Mesyuarat Pengurusan Tertinggi MAIS, JAKESS dan JMNS bahawa hal ehwal jawatankuasa JAKESS dan JMNS adalah tertakluk kepada jabatan-jabatan tersebut. Hal ini perlu ditulis di dalam minit mesyuarat atau surat cara arahan dari MAIS.

### 4.0 RINGKASAN KAEDAH/PERANCANGAN

Bil	Perancangan	Senarai Dasar/Polisi	Kaedah
1.	Jangka pendek	Pemberian Kuasa dari MAIS kepada JAKESS dan JMNS untuk urusan jawatankuasa	Mesyuarat Jawatankuasa Dasar /Polisi MAIS

2.	Jangka Panjang	Pewakilan Kuasa dari MAIS kepada JAKESS dan JMNS	Pindaan EPAINS 2003 di Dewan Undangan Negeri Selangor Mesyuarat Jawatankuasa Dasar /Polisi MAIS
----	----------------	--	---

## 5.0 IMPLIKASI STAF/FIZIKAL/KEWANGAN

Hasil kajian dan temuramah kami mendapati bahawa secara dasarnya dalam menentukan keperluan dan jumlah elaun yang perlu/tidak diberikan kepada ahli jawatankuasa maka beberapa perkara berikut perlu diambilkira. Secara dasarnya mengikut amalan pentadbiran sesetengah MAIN, elaun hanya dibayar pada jawatankuasa yang menjalankan fungsi MAIN sahaja. Manakala sekiranya jawatankuasa tersebut hanya menjalankan fungsi jabatan tersebut sahaja, maka ia bermaksud ia hanya melakukan tugas hakiki jabatannya sahaja maka tidaklah perlu dibayar elaun tersebut.

Disarankan pihak MAIS menyenaraikan implikasi kepada staf (keperluan sumber), fizikal (prasarana, kemudahan, peralatan dan lain-lain) dan juga kewangan (kos pelaksanaan) jika berkaitan. Ini tertakluk kepada pihak MAIS yang lebih arif dan tahu selok belok perjalanan operasi MAIS bagi melaksanakan dasar dan polisi-polisi yang disarankan.

## 6.0 PENUTUP

Beberapa perkara harus diberi perhatian oleh pihak MAIS:

1. Menjelaskan prosedur dan syarat-syarat bagi pemberian kuasa ini, termasuk pengiktirafan kelayakan, kepakaran, dan integriti bagi JMNS dan JAKESS.
2. Koordinasi dan Kerjasama:
  - Menetapkan mekanisme koordinasi dan kerjasama antara MAIS, JAKESS, dan JMNS.
  - Memastikan bahawa perkara-perkara yang melibatkan operasi, urus tadbir, bidang kuasa dan peranan diputuskan dengan sepenuhnya mengikut hukum syariah dan proses undang-undang yang betul.
3. Penilaian dan Penyemakan:
  - Menetapkan proses penilaian berkala untuk menilai keberkesanan polisi dan hubungan antara entiti-entiti ini dalam mencapai matlamat yang ditetapkan.
  - Menyediakan mekanisme penyemakan dan penyesuaian polisi mengikut keperluan semasa dan perubahan dalam persekitaran undang-undang dan sosial.
4. Kesedaran Awam dan Pendidikan:
